

“MAKA hendaklah engkau (wahai Nabi Muhammad) sentiasa beristiqamah (tetap teguh di atas jalan yang benar) sebagaimana yang diperintahkan kepadamu dan orang-orang yang bertaubat bersamamu, dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Dia Maha Melihat apa yang kamu kerjakan.”
 - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Hud, ayat 112.

KERJASAMA MARITIM, SATU BIDANG KEUTAMAAN DALAM AOIP



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sesi Retreat Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Australia yang berlangsung di Government House Victoria. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (Lihat muka 3).

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
 f Pelita Brunei @ pelitabrunei pelitabrunei

Berita Utama

372 Amil dilantik seluruh negara
Muka 24

SIMPOSIUM ketengahkan pertumbuhan dalam Al-Quran, hadis
Muka 27

PROGRAM Negeraku Kebanggaanku tutup tirai
Muka 34

Perluaskan peluang kerjasama pelbagai bidang

■ Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

TOKYO, JEPUN, Jumaat, 8 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri malam ini berkenan berangkat ke Majlis

Resepsi Ulang Tahun Ke-40 Penubuhan Hubungan Diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Jepun, yang berlangsung di Imperial Hotel, Tokyo.

Semasa Majlis Resepsi tersebut, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan sabda menzahirkan rasa gembira atas keberangkatan menghadiri Majlis Resepsi

bagi meraikan Ulang Tahun Ke-40 Penubuhan Hubungan Diplomatik di antara NBD dan Jepun, yang mana kedua-dua buah negara mempunyai kerjasama yang sangat baik dalam bidang tenaga, perdagangan dan pelaburan, pendidikan dan pertukaran antara rakyat.

>> Muka 5

Lima lokasi bagi penglihatan anak bulan Ramadan

■ Siaran Akhbar : Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Mac. - Sebanyak lima lokasi telah dipilih bagi penglihatan anak bulan Ramadan Tahun 1445 Hijrah seluruh negara pada petang Ahad, 29 Syaaban 1445 bersamaan 10 Mac 2024.

Menurut Siaran Akhbar Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Hakim-Hakim Syarie dan pegawai-pegawai Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri (JPM)

bersama para pegawai dari Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan akan berada di tempat-tempat yang telah ditetapkan untuk merukyah (melihat anak bulan Ramadan 1445H).

Tempat-tempat berkenaan ialah di Menara DST, Bangunan DST Headquarters, Lebuhraya Tungku, Daerah Brunei dan Muara; Taman Rekreasi Tanjung Batu, Kampung Sabun, Pekan Muara, Daerah Brunei dan Muara; Bukit Agok, Jerudong, Daerah Brunei dan Muara; Bangunan

Hilal Bukit Ambog, Daerah Tutong; dan Bangunan Hilal Bukit Lumut, Daerah Belait.

Berikutan dengan itu, pengumuman satu Ramadan (awal puasa Ramadan bagi Tahun 1445H / 2024 Masihi) akan disiarkan melalui Radio Televisyen Brunei (RTB) sebaik-baik sahaja rukyah pada petang berkenaan diperoleh melalui pemakluman yang dilakukan melalui siaran RTB.

Sehubungan dengan itu, orang ramai adalah diminta memberikan kerjasama supaya tidak mendekati tempat-tempat berkenaan.

PICKLEBALL sukan baharu yang menyeronokkan
Muka 39



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bersabda pada Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadan 1445 Hijrah / 2024 Masihi pada 5 Mac 2024 Masihi bersamaan dengan 24 Syaaban 1444 Hijrah di Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB.

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmanir Raheem

ALHAMDULILLAH Rabbil Aalamiin, segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang serta selawat dan

Pastikan tiada yang tercicir dari menerima buah kurma

salam ke atas Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, serta kaum kerabat dan sahabat-sahabat serta pengikut-pengikut baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Pada tahun ini dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala kita sekali lagi berpeluang untuk menyempurnakan Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Paduka Ayahanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadan yang akan menjelang tidak lama lagi.

Bulan Ramadan setentunya mempunyai banyak rahsia, pengajaran dan iktibar yang boleh kita gunakan bagi mengharungi kehidupan seharian. Keikhlasan dalam melaksanakan sesuatu perkara yang bukan didorong kerana kepentingan peribadi mahupun imbalan duniawi, akan tetapi semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala adalah satu sifat yang mulia lagi terpuji.

Ini bertepatan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Asy-Syura, ayat 20 yang bermaksud : "Sesiapa yang menghendaki keuntungan di akhirat, Kami tambah baginya keuntungan itu, dan sesiapa yang menghendaki keuntungan di dunia, Kami berikan kepadanya sebahagian

daripadanya dan tidaklah ada baginya suatu bahagian pun di akhirat."

Dalam melaksanakan pengagihan kurma kurnia peribadi paduka ayahanda ini khususnya kepada mereka yang layak menerimanya, ciri-ciri seperti keikhlasan, komitmen dan kesabaran yang selama ini ditunjukkan oleh para pemimpin akar umbi termasuk ahli-ahli Majlis Perundingan adalah amat memberangsangkan dan dihargai.

Walau bagaimanapun, kita janganlah mudah berpuas hati dengan apa yang telah dicapai selama ini. Ini kerana masih juga kedengaran suara-suara yang mengatakan ada pihak-pihak tertentu yang masih juga belum menerima kurma kurnia peribadi paduka ayahanda. Oleh yang demikian, pihak Pengurusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bersama semua pihak yang terlibat hendaklah terus memikul tanggungjawab ini dengan penuh keikhlasan, kebijaksanaan dan dedikasi dalam sama-sama memastikan tidak ada orang-orang tertentu yang tercicir dari menerima buah kurma kurnia paduka ayahanda ini sebagai juadah berbuka puasa di negara ini.

Saya gembira mengetahui pada tahun ini pihak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan sekali lagi akan dilibatkan dalam sama-sama membantu kerja-kerja pengagihan kurma kurnia peribadi paduka ayahanda dengan menyediakan

pengangkutan kenderaan bagi membawa buah kurma berkenaan ke beberapa tempat yang ditetapkan. Semoga usaha ini akan dapat diteruskan ke arah memberkesankan lagi pengagihan kurma kurnia peribadi berkenaan.

Di kesempatan ini, saya sukacita ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kementerian dan jabatan kerajaan, Pegawai-pegawai Daerah, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Radio Televisyen Brunei, Jabatan Penerangan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan dan semua lapisan masyarakat yang terlibat dalam mengurus dan mengendalikan amanah dan tanggungjawab yang berkebakikan ini dengan jayanya.

Akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala, semoga Paduka Ayahanda akan sentiasa dikurniakan kesihatan dan 'afiat yang berpanjangan, dimudahkan rezeki dan sentiasa berada di bawah perlindungan dan pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala serta mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Aamiin.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

WAKTU SEMBAHYANG										
Mac MASIHI	HARI	Syaaban HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
9	SABTU	28	5.02	5.12	6.29	6.51	12.32	3.45	6.33	7.42
10	AHAD	29	5.01	5.11	6.29	6.51	12.32	3.44	6.32	7.42
11	ISNIN	30	5.01	5.11	6.28	6.50	12.31	3.43	6.32	7.41
12	SELASA	*1 Ramadan	5.01	5.11	6.28	6.50	12.31	3.43	6.32	7.41
13	RABU	2	5.00	5.10	6.27	6.50	12.31	3.42	6.32	7.41
14	KHAMIS	3	5.00	5.10	6.27	6.49	12.31	3.41	6.32	7.41
15	JUMAAT	4	5.00	5.10	6.27	6.49	12.30	3.40	6.32	7.41

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
	SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan	32 26 °C	32 26 °C	33 27 °C
Pekan Bangar	32 26 °C	32 26 °C	33 27 °C
Pekan Tutong	32 26 °C	32 26 °C	33 27 °C
Kuala Belait	32 27 °C	32 27 °C	33 27 °C

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 9 MAC 2024

Rebut peluang untuk melipat ganda pahala di bulan Ramadan

ALHAMDULILLAH dalam masa beberapa hari lagi kita akan menyambut kedatangan bulan Ramadan. Pada bulan Ramadan umat Islam selalunya akan membuat persiapan-persiapan rohani dan jasmani. Selain daripada berpuasa di siang hari dan melalukan ibadah yang wajib yang lazim, mereka akan juga memperbanyakkan ibadah lain seperti solat-solat sunat, cuba mengkhatamkan Al-Quran, memperbanyakkan doa dan zikir untuk menambah pahala dan mencari keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam mempersiapkan diri untuk bulan Ramadan, ada baiknya kita merancang jadual harian. Ini adalah untuk memastikan aktiviti atau rutin harian akan dapat diteruskan, di samping menjaga puasa dan amal ibadah lain. Bulan Ramadan adalah sangat penting bagi umat Islam kerana ianya adalah masa untuk memperbanyakkan amal ibadah dan ada juga yang akan mengambil masa ini untuk melakukan muhasabah diri dan mencuba untuk memperbaiki diri dari segi kerohanian. Puasa pada bulan ini dilihat sebagai cara untuk membersihkan jiwa dan mendekatkan diri dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Pada bulan Ramadan juga umat Islam percaya bahawa pintu syurga akan terbuka dan syaitan tidak akan berleluasa menggoda manusia. Ini menjadikan bulan Ramadan masa yang sesuai untuk melakukan ibadah sebanyak yang kita boleh dan memohon keampunan.

Bulan Ramadan memupuk semangat kemasyarakatan dan solidariti di kalangan umat Islam di seluruh dunia. Kita setentunya akan berpuasa bersama keluarga dan rakan-rakan, serta menyertai solat berjemaah seperti solat sunat Tarawih dan banyak bersedekah dan melakukan amal jariah yang lain seperti 'menyungkaikan' yang boleh mengeratkan silaturahim dalam masyarakat Islam. Puasa pada bulan Ramadan mengajar umat Islam bersyukur atas nikmat yang dimiliki dan ia membantu memupuk rasa empati kepada mereka yang kurang bernasib baik. Puasa berfungsi sebagai peringatan tentang kepentingan membantu mereka yang memerlukan.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan dari Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Maksudnya : "Setiap amalan anak-anak Adam itu dilipat gandakan, satu kebajikan dilipatgandakan dengan sepuluh hingga tujuh ratus kali ganda. Allah berfirman : Kecuali puasa, sesungguhnya puasa itu untuk kau Akulah yang akan memberi ganjaran pahalanya. Orang yang berpuasa itu telah meninggalkan nafsu syahwat, makan dan minum kerana Aku. Bagi orang yang berpuasa ada dua kegembiraan, kegembiraan ketika berbuka dan kegembiraan ketika ia menjumpai tuhan. Dan bau mulut orang yang berpuasa di hadapan Allah lebih harum dari wangi kasturi". Oleh itu, marilah kita sama-sama merebut peluang untuk melipat gandakan pahala kita dengan melebihi amal ibadah di bulan Ramadan. - **Ketua Penyuntingan (Nr).**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunel@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunel.gov.bn

تربیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتری دان دجیتق اوله فرینت قلس سنڤیرین برحد، نڤارا برونی

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERANGKAT MENINGGALKAN MELBOURNE, AUSTRALIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan Melbourne, Australia, selepas menghadiri Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Australia pada 5 hingga 6 Mac 2024. Berangkat mengiringi baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

MELBOURNE, AUSTRALIA, ibni Al-Marhum Sultan Haji Rabu, 6 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Brunei Darussalam berangkat

meninggalkan Melbourne, Australia, hari ini selepas menghadiri Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Australia pada 5 hingga 6 Mac 2024.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sebelum berangkat balik, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Hadir di Melbourne Jet Base bagi menyebarkan ucapan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Luke Arnold serta pegawai dan kakitangan Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Canberra, Australia.

Kerjasama maritim, satu bidang keutamaan dalam AOIP



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar sejourus tiba di Fountain Court, Government House Victoria dan berinteraksi bersama penjaga Australian Kaola (kiri dan kanan).

MELBOURNE, AUSTRALIA, Rabu, 6 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sesi Retreat Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Australia yang berlangsung di Government House Victoria.

Berangkat mengiringi Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Pada sesi ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bertitah melahirkan kebimbangan mengenai ketidaktentuan

geopolitik global dan cabaran yang semakin meruncing dan berkembang, meskipun jauh berlaku tetapi ia turut menjejaskan rantau ini.

Gangguan rantaian bekalan yang berpanjangan telah mengakibatkan harga makanan dan tenaga yang lebih tinggi dan pewujudan pelbagai strategi Indo-Pasifik dan minilateral berkemungkinan menambah lagi ketidaktentuan dan cabaran yang telah dihadapi.

Dalam hal ini, titah baginda,

ASEAN membangunkan ASEAN Outlook on the Indo-Pacific (AOIP) untuk menggalakkan persekitaran yang membolehkan keamanan dan kerjasama, berdasarkan kepada prinsip keterbukaan, keterangkuman dan ketelusan.

Baginda menegaskan, kemakmuran berterusan rantau ini bergantung kepada keamanan dan kestabilan di lautan dan sekitarnya, terutamanya apabila 60 peratus perdagangan global melalui kawasan maritimnya.



Perdagangan maritim sebegini bukan sahaja memberikan cabaran keselamatan dan keselamatan, tetapi juga boleh memberi kesan buruk kepada persekitaran marin, termasuk disebabkan oleh pencemaran dan kemerosotan habitat semula jadi.

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menghadiri Sesi Retreat Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Australia yang berlangsung di Government House Victoria.

>> Muka 3

Inilah sebabnya, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, kerjasama maritim merupakan satu bidang keutamaan dalam AOIP di mana isu sebegini dapat ditangani bersama.

Ke arah ini, kerjasama dengan Australia adalah dialu-alukan untuk meningkatkan kesedaran

domain maritim bagi pengurusan sumber marin yang mampan, memelihara biodiversiti dan memastikan laluan laut yang selamat dan terjamin.

Menyentuh mengenai cabaran perubahan iklim global yang berterusan, baginda juga menggariskan kepentingan untuk bekerjasama dengan Australia dalam menangani perkara itu, yang

mengakibatkan kejadian cuaca buruk lebih kerap, menyebabkan kerosakan kepada infrastruktur dan juga mengganggu aktiviti pertanian.

Justeru, ASEAN dan Australia perlu bekerjasama untuk mengurangkan kesan perubahan iklim terhadap kehidupan rakyat dan bagi memenuhi komitmen yang telah dibuat pada Conference

of the Parties Ke-28, terutamanya ke arah peralihan tenaga.

Pada mengakhiri titah, sokongan berterusan Australia melalui Strategi Tindakan Perubahan Iklim serta komitmen berterusan mereka untuk menyediakan bantuan bagi mengoperasikan Pusat Perubahan Iklim ASEAN di Negara Brunei Darussalam, yang akan memudahkan penyelarasan



serantau dan membangunkan strategi untuk menangani perubahan iklim adalah sangat dihargai.

ASEAN, Australia bina hubungan, persefahaman yang berkekalan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Australia bersama Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN, Australia dan Republik Demokratik Timor-Leste.

MELBOURNE, AUSTRALIA, Rabu, 6 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Australia bersama Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN, Australia dan Republik Demokratik Timor-Leste, hari ini.

Sidang Kemuncak Khas ini adalah bagi meraikan Ulang Tahun Ke-50 sejak Australia menjadi Rakan Dialog ASEAN Pertama pada Tahun 1974 dan bertujuan untuk meningkatkan kerjasama ASEAN-Australia di

bawah Perkongsian Strategik Komprehensif.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sesi Plenari Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Australia diadakan di Melbourne Convention Exhibition Centre, di mana Perdana Menteri Australia, The Honourable Anthony Albanese dan Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Sonexay Siphandone selaku Pengerusi ASEAN menyampaikan ucapan-ucapan pembukaan.

Pada sesi ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bertitah menekankan bahawa ASEAN dan Australia telah memupuk persahabatan yang erat berdasarkan sikap saling dipercayai dan menghormati sejak 1974, sehingga membolehkan pembangunan bidang kerjasama dan menangani pelbagai cabaran bersama.

Perkongsian itu, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menyumbang kepada keamanan dan kemakmuran serantau yang membawa kepada penubuhan Perkongsian Strategik Komprehensif ASEAN - Australia pada 2021.

Menyentuh mengenai inisiatif

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

rakyat ke rakyat termasuk New Colombo Plan, Australia Awards Scholarships dan 'Australia for ASEAN Initiatives', baginda menekankan bahawa program ini adalah asas kepada hubungan rapat ASEAN-Australia dan pelaburan penting bagi membina hubungan dan persefahaman yang berkekalan antara rakyat ASEAN dan Australia, yang akan memastikan perkongsian itu kekal kukuh pada tahun-tahun akan datang.

Ke arah ini, baginda merakamkan penghargaan atas biasiswa yang dihulurkan kepada Negara Brunei Darussalam serta pengumuman Australia mengenai biasiswa tambahan yang akan bermula pada tahun 2025.

Dari segi ekonomi, Kebawah DYMM menggariskan kepentingan kerjasama ekonomi kepada hubungan ASEAN - Australia, di mana ASEAN-Australia-New Zealand FTA terus menjadi FTA yang paling komprehensif, berkualiti tinggi dan moden di rantau ini, yang turut menjadi rujukan dalam perundingan RCEP bagi meluaskan lagi perdagangan dan pelaburan di rantau yang lebih luas.

Pada akhir titah, 'Strategi Ekonomi Asia Tenggara hingga 2040' Australia yang memerlukan peningkatan pelaburan dan membina kapasiti rantau ini, dengan 'ekonomi digital' sebagai keutamaan adalah amat dihargai.

Baginda menegaskan bahawa strategi ini adalah relevan terutama sekali apabila ekonomi digital

ASEAN dijangka berkembang kepada 1 trilion dolar AS menjelang 2030 dan kini, ASEAN sedang berusaha membangunkan Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital.


Dalam pada itu, Kebawah DYMM juga mengadakan perbincangan yang membina dengan para pemimpin lainnya dalam memperkukuhkan lagi kerjasama ASEAN-Australia di bawah tiga tonggak Komuniti ASEAN.

Para pemimpin juga memberi pandangan dan tumpuan masing-masing kepada beberapa topik termasuk ASEAN Centrality, kestabilan dan kemakmuran rantau ASEAN dan Australia; pengemaskinian ASEAN-Australia-New Zealand Free Trade Agreement; Digital Economy Framework Agreement (DEFA); ekonomi digital; tenaga hijau, peralihan tenaga dan tenaga yang diperbaharui; perdagangan dan pelaburan; perhubungan maritim dan juga perubahan iklim.

Pada penghujung Sesi Plenari ini, The Melbourne Declaration : A Partnership for the Future dan the ASEAN-Australia Leaders' Vision Statement : Partners for Peace and Prosperity telah diluluskan.

Kebawah DYMM seterusnya berangkat bersama para pemimpin lainnya menghadiri Majlis Santap Tengah Hari yang dihoskan oleh Gabenor Victoria di S Tate Drawing Room, Governor House Victoria, Puan Yang Terutama Profesor the Honourable Margaret Gardner AC.

KEBAWAH DYMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Ketua Hakim Negara Malaysia, Yang Amat Arif Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat, yang berada di negara ini pada 5 hingga 8 Mac 2024 (atas dan kanan).

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima

mengadap Ketua Hakim Negara Malaysia, Yang Amat Arif Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat, yang berada di negara ini pada 5 hingga 8 Mac 2024.

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Darussalam dan Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara Malaysia telah berbincang mengenai perancangan dalam kerjasama kehakiman di antara kedua-dua buah negara, termasuk pengalaman penggunaan

teknologi Artificial Intelligence (AI). Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara Malaysia berada di negara ini atas jemputan Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk membuat kunjungan balas lawatan kerja ke NBD dan seterusnya mengadakan perjumpaan bersama Yang Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar, NBD dan menandatangani 'Memorandum of Judicial Cooperation' di antara Mahkamah Besar NBD dan Mahkamah Persekutuan Malaysia.

Melalui memorandum ini, kedua-dua badan kehakiman mempunyai platform untuk mengukuhkan komunikasi, memudahkan pembelajaran bersama dan menggalakkan inisiatif kerjasama terutama dalam bidang pentadbiran kehakiman, kepimpinan dan tadbir urus mahkamah.

Menyertai Yang Amat Arif semasa Majlis Mengadap tersebut ialah Hakim Mahkamah Tinggi Malaysia; Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia; dan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke NBD.

Turut hadir ialah Ketua Hakim Mahkamah Besar, NBD, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Pesuruhjaya-pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar; dan Pemangku Pendaftar Mahkamah Besar.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara Malaysia dan rombongan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) semasa membuat perjumpaan bersama His Imperial Highness Crown Prince Akishino.

Perluaskan peluang kerjasama pelbagai bidang

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

>> Muka 1

Keyakinan dan kepercayaan yang sekian lama wujud di antara Kerajaan Brunei, Shell dan Mitsubishi Corporation sejak tahun 1969 telah menyumbang kepada kerjasama dalam bidang tenaga yang sangat baik dan sedang dinikmati oleh kedua-dua buah

negara.

Tambahan lagi, DYTM mengongsikan bahawa NBD merupakan pembekal tenaga yang stabil dan boleh dipercayai, yang mana tahun 2022 telah menandakan ulang tahun ke-50 penghantaran BLNG kepada Jepun.

Dalam hal ini, DYTM menzahirkan harapan untuk


mengeratkan hubungan ini lagi di masa yang terdekat.

DYTM juga mengalu-alukan penyelesaian Aturan Pengecualian Visa dan menyatakan keyakinan bahawa ini akan memudahkan perjalanan dan pergerakan barangan dan perkhidmatan, terutamanya dalam meraikan tahun 2024 Brunei-Japan Friendship Year.

>> Muka 6



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Resepsi Ulang Tahun Ke-40 Penubuhan Hubungan Diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Jepun, yang berlangsung di Imperial Hotel, Tokyo (atas). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengadakan perjumpaan dengan wakil-wakil perniagaan Jepun.



>> Muka 5

Mengenai kerjasama serantau, DYTМ bersabda mengenai kerjasama rapat antara kedua-dua buah negara ke arah memajukan usaha-usaha pembangunan komuniti ASEAN di bawah Perkongsian Komprehensif Strategik dalam memelihara keamanan dan kemakmuran serantau.

Pada mengakhiri sabda, DYTМ melahirkan penghargaan terhadap sumbangan Jepun kepada ASEAN Junior Fellowship Programme yang diperkenalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun 2021, sekali gus mengeratkan

hubungan rakyat dari kedua-dua buah negara dan menanamkan kefahaman lebih mendalam mengenai ASEAN.

Sebelum Majlis Resepsi tersebut, DYTМ mengalu-alukan keberangkatan His Imperial Highness Crown Prince Akishino dan seterusnya membuat perjumpaan bersama His Imperial Highness.

DYTМ dan His Imperial Highness kemudiannya dijunjung berangkat masuk ke dewan bagi Majlis Resepsi.

Majlis Resepsi dimulakan dengan Lagu Kebangsaan NBD dan Jepun, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Jepun, Tuan Yang Terutama Haji Shahbudin bin Haji Musa, selaku

Hos Majlis dan seterusnya ucapan daripada Chief Cabinet Secretary of Japan, Tuan Yang Terutama Yoshimasa Hayashi, selaku wakil Kerajaan Jepun.

DYTМ dan His Imperial Highness kemudian beredar bagi menyaksikan pameran-pameran, yang mengetengahkan dan mempromosikan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh NBD.

Pameran tersebut terdiri daripada agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat dari NBD

serta pihak-pihak perniagaan utama negara yang bergiat aktif dengan pihak industri minyak dan gas Jepun iaitu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri; Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Brunei Economic Development Board (BEDB); Royal Brunei; The Empire Hotel Brunei; Darussalam Enterprise (DARE); Brunei Gas Carriers Sdn. Bhd.; Brunei Shell Petroleum; Brunei LNG Sdn. Bhd.; dan Brunei Methanol Company.

Terdahulu dari itu, DYTМ juga berkesempatan untuk berjumpa dengan wakil-wakil perniagaan Jepun dari beberapa syarikat termasuk Tokyo Gas, Japan's Energy for a New Era (JERA), Japan Petroleum Exploration (JAPEX) dan Mitsubishi Corporation.

40 Tahun Penubuhan Hubungan Diplomatik NBD dan Jepun telah mempamerkan komitmen berterusan kedua-dua buah negara untuk mengukuhkan hubungan muhibah dan kerjasama yang sekian lama terjalin dalam bidang-bidang seperti ekonomi, tenaga dan pertukaran antara masyarakat.

Sebagai salah satunya rakan perdagangan utama NBD dalam bidang tenaga, Keberangkatan Rasmi DYTМ ke Jepun juga meningkatkan peluang-peluang untuk meningkatkan kerjasama antara kedua-dua belah pihak dalam sektor tenaga.



DYTМ dan His Imperial Highness semasa menyaksikan lebih dekat pameran-pameran yang ditawarkan oleh NBD (atas dan bawah). Sementara gambar bawah kanan, DYTМ dan His Imperial Highness berkenan dijunjung bagi sesi bergambar ramai.



DULI Yang Teramat Mulia dan His Imperial Highness beredar bagi menyaksikan pameran-pameran, yang mengetengahkan dan mempromosikan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh Negara Brunei Darussalam (NBD).



BERANGKAT KE MAJLIS MENGADAP, MAJLIS SANTAP TENGAH HARI



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Majlis Mengadap dan Majlis Santap Tengah Hari bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Naruhito, Maharaja Jepun dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharani Masako, Maharani Jepun (kanan, atas, bawah kanan dan bawah kiri).

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Zul-izzi Haji Duraman



TOKYO, JEPUN, Jumaat, 8 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Majlis Mengadap dan Majlis Santap Tengah Hari bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Naruhito, Maharaja Jepun dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharani Masako, Maharani Jepun.

Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman hari ini berkenan berangkat ke Majlis Mengadap dan Majlis Santap Tengah Hari bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Naruhito, Maharaja Jepun dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharani Masako, Maharani Jepun.

Majlis-majlis berkenaan berlangsung di Imperial Palace, Tokyo.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Grand Steward of the Imperial House Agency, Mr. Nishimura Yasuhiko.

Semasa Majlis Mengadap berkenaan, DYT dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Jepun telah berbingcing mengenai perkara-perkara yang menjadi kepentingan bersama kepada Negara Brunei Darussalam dan Jepun, termasuk kerjasama yang sedia ada dalam bidang tenaga, perdagangan, pendidikan dan pertukaran antara masyarakat.

Selesai Majlis Mengadap berkenaan, DYT dan YTM berangkat menghadiri Majlis Santap Tengah Hari yang dihoskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Jepun dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharani Jepun bertempat di Rensui-kita, Imperial Palace.

Berangkat sama semasa Majlis Santap Tengah Hari berkenaan ialah His Imperial Highness Crown Prince Akishino dan Her Imperial Highness Crown Princess Akishino.

Sebelum berangkat balik, DYT dan YTM bersalaman perpisahan dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Jepun dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharani Jepun.



Berangkat tiba di Tokyo, Jepun



TOKYO, JEPUN, Khamis, 7 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman pagi ini berangkat ke Tokyo, Jepun bagi mengadakan Keberangkatan Rasmi pada 7 hingga 11 Mac 2024.

Berangkat bersama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman dialu-alukan oleh His Imperial Highness Crown Prince Akishino dan Her Imperial Highness Crown Princess Akishino (kiri, atas dan bawah kiri).

Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim; Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Sejurus keberangkatan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Haneda, Tokyo, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri

dialu-alukan oleh His Imperial Highness Crown Prince Akishino dan Her Imperial Highness Crown Princess Akishino.

DYT dan YTM kemudian berangkat bersama His Imperial Highness dan Her Imperial Highness ke Pentas Khas, di mana Lagu-lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan Jepun dimainkan.

Seterusnya, DYT dan YTM disembahkan kepada delegasi Jepun dan setelah itu, His Imperial Highness dan Her Imperial Highness disembahkan kepada rombongan delegasi rasmi Negara Brunei Darussalam.

Juga hadir bagi menjunjung keberangkatan tiba DYT dan

YTM ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Jepun, Tuan Yang Terutama Haji Shahbudin bin Haji Musa dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Toru Maeda.

Semasa Keberangkatan Rasmi ini, DYT dan YTM, antara lainnya, dijangka akan berangkat ke Majlis Mengadap dan Majlis Santap Tengah Hari yang dihoskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Naruhito, Maharaja Jepun dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharani Masako, Maharani Jepun.

DYT juga dijangka akan berangkat menghadiri Mesyuarat bersama Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Fumio Kishida serta menyaksikan Majlis Pertukaran Nota mengenai Aturan Pengecualian Visa.

Keberangkatan Rasmi DYT ke Jepun ini adalah juga sempena Memperingati Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik antara Negara Brunei Darussalam dan Jepun, yang mula terjalin pada 2 April 1984.

Keberangkatan ini adalah juga dorongan kepada mengukuhkan lagi hubungan akrab yang telah lama terjalin antara kedua-dua belah pihak, terutamanya berikutan peningkatan hubungan kepada perkongsian strategik semasa Keberangkatan Rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Jepun pada bulan Disember 2023.



DPMM berangkat ke Tokyo, Jepun



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar dan seterusnya menerima junjung ziarah sebelum berangkat ke Tokyo, Jepun bagi mengadakan Keberangkatan Rasmi pada 7 hingga 11 Mac 2024 (atas kiri, atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan).


Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Azmi Awang Damit



RIMBA, Khamis, 7 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman pagi tadi berangkat ke Tokyo, Jepun bagi mengadakan Keberangkatan Rasmi pada 7 hingga 11 Mac 2024.

Berangkat bersama Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim; Yang Teramat Mulia Pengiran

Anak Muneerah Madhul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman; dan



Berangkat di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyambahkan selamat berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik (kiri).



Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Sebelum berangkat, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Berangkat di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi menyambahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Berangkat sama dan hadir ke Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi menyambahkan selamat berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Cheteria; Menteri-menteri Kabinet; Ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei; Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Setiausaha-setiausaha Tetap dari JPM dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; serta pasangan masing-masing.

Meninjau, menyaksikan demonstrasi terkini aplikasi BruHealth

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa meninjau dan menyaksikan demonstrasi bagi ciri-ciri dalam aplikasi BruHealth di Pusat Kesihatan Muara (kiri dan kanan).

MUARA, Rabu, 6 Mac. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, hari ini telah meninjau dan menyaksikan demonstrasi bagi ciri-ciri dalam aplikasi BruHealth di Pusat Kesihatan Muara, di sini.

Terdapat beberapa ciri telah diperkenalkan dalam aplikasi

CIRI QMS merupakan sebuah sistem yang komprehensif dengan ciri-ciri yang telah diintegrasikan bagi memudahkan orang ramai untuk membuat tempahan perjanjian, pembayaran dalam talian dan pendaftaran sebelum menghadiri perjanjian di fasiliti kesihatan kerajaan.



BruHealth bagi perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan seperti Queue Management System (QMS), Konsultasi video (Video Consultation), Self Check-In dan Rekod Kesihatan Pesakit (Patient Health Record).


Ciri QMS merupakan sebuah sistem yang komprehensif dengan ciri-ciri yang telah diintegrasikan bagi memudahkan orang ramai untuk membuat tempahan perjanjian, pembayaran dalam talian dan pendaftaran sebelum menghadiri perjanjian di fasiliti kesihatan kerajaan.

QMS ini juga dapat membantu pihak Kementerian Kesihatan untuk menempatkan kakitangan dengan lebih berkesan dan produktif serta meningkatkan kualiti perkhidmatan pelanggan kepada orang ramai melalui pengurusan queuing system dengan lebih berkesan dan mengurangkan kesesakan orang ramai di pusat-pusat kesihatan.

Sistem pendigitalan ini akan memudahkan lagi orang ramai mendapatkan maklumat secara real-time bagi nombor giliran mereka melalui aplikasi BruHealth.



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN TERIMA LAWATAN KERJA DARI HURD



YANG Berhormat Menteri Pembangunan semasa menerima kunjungan rasmi daripada rombongan Rural Development Department (HURD) Republik Rakyat China.

Lawatan Kerja ke Kementerian Pembangunan.

Rombongan ini adalah merupakan Lawatan Rasmi Pegawai-pegawai Kanan daripada HURD yang merangkumi Pengarah-pengarah dari Personnel and Education Division, Housing Guarantee Division, Construction Market Supervision Division, Urban Construction Division dan Science and Technology Division diketuai oleh Ketua Pengarah Guangxi Housing and Urban-Rural Development Department (HURD),

Dr. Profesor YANG Lufeng.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid telah menerima kunjungan rasmi rombongan tersebut.

Turut serta menerima kunjungan, Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Zakaria; Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan dan Kemajuan), Sr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohd. Yaakub dan Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, Awang Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar.

Pada lawatan tersebut, rombongan telah menghadiri sesi mesyuarat yang diketuai oleh Sr. Dayang Hajah Norhayati. Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Ketua Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi) Kementerian Pembangunan, Ar. Dayang Hajah Haslinawati binti Haji Abdul Halim.

Antara lain tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk mengadakan perbincangan dua hala antara Kementerian

Pembangunan dan Guangxi HURD Department dalam sama-sama mencari bidang kerjasama dan persefahaman yang boleh diterokai bagi menghadapi cabaran global, mengukuhkan dan menggalakkan kerjasama dalam perumahan dan pembinaan yang berkualiti tinggi di mana adalah juga kesinambungan daripada Mesyuarat China-ASEAN Ministerial Roundtable on Construction yang telah diadakan pada 14 hingga 16 September 2023 di Nanning, Republik Rakyat China.

Para delegasi telah diberikan taklimat antara lainnya bertajuk 'Ministry of Development : Supporting Brunei Wawasan 2035 towards High Quality Living' yang disampaikan oleh Divisyen Penyelarasan Polisi dan Perancangan Strategik, Kementerian Pembangunan; Green Initiatives Through Urban Planning yang disampaikan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan Sustainability Initiatives yang disampaikan oleh Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi).

Sesi taklimat diakhiri dengan sesi soal jawab serta perbincangan terbuka antara kedua pihak. Pada sebelah petang, rombongan delegasi mengadakan lawatan ke Tapak Perumahan Kampung Lugu, Mukim Sengkurong selepas mendengarkan taklimat berhubung dengan perancangan dan aktiviti kemajuan yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Kemajuan Perumahan, Dayang Rosniza binti Dato Paduka Haji Hamdani. Turut hadir, pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pembangunan.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pembangunan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Mac. - Rombongan seramai enam orang dari Guangxi Housing and Urban-Rural Development Department (HURD) Republik Rakyat China telah mengadakan



ROMBONGAN dari Guangxi HURD Republik Rakyat China semasa mengadakan lawatan ke Tapak Perumahan Kampung Lugu, Mukim Sengkurong.

Waktu operasi BDCB sepanjang Ramadan

■ Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Mac. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan bahawa sempena menyambut kedatangan bulan Ramadan 1445 Hijrah, BDCB akan ditutup pada Isnin, 11 Mac atau Selasa, 12 Mac 2024 bersamaan dengan 1 Ramadan 1445 Hijrah dan akan beroperasi semula pada Selasa, 12 Mac 2024 atau Rabu, 13 Mac 2024.

Ini termasuk Galeri Mata Wang dan Gift Shop BDCB; Mesin Deposit Syiling BDCB; Kaunter Perkhidmatan Pelanggan Biro Kredit; Isu Pengguna Kewangan, dan Baki Wang Yang Tidak Dituntut serta Sistem Pembayaran Real Time Gross Settlement (RTGS) dan Automated Clearing House (ACH).

Dalam Siaran Akhbarnya, BDCB juga ingin memaklumkan kepada orang ramai akan waktu operasi sepanjang bulan Ramadan 1445H. Waktu bekerja ialah pada Isnin hingga Khamis, bermula pukul 8.00 pagi hingga pukul 3.00 petang.

Sementara pada Jumaat, bermula pukul 8.00 pagi hingga pukul 12.00 tengah hari.

Gift Shop BDCB, waktu operasi pada Isnin hingga Khamis, bermula pukul 8.30 pagi hingga pukul 12.00 tengah hari. Sementara pada Jumaat, ditutup. Sementara itu, Galeri Mata Wang BDCB, waktu operasi pada Isnin hingga Khamis, bermula pukul 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari. Sementara pada Jumaat, bermula pukul 8.30 pagi hingga 10.30 pagi.

Manakala Mesin Deposit Duit Syiling BDCB beroperasi pada Isnin hingga Khamis, bermula pukul 8.30 pagi hingga 2.00 petang. Sementara pada Jumaat, bermula pukul 8.30 pagi hingga 10.00 pagi.

Bagi Kaunter Perkhidmatan Pelanggan Biro Kredit (melalui perjanjian sahaja dengan membuat panggilan menerusi talian +673 2233369) waktu operasi pada Isnin hingga Khamis, bermula pukul 8.30 pagi hingga 2.00 petang. Sementara pada Jumaat, bermula pukul 8.30 pagi hingga 10.30 pagi.

Bagi Kaunter Perkhidmatan Aduan Pengguna Kewangan (melalui perjanjian sahaja dengan membuat panggilan menerusi talian +673 8380007), waktu operasi pada Isnin hingga Khamis, bermula pukul 8.30 pagi hingga 2.00 petang. Sementara pada Jumaat, bermula pukul 8.30 pagi hingga 10.30 pagi.

Bagi Kaunter Perkhidmatan Baki Wang Yang Tidak Dituntut (melalui perjanjian sahaja dengan membuat panggilan ke Pengawalseliaan 1 menerusi talian +673 2380975), waktu operasi pada Isnin hingga Khamis, bermula pukul 8.30 pagi hingga 2.00 petang. Sementara pada Jumaat, bermula pukul 8.30 pagi hingga 10.30 pagi.

Waktu operasi bagi Sistem RTGS ialah pada Isnin hingga Khamis, bermula pukul 9.00 pagi hingga 2.00 petang. Sementara pada Jumaat, bermula pukul 9.00 pagi hingga 11.00 pagi. Manakala waktu operasi bagi Sistem ACH ialah pada Isnin hingga Khamis, bermula pukul 8.30 pagi hingga 1.40 petang. Sementara pada Jumaat, bermula pukul 8.25 pagi hingga 10.50 pagi.

NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM

Awas! Jalan Licin Dihadapan

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

- Always Wear a seatbelt
- No mobile phones while driving
- Speeding is dangerous
- Do not drive under influence
- Wear helmet and proper attire while riding
- Always watch out for other road users
- Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn

Sehubungan itu, BDCB ingin memohon maaf atas sebarang kesulitan yang dialami dan ingin mengambil kesempatan

ini untuk mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa kepada semua Muslimin dan Muslimat di mana sahaja berada.

WANITA PEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI, KELESTARIAN MASYARAKAT

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 Mac. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad dalam perutusannya mengongsikan pada 8 Mac setiap tahun, Negara Brunei Darussalam (NBD) mengambil kesempatan untuk menghargai sumbangan besar yang diberikan oleh wanita dalam pembangunan negara dan untuk memperkukuhkan komitmen kita dalam memastikan pembangunan wanita ke tahap yang lebih tinggi bersempena dengan Hari Antarabangsa Wanita.

Pada tahun ini jelas Yang Berhormat, fokus tema adalah tentang pentingnya pelaburan terhadap wanita di negara ini bagi membantu mempercepatkan pembangunan negara iaitu Invest in Women : Accelerate Progress.

Tajuk ini katanya, sangat bertepatan dan relevan dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara kerana wanita merupakan pemangkin penting dalam pertumbuhan ekonomi, inovasi, dan kelestarian masyarakat.

Pelaburan dalam kesaksamaan hak-hak wanita tidak hanya memberi manfaat kepada mereka secara individu tetapi juga kepada keluarga, komuniti dan negara secara keseluruhan.

Dengan itu usaha senegara adalah sangat perlu untuk

mengambil langkah-langkah dalam memastikan adanya sokongan berterusan demi pembangunan institusi keluarga; masyarakat dan negara.

Dalam usaha ini tambah Yang Berhormat lagi, Penyelidikan mengenai Pembangunan Wanita di Negara Brunei Darussalam yang mula dilaksanakan pada tahun 2023 telah pun selesai, dan penyelidikan ini mengesahkan bahawa perkembangan dan pembangunan wanita di negara ini adalah di tahap yang baik.

Di samping itu, keselamatan dan sokongan bagi wanita yang memegang berbagai peranan selaku wanita berkerjaya, isteri dan juga ibu perlu dipertingkatkan agar potensi mereka dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Hasil penyelidikan ini ujarnya lagi, akan digunakan untuk membangunkan Pelan Tindakan Kebangsaan Wanita pada tahun ini.

Beberapa acara telah pun dirancang sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa Kali Ke-11 pada tahun ini termasuklah Majlis Kesyukuran sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa (bertempat di Masjid UBD pada 9 Mac 2024); dan Asia Inc Forum dengan tema 'Pelaburan Untuk Wanita : Mempercepatkan Pembangunan Negara' anjuran Brunei Fertilizer Industries (bertempat di Rizqun Hotel pada 7

Mac 2024).

Pelaburan dalam keusahawanan wanita telah dikenal pasti sebagai salah satu penyumbang ke arah pembangunan sosioekonomi negara.

Oleh itu, beberapa program pembangunan dan dokongan keusahawanan bagi kaum wanita telah diungkapkan oleh agensi-agensi berkepentingan, antaranya: Program BIBD SEED yang dilancarkan oleh Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada tahun 2018.

Menurut Yang Berhormat lagi, Program Pembangunan Keusahawanan ini dihasratkan untuk memperkasa ibu-ibu yang berpenghidupan susah, dan program tersebut turut memenangi anugerah '3G Women Empowerment Programme' di The 4th Global Good Governance Awards pada tahun 2019.

Selain itu tambahnya, Inisiatif 'eBunda' oleh Dinamik Technologies, yang menyediakan platform untuk perniagaan wanita, terutamanya ibu-ibu untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka. Dengan menyenaraikan perniagaan mereka dalam direktori Dinamik, para ibu boleh mendapat pendedahan dan akses kepada pelanggan baharu. Women InnovateHer Workshop 2024 iaitu bengkel yang dianjurkan

oleh Pejabat Harta Intelek Brunei Darussalam (BrulPO) dengan kerjasama Darussalam Enterprise (DARE) yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pencipta, pereka dan pengusaha wanita tempatan mengenai pelbagai jenis harta intelek (termasuk paten, tanda perniagaan, reka bentuk perindustrian, hak cipta) serta menjelaskan kepentingan bagi melindungi harta intelek dalam perusahaan masing-masing.

The Proudly Brunei Business Awards 2024 yang dianjurkan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (Brunei Economic Development Board - BEDB) melalui DARE juga mengiktiraf pencapaian pengusaha Wanita melalui Kategori Keusahawanan Wanita.

Anugerah ini jelas Yang Berhormat, telah diraih oleh Syarikat Taurean Bakeshop & Café, dan tentunya dapat memberikan inspirasi kepada peniaga wanita khususnya dalam meneruskan semangat inovasi dan kecemerlangan.

Jelas Yang Berhormat lagi, pelaburan bagi kemajuan wanita boleh memangkin kemajuan masyarakat, pertumbuhan ekonomi dan pembangunan yang inklusif serta mampan.

Justeru, marilah kita memanfaatkan peluang yang dapat



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa Perutusan sempena Hari Wanita Antarabangsa.

diraih daripada kolaborasi, inovasi dan advokasi untuk pembangunan wanita bagi membina masa depan dan kemajuan yang lebih cemerlang untuk generasi akan datang.

Akhir kata, Yang Berhormat menzahirkan ucapan Selamat Hari Wanita Antarabangsa kepada seluruh kaum wanita di Negara Brunei Darussalam, dan mendoakan semoga terus maju jaya dalam perpaduan dan membangun masyarakat dan ekonomi demi raja, negara, bangsa dan agama.

'Pelaburan Untuk Wanita : Mempercepatkan Pembangunan Negara'.

JPES tetapkan harga maksimum bermusim

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik



Penetapan Harga Maksimum Bermusim (PHMB)
1 Ramadhan - 7 Syawal 1445

Senarai harga boleh diperolehi di

Laman sesawang www.deps.mofe.gov.bn | Aplikasi mudah alih PenggunaBijak

Jabatan Hal Ehwal Pengguna
Tingkat 3, West Wing, Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan, BA 1311

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Mac. - Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) akan melaksanakan Penetapan Harga Maksimum Bermusim (PHMB) ke atas barangan makanan terpilih sepanjang bulan Ramadan hingga minggu pertama Syawal 1445 Hijrah, untuk mengekalkan kemampuan dan kemudahan para pengguna untuk memperoleh keperluan semasa musim perayaan.

Tujuan inisiatif ini adalah untuk menjaga kepentingan pengguna dengan mencegah tindakan yang tidak bertanggungjawab dengan menaikkan harga yang tidak wajar berikutan permintaan yang dijangka akan meningkat semasa musim perayaan dan untuk mempromosi pasaran yang wajar dan kompetitif di mana para peniaga bersaing berdasarkan kepada kualiti produk dan perkhidmatan masing-masing.

Sebagai tambahan kepada pelaksanaan kawalan harga secara sepanjang masa ke atas produk minyak masak, susu tepung formula, beras dan gula, senarai harga barangan makanan terpilih berikut akan dikawal harga

secara sementara di bawah inisiatif PHMB iaitu ayam bulat; telur ayam; mentega; marjerin; minyak sapi; tepung; susu pekat, cair dan krim.

Senarai harga maksimum boleh diperolehi melalui aplikasi mudah alih PenggunaBijak atau laman sesawang JPES di www.deps.mofe.gov.bn. Para peniaga disarankan untuk mengamalkan persaingan yang sihat dengan menawarkan harga yang kompetitif di bawah harga maksimum yang ditetapkan.

Tindakan akan diambil ke atas peniaga yang didapati menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan. Ketidaktahuan akan dikenakan kompaun tidak melebihi BND1,000 di bawah Bab 10B, Akta Kawalan Harga, Penggal 142. Bagi kesalahan berulang boleh dikenakan denda maksimum sebanyak BND20,000 dan penjara selama lima tahun.

Pada kesempatan ini, pengguna adalah digalakkan untuk melaporkan sebarang penetapan harga maksimum yang tidak wajar kepada JPES bagi penelitian dan tindakan lanjut, melalui saluran Talian Darussalam 123 atau aplikasi mudah alih PenggunaBijak, dengan menyertakan maklumat lengkap termasuk dokumen sokongan seperti resit pembayaran dan gambar.



Pengenalan:
Program pemeriksaan kesihatan membolehkan pengesanan dan rawatan awal bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit walaupun awda tidak ada mempunyai sebarang tanda-tanda penyakit tersebut

Penyakit-penyakit tidak berjangkit adalah seperti:

- Tekanan darah tinggi
- Kolesterol tinggi
- Kencing manis
- Kanser

Terdapat 4 program pemeriksaan kesihatan yang diberikan iaitu:

- Pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular**
Tertutup kepada: Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 40 tahun dan ke atas; dan
2. Tidak mempunyai perantaraan berurusan di pusat kesihatan atau klinik pakar di hospital bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan strok.
- Pemeriksaan kanser kolorektal**
Tertutup kepada: Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 50-74 tahun; dan
2. Tidak pernah menghidap kanser kolorektal (usus); dan
3. Tidak menjalani ujian najis untuk mengesan darah dalam tempoh 2 tahun kebelakangan; dan
4. Tidak menjalani kolonoskopi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan.
- Pemeriksaan kanser payudara**
Tertutup kepada: Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 40-74 tahun; dan
2. Tidak pernah menghidap kanser payudara; dan
3. Tidak menjalani pemeriksaan mamogram dalam 3 tahun kebelakangan.
- Pemeriksaan kanser serviks**
Tertutup kepada: Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 21-69 tahun; dan
2. Pernah melakukan hubungan seksual; dan
3. Tidak pernah menjalani ujian Pap (Pap Test) dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.

#SihatHasratKu
www.ppkk.gov.bn | health.screening@moh.gov.bn | Talian Darussalam 123

JPES menekankan komitmen untuk melindungi pengguna dan mempromosi pasaran yang wajar dan telus dengan pelaksanaan PHMB ini. JPES menyeru para

peniaga untuk mematuhi inisiatif ini dan membantu mewujudkan musim perayaan yang menggembirakan dan harga berpatutan untuk semua.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



SESUAIKAN DIRI DENGAN SISTEM INTEGRASI



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

BERAKAS, Khamis, 7 Mac. - Pengintegrasian mata pelajaran agama ke dalam sistem persekolahan umum sememangnya masih lagi terbuka untuk dikaji. Kajian berkenaan dibuat oleh jawatankuasa yang

sudah ditubuhkan, yang mengkaji dari semua aspek seperti prasarana, perisian pelajaran dan banyak lagi.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menjelaskan perkara tersebut pada hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan

Oleh: Pg. Syiaruddin Pg. Daudin

Foto: Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Semasa menjawab soalan yang diajukan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed mengenai Kesihatan Mental Guru-guru yang Terkesan dengan Sistem Integrasi, Yang Berhormat Menteri menerangkan ia masih lagi dalam kajian.

“Setengah pihak sudah merasakan seolah-olah *kitani* ini sudah *deadlock* oleh pengintegrasian ini, sedangkan integrasi ini belum pun sampai setahun dan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah sangat jelas, terbuka untuk dikaji,” ujar Yang Berhormat lagi.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri menerangkan, integrasi ini suatu perkara yang baharu yang dalam pelaksanaannya menghendaki cara-cara baharu bagi guru-guru, selain mereka



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

menghadapi keadaan dan suasana yang baharu.

Oleh itu, Yang Berhormat Menteri menasihatkan agar para tenaga pengajar yang terlibat dengan sistem integrasi ini untuk berusaha menyesuaikan diri, melepaskan diri daripada perasaan ‘uqdash.

“SETENGAH pihak sudah merasakan seolah-olah *kitani* ini sudah *deadlock* oleh pengintegrasian ini, sedangkan integrasi ini belum pun sampai setahun dan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah sangat jelas, terbuka untuk dikaji”.

Kemudahan prasarana masjid mesra OKU



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin mengetengahkan cadangan mengenai aspek prasarana masjid, tindakan untuk memperbaiki kemudahan bagi Orang Kelainan Upaya (OKU) dan keperluan asas masjid perlu dipertimbangkan.

Dalam pada itu, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat

Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menjelaskan prasarana masjid bagi kemudahan OKU telah pun banyak dibangunkan dan diusahakan.

Di Daerah Brunei dan Muara sahaja menurutnya, sudah ada 50 buah masjid yang mempunyai laluan untuk kerusi roda dan tandas khas bagi orang-orang kelainan upaya.

Jelas Yang Berhormat lagi, di Daerah Brunei dan Muara, tandas sudah ada 35 buah, sementara tempat letak kereta sudah ada disediakan untuk OKU sebanyak

26 buah.

Di Daerah Tutong tambahannya, ada laluan kerusi roda sebanyak tujuh buah, tandas bagi OKU ada empat buah dan tempat letak kereta ada dua buah.

Angka bagi kemudahan yang dikongsikan itu, jelas Yang Berhormat Menteri lagi, adalah bagi masjid-masjid lama kerana masjid-masjid yang baharu dibina sememangnya dilengkapi dengan kemudahan bagi orang-orang kelainan upaya.

Bagi Daerah Belait pula katanya, ada lima buah laluan kerusi roda dan sebuah tandas khas bagi OKU, sementara tempat letak kereta khas OKU pula ada sebuah.

Manakala di Daerah Temburong pula, terdapat tiga buah laluan kerusi roda, namun tidak ada tandas dan letak kereta khas OKU disediakan, terang Yang Berhormat.

“Begitu juga mengenai bilik penyempurnaan jenazah. Daerah Brunei dan Muara sudah ada 47 buah yang baru disediakan, kereta jenazah ada 52 buah, barang-barang keperluan jenazah pun ada yang wakaf.

“Sementara di Daerah Tutong, sudah ada 11 buah bilik jenazah dan 15 buah kereta jenazah, dan di Daerah Belait pula, ada tujuh buah bilik jenazah, lapan buah kereta jenazah dan barang-barang keperluan sentiasa ada,” ujar Yang Berhormat lagi.



SEBAHAGIAN yang hadir mendengarkan persidangan berkenaan.

“BEGITU juga mengenai bilik penyempurnaan jenazah. Daerah Brunei dan Muara sudah ada 47 buah yang baru disediakan, kereta jenazah ada 52 buah, barang-barang keperluan jenazah pun ada yang wakaf”.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



PENJELASAN MENGENAI PENGIMPORAN DAGING MENTAH



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim telah menyentuh mengenai pemakanan dan barang halal iaitu yang berkaitan dengan proses pengeluaran Sijil Halal bagi produk-produk dalam negeri juga mengenai pemeriksaan dan pengesahan kehalalan produk import daging mentah dari luar negara.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menyatakan bahawa rancangan platform *online* bagi mengongkakan Standard Operating Procedure (SOP) bagi proses tersebut asalnya akan secara bersendirian dilakukan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan peruntukan sejumlah BND1 juta tapi sudah diputuskan platform ini telah diserapkan

dalam platform di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

"Isu untuk kemudahan-kemudahan seperti SOP mengenai keperluan-keperluan yang diketahui oleh orang ramai dan diketahui juga oleh individu-individu yang berhajat untuk mendapatkan Sijil Halal. Mereka mengetahui dengan jelas mengenai SOPnya yang ada pada masa ini dan setentunya akan dimasukkan ke dalam platform ini," jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama pada hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Sementara itu, mengenai pengimportan daging-daging mentah telah difikirkan dengan melibatkan banyak pihak, bukan sahaja Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) namun juga melibatkan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan jabatan-jabatan yang berkaitan di bawahnya.

Mengenai proses perlepasan di pos-pos kawalan menurut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, jika di pos-pos kawalan jalan darat atau di pelabuhan, terdapat jadual mengenainya.

"Kalau melalui jalan darat, asal semua keterangan cukup dan sebagainya boleh terus jalan saja. Kalau dari Labu menuju ke Puni, diiringi tu. Jangan di tengah-tengah jalan, ada barang lain masuk. Mungkin ini yang menyebabkan proses itu lambat. Jadi mudah-mudahan dengan perkara yang kita dengar di sini,

pihak-pihak yang berkenaan akan mencari jalan-jalan yang lebih benar-benarlah," terang Yang Berhormat lagi.

Seterusnya, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin turut menambah berkenaan daging import yang diperiksa setelah masuk ke Negara Brunei Darussalam.

"Sebenarnya daging import ini diperlukan untuk diperiksa oleh pihak badan Brunei Darussalam Food Authority (BDFA) untuk ditenyus, *analyse contain* di dalamnya. *Since* Brunei Darussalam Food Authority ini di bawah Kementerian Kesihatan," jelas Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Sehubungan itu, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menambah menjelaskan bahawa BDFA akan membuat pemeriksaan sebaik sahaja kontena itu datang di tempat premis pengimport. Mereka juga akan mengambil *random sample* terhadap daging tersebut untuk dibawa ke makmal.

"Di makmal, beberapa *investigation* yang *pathogens*, diperiksa sama ada berlaku atau tidak seperti E.coli, Salmonella dan sebagainya. *Especially* yang *frozen food*, yang paling penting Salmonella *species*. Jadi, ia akan mengambil masa lapan hari waktu bekerja (*eight working days*) to be sure the pathogen seperti Salmonella ini tidak membiak pada daging tersebut.

"Selepas itu, sijil keputusan

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

lab ini akan diberikan kepada BDFA daripada Department of Scientific Services di Kementerian Kesihatan dan BDFA kemudian akan mengeluarkan sijil kelulusan *within one or two working days, overall, it takes about 10 working days* untuk memberi kelulusan kepada sebarang daging import terutama sekali daging beku," jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Jadi, Yang Berhormat Menteri Kesihatan ingin mengambil kesempatan untuk meminta pertolongan daripada vendor yang meng'order' daging import ini untuk memastikan 'the cold chain of' barang yang diimport kerana daging-daging ini selalunya dalam sebuah kontena sudah mengandungi beratus ribu kilogram daging.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah ingin menambah sedikit mengenai apa yang dikongkakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengenai *cold storage* ataupun *cold chain* dan sebagainya, yang menjadi masalah pada masa ini.

"Memang *cold storage* dan *cold chain* ini mempunyai kekurangan fasiliti dalam negeri pada masa ini. Pada masa ini Kementerian Kewangan dan Ekonomi sedang berunding dengan satu FDI untuk membangun sebuah fasiliti *cold chain* yang mencukupi *especially*



YANG Berhormat Menteri Kesihatan.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

untuk daging-daging yang ada dalam negeri sama ada diimport ataupun disembelih dalam negeri. InsyaaAllah projek ini jika berjalan dengan lancar mungkin akan siap pada tahun ini," terang Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Memperkasakan kualiti penceramah, da'ie tempatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Mac. - Dalam usaha mengangkat penceramah-penceramah tempatan ke tahap pengetahuan, kewibawaan dan karisma penceramah-penceramah luar negara ini, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka



Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menjelaskan bahawa setakat ini terdapat beberapa program akan dilaksanakan.

"Sekurang-kurangnya sudah mengenal pasti dua orang tenaga da'ie yang kita akui sangat menarik untuk memimpin dan membimbing da'ie - da'ie, kita sudah memiming mereka melalui Pusat Da'wah Islamiah di tempat mereka di Semenanjung, seorang di Pahang dan seorang di Selangor.

"Mereka berkesanggupan untuk datang ke Brunei dari semasa ke semasa dan akan memulakan dalam sedikit masa lagi tetapi kaola tidak ada jadinya,

AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

tetapi akan memulakan dalam tahun ini," jelas Yang Berhormat semasa menjawab persoalan yang diutarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama berharap dengan bimbingan tersebut akan memberikan kesan kepada pembangunan da'ie ini. namun perkara dakwah ini bukan saja ilmu ada, tetapi ialah cara dan kaedah itu juga.

Jadi, tambah Yang Berhormat banyak aspek yang boleh dibangunkan yang kita mesti ambil kira dalam melengkapkan da'ie-da'ie ke tahap mana sebagaimana karismatiknya da'ie-da'ie di luar negara.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr.

Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh turut menambah mengenai usaha untuk memperkasa kualiti penceramah atau da'ie.

Fakulti Usuluddin di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah membukakan atau pun menawarkan Program Diploma Kebangsaan Da'ie dan Kepimpinan bermula Sesi 2022 / 2023 dan antara objektif program tersebut adalah ia sebagai satu platform dalam melahirkan para da'ie yang mahir dan berketerampilan dan juga menyediakan pengajian yang lebih komprehensif kefahaman dan latihan seni penyampaian dakwah kepada para da'ie selaras dengan perkembangan ilmu semasa.

"Jadinya, pada mana-mana da'ie ataupun mereka yang berhasrat untuk menjadi da'ie bolehlah memohon untuk memasuki ataupun mengikuti Program Diploma Kebangsaan



YANG Berhormat Menteri Pendidikan.

Da'ie dan Kepimpinan yang ditawarkan oleh Fakulti Usuluddin di UNISSA," jelas Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



PENILAIAN TERHADAP APLIKASI PEMBAYARAN ZAKAT

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Mac. - Negara Brunei Darussalam kini memiliki sebuah Jabatan Urusan Zakat, Waqaf



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin.

dan Baitulmal yang mana segala urusan yang berkaitan dengan zakat lebih terurus sehingga segala permasalahan orang ramai akan dapat ditangani dengan lebih baik dan cepat khususnya pengagihan zakat kepada asnaf zakat. Selain itu, cara pembayaran Zakat Fitrah secara *online* juga telah diungkapkan bersama pihak BIBD dan DST.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menyambut baik cadangan yang diutarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin mengenai perancangan untuk membuat

“AKAN kitani lihat sejauh mana perkembangannya ke arah itu, mana yang terbaik dapat kita lakukan insyaaAllah. Satu saranan yang membuka minda untuk difikirkan,” ujar Yang Berhormat Menteri Hal

aplikasi pembayaran zakat yang dimiliki oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama sendiri.

“Akan *kitani* lihat sejauh mana perkembangannya ke

arah itu, mana yang terbaik dapat kita lakukan insyaaAllah. Satu saranan yang membuka minda untuk difikirkan,” ujar Yang Berhormat Menteri Hal



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Ehwal Ugama semasa pada hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Pelbagai usaha dekatkan belia, kanak-kanak dengan masjid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Mac. - Pendedahan kaum belia dan kanak-kanak untuk dibenarkan melaungkan azan di masjid-masjid, ini satu idea untuk melihat kesesuaiannya. Memanglah untuk tujuan galakan dan sebagainya tetapi apakah ia akan menjadi suatu trend dalam latihan-latihan, akan difikirkan juga yang sebaiknya.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menyatakan sedemikian

bagi menjawab usulan yang diutarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

“Kalau hendak memperkenalkan trend-trend yang baharu dalam perkara keagamaan ini, sangat konservatif,” jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Menyentuh mengenai perlawanan bola sepak yang dikenali sebagai Piala Zain dan Piala Pengarah Hal Ehwal Masjid bagi belia masjid senegara, peserta belia-belia masjid yang menyertai kejohanan ini telah mengikuti program-program

keagamaan yang disusun atur dengan rapi dan dimestikan untuk bermalam di masjid selama dua hari dengan menunaikan solat berjemaah (Fardu Maghrib, Isyak dan Subuh), membaca Ratib Al-Attas, mendengar ceramah agama, motivasi dan Tazkirah Subuh.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama seterusnya menjelaskan Piala Zain dahulu sudah tidak ada namun dalam ketiadaannya itu, kegiatan yang disebutkan masih dilaksanakan.

“Belia-belia masih ada ke masjid-masjid untuk mengikuti

program-program keagamaan itu, cuma tidak segiat dulu dengan adanya Piala Zain kerana piala itu macam liga. Liga masjid-masjid Yang Berhormat Pengerusi,” ujar Yang Berhormat semasa pada hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Namun apa yang penting adalah pelbagai tarikan dilakukan kepada belia-belia dan anak-anak untuk ke masjid-masjid. Selain daripada kanak-kanak belajar muqaddam,



AHLI MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

pada masa yang sama juga ada masjid yang menyediakan kemudahan bagi kanak-kanak untuk melukis dan sebagainya tanpa membuang masa menunggu Muqaddam atau giliran dan sebagainya.



SEBAHAGIAN yang hadir mendengarkan persidangan berkenaan.



Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



SAMBUTAN YANG BAIK TERHADAP TABUNG DANA MASJID

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Mac. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman berkata bahawa secara kasarnya pendapatan Tabung Dana Masjid adalah sangat bagus dari semenjak ia dilancarkan pada tahun 2015.

Setakat ini menurut Yang Berhormat, kumpulan yang ada melebihi BND31 juta dan *kitani* telah memperuntukkan peruntukan tertentu untuk membangun beberapa buah masjid.

"Selain daripada itu ialah beberapa projek pembaikan masjid dan semuanya ada kira-kiranya dan boleh di ketengahkan sebagai *unaudited* kunci kira-kira bagi pengetahuan Majlis Ugama

Islam," jelas Yang Berhormat semasa menjawab persoalan yang diutarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin mengenai Tabung Masjid dan Tabung Dana Masjid.

Yang Berhormat menyatakan, sambutan yang baik terutama sekali dalam kalangan penjawat awam dan pasukan-pasukan beruniform di mana kutipan bulanan melalui Kementerian Kewangan dan Ekonomi sangat signifikan.

Menurut Yang Berhormat lagi, pendapatan *kitani* dalam setahun boleh diperkirakan membangun setengah buah masjid pada masa ini dan jika pada masa dahulu permulaannya dalam tahun 2017 / 2018 jawatankuasa telah merancang untuk membina lima buah masjid dengan peruntukan setiap sebuah masjid BND3 juta tetapi disebabkan COVID-19 ia tergendala.

"Sepertimana yang sudah dibangunkan iaitu Masjid Junjongan sudah tidak dapat lagi sedemikian tetapi yang sempat siap dalam masa COVID-19 ialah Masjid Bukit Panggal dan Masjid Ar-Rahman Tanjong Bunut. Ini adalah hasil daripada Tabung Dana," ujar Yang Berhormat pada hari kelapan Mesyuarat Pertama

dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat seterusnya berkata, pembaikan-pembaikan yang dibuat pada bangunan masjid termasuk pembesaran yang baru-baru ini siap, pembesaran di Masjid Sungai Buloh dan semua pembaikan ada dalam kunci kira-kira.

Tambah Yang Berhormat, memang baru-baru ini ada usaha daripada kementerian untuk membawa kunci kira-kira dan kementerian berasa bertanggungjawab untuk membuat laporan yang teratur kepada Majlis Ugama Islam kerana Majlis Ugama Islam adalah *custodian* kepada hal ehwal masjid dan kutipan-kutipan Tabung Dana tersebut.

Terdahulu jelas Yang Berhormat berhubung dengan Tabung Masjid dan Tabung Dana, kedua-dua ini dicadangkan bagi meyakinkan orang ramai. Menurut Yang Berhormat, bagi Tabung Dana Pembinaan Masjid ialah kunci kira-kira yang diumumkan kepada orang ramai.

"Kalau dari segi Tabung Masjid memang ada satu peraturan yang menghendaki sedemikian itu. Ertinya masjid-masjid membuat penyata kira-kira setiap hari



AHLI MMN, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Jumaat, iaitu dilekatkan di papan penyata atau *notice board* di dalam masjid mengenai penyata pendapatan dan perolehannya," tambah Yang Berhormat.

Jelas Yang Berhormat, sejauh mana ia terlaksana pada masa ini, orang ramai sendiri mengetahui dan apabila ditanya mengapa tidak konsisten berterusan dibuat sedemikian ada sahaja jawapan-jawapan yang tertentu seperti orang yang ingin membuka tabung itu di luar kawalan *kitani* ertinya mencuri.

"KALAU dari segi Tabung Masjid memang ada satu peraturan yang menghendaki sedemikian itu. Ertinya masjid-masjid membuat penyata kira-kira setiap hari Jumaat, iaitu dilekatkan di papan penyata atau *notice board* di dalam masjid mengenai penyata pendapatan dan perolehannya," tambah Yang Berhormat.

Fahami konsep, prosedur urusan zakat



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Mac. - Pembarigaan berterusan mengenai Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal adalah penting bagi meyakinkan orang ramai di samping mereka dapat memahami konsep amalan serta memahami prosedur-prosedur untuk menyertai penyumbangan kepada jabatan tersebut dari segi sebagai penyumbang zakat dan sebagainya.

Menurut Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato

Paduka Haji Awang Othman dalam usaha-usaha awal yang dilakukan jabatan tersebut selama ia ditubuhkan banyak tertumpu kepada pengemaskinian hal ehwal di bawahnya.

Yang Berhormat menyatakan, banyak tertumpu sehingga bertindih isu-isu yang disebut sebagai kelambatan untuk menyelesaikan masalah-masalah dan inilah satu cabaran yang bukan saja dirasakan oleh Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal tetapi juga kementerian dan cabaran-cabaran ini mudah-mudahan dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala dapat diatasi dengan sebijak-bijaknya.

Jelas Yang Berhormat, pertama ialah mendapatkan tenaga-tenaga yang boleh mendukung fungsi atau peranan untuk mencapai tujuan-tujuan penubuhannya.

"Memang akan mendukacitakan, bukan sahaja kementerian bahkan juga kerajaan keseluruhannya, jikalau penubuhan zakat, penubuhan jabatan yang sangat diharapkan ini gagal menampakkan sebarang perubahan yang dinamik ke arah urusan zakat yang memang sedia ada diurus, memperbaiki urusan tersebut dan juga bila ia tidak dapat menyahut jangkaan-jangkaan bahkan harapan-harapan

dari orang ramai, bahkan pihak-pihak yang berkuasa yang melihat kepentingan jabatan ini ditubuhkan bahkan bukan sahaja zakat tetapi juga wakaf dan untuk pemeliharaan harta baitulmal dan sebagainya," tambahnya.

"Jadi memanglah sangat berat cabarannya, namun oleh kerana ia cabaran berupa amanah, maka setiap orang yang akan berada di dalamnya insyaaAllah cubalah berusaha dengan sebaik-baiknya," ujar Yang Berhormat semasa menyentuh mengenai perkara yang berkaitan Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal yang diutarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf.

Mengenai wakaf tambah Yang Berhormat, 'kitani' melihat wakaf ini berbeza dengan zakat di mana zakat ada orang-orangnya yang memang khusus mempunyai hak ke atasnya yang dinamakan asnaf, tetapi wakaf ialah umum bagi kepentingan orang-orang Islam dan kepentingan institusi-institusi Islam.

Di negara-negara yang sudah melaksanakannya jelas Yang

Berhormat, dalam konteks praktikal bagi merespons keperluan masyarakat Islam dalam hal ehwal menjaga kepentingannya, masjid, sekolah dan perubatannya.

Jadi negara-negara sedemikian itu sangat berjaya tambah Yang Berhormat, tidak sahaja tertumpu kepada institusi keagamaan tetapi membawa kepada institusi perniagaan dan ekonomi.

"Berjaya bukan sahaja nampak hasilnya dari segi pendidikan, bahkan berjaya menyelamatkan tanah-tanah wakaf orang Islam yang sepatutnya mengikut peraturan dan kembali kepada negara. Semua ini menjadi contoh kepada *kitani*, bagaimana syariah yang responsif kepada keperluan-keperluan bagi mengikut keperluan negara. Dalam hal ini, itulah wakaf yang *kitani* harapkan yang akan menyumbang, bahkan mungkin akan lebih daripada zakat," ujar Yang Berhormat pada hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat seterusnya berkata, begitu juga harta baitulmal yang sudah ada badan tanmiahnya dan perkembangannya yang sudah

lebih 20 tahun. Menurut Yang Berhormat, dari masa ke masa ia diberikan tenaga bagi pelaksanaannya dan memerlukan orang-orang profesional di mana sekarang ini mempunyai sebuah Lembaga Penasihat dan di dalam lembaga itu ialah orang-orang yang dapat membantu dan memikirkan perkembangan harta Baitulmal itu.

Yang Berhormat juga mengongsikan hasil daripada zakat adalah digunakan dengan sebaik-baiknya kepada asnaf-asnafnya bagi memenuhi keperluan harian, persekolahan, perubatan dan lainnya, perkembangan-perkembangan ke hadapan dan sebagainya.

"Pada tahun 2023 sahaja yang sempat dicatatkan di sini, ada seramai 909 keluarga dengan tanggungan seramai 1,411 orang iaitu dalam pengurusan zakat yang bermasalah, lambat memutuskan dan sebagainya. Tetapi pada tahun-tahun sebelumnya, ada seramai 3,059 orang dengan 6,560 orang. Kesemuanya itu *kitani* lihat bahawa zakat telah juga memberikan sumbangan-sumbangan bagi mengatasi keperluan golongan orang yang memerlukannya. Jadi tidak disia-siakan apa yang dikutip," ujar Yang Berhormat.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



MELENGKAPKAN GURU DENGAN PELBAGAI BIDANG KEMAHIRAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mempunyai Skim Biasiswa Khas iaitu bagi murid-murid atau



Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf.

pelajar-pelajar yang mempunyai *potential* berdasarkan keputusan yang baik diberikan *scholarship*.

Menurut Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, pada masa dahulu Peringkat 'A' Level dihantar ke luar negeri tetapi sekarang Peringkat 'A' Level ataupun International Baccalaureate dalam negeri iaitu di Jerudong International School (JIS).

"Dari sini, ramai sudah yang keluar tetapi mereka itu *bonded* untuk kembali ke Kementerian Hal Ehwal Ugama menjadi tenaga pengajar dalam bidang-bidang ilmu yang mereka berkelayakan. Jadi, mudah-mudahan mereka ini akan menemukan suatu titik persetujuan *kitani* dalam kalangan pendidikan dan kalangan ugama

untuk melihat ke hadapan," ujar Yang Berhormat semasa menyentuh mengenai isu graduan-graduan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) yang diutarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf.

Dalam konteks KUPU SB jelas Yang Berhormat, memang usaha-usaha itu ada melengkapkan sebagai guru dengan keperluan kemahiran dalam bidang ICT, jadi ini mesti dilakukan secara serius.

Dalam masa yang sama tambah Yang Berhormat lagi, ada juga usaha-usaha dalam KUPU SB pada masa ini, usaha-usaha untuk latihan-latihan usaha niaga di mana usaha tersebut akan dapat diperlakukan secara sistematik sehingga ia merupakan sebagai

sebahagian daripada pengajian yang dicapai yang dihajatkan oleh anak-anak *kitani*, *marketable* dan sebagainya.

Yang Berhormat menjelaskan demikian pada hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Terdahulu Yang Berhormat menyatakan, ada perangkaan dari JobCentre, Manpower Planning and Employment Council dan *kitani* merasakan prihatin kepada lepasan-lepasan graduan dalam bidang ugama tetapi bukanlah penyata itu untuk *point-point* ataupun menggarisbawahi bahawa inilah *boogeyman* dalam mencari pekerjaan yang tidak dapat diberikan kepada mereka lepasan graduan ugama, kerana lepasan-lepasan dalam bidang lain pun masih juga menunggu pekerjaan dari UBD, UNISSA dan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

UTB bahkan dari luar negeri.

Yang Berhormat menambah, JobCentre, Manpower Planning and Employment Council akan sama-sama *kitani* dukung untuk mengambil inisiatif-inisiatif yang tepat dan KHEU tidak membiarkan perkara ini berjalan begitu sahaja.

Ikhtiar adakan skim program pelapis secara kontrak

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Mac. - Selain daripada masalah-masalah disiplin kerja yang dihadapi oleh imam dan bilal masjid, ia tidak sepatutnya berlaku dalam waktu kerja.

Walaupun bertugas mengikut waktu pejabat dan waktu-waktu sembahyang itu perlu diambil kira dan jika ada pertukaran waktu bertugas antara seorang imam dengan seorang yang lain mestilah tahu akan aturan-aturannya untuk mengambil inisiatif bagi memastikan berjalan dengan lancar.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menyatakan perkara tersebut semasa menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN pada hari ketujuh yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Lantikan imam mengikut aturan-aturan yang diikuti berdasarkan *interview*, iklan dan sebagainya. Jadi, siapa yang dikatakan layak, maka yang lebih layak akan dipilih.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan mengenai keperluan imam sentiasa ada, mengikut giliran-gilirannya pun mesti sentiasa ada. Sebelum meninggalkan masjid, perlu datang yang mengganti bagi memastikan keberadaannya dan itu memerlukan adanya dua atau tiga orang. Hal-hal seperti ini diatur melalui jadual kerja dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid yang juga sekian lama sudah berjalan.

Sementara itu, mengenai pelapis-pelapis yang dicadangkan untuk ditetapkan dalam tugasnya atau ditetapkan dalam jawatan tetapi jawatannya memang di dalam jawatan pelapis sahaja walaupun tidak terdapat dalam *establishment*. Jadi *barangkali* terdapat ikhtiar untuk mengadakan satu skim, seperti mengadakan program pelapis itu secara kontrak.



ANTARA yang hadir pada persidangan tersebut.

"MUNGKIN dapat difikirkan untuk melaksanakannya tanpa menggunakan *establishment* kerajaan atau peruntukan kerajaan tetapi menggunakan peruntukan masjid bagi masjid yang berkemampuan untuk mengadakan sedemikian.

"Boleh dipertimbangkan tetapi hal-hal yang begitu tidak menolak kemungkinan untuk kita memperbaiki usaha yang sudah 'kitani' lakukan pada masa ini. Usaha yang kurang baik dan kurang berkesan dapat diperbaiki dalam semua bidang sama ada bidang masjid atau dalam bidang zakat," ujar Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

"Mungkin dapat difikirkan untuk melaksanakannya tanpa menggunakan *establishment* kerajaan atau peruntukan kerajaan tetapi menggunakan peruntukan masjid bagi masjid yang berkemampuan untuk mengadakan sedemikian.

"Boleh dipertimbangkan tetapi hal-hal yang begitu tidak menolak kemungkinan untuk kita memperbaiki usaha yang sudah *kitani* lakukan pada masa ini. Usaha yang kurang baik dan kurang berkesan dapat diperbaiki dalam semua bidang sama ada bidang masjid atau dalam bidang zakat," ujar Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Mengenai isu penempatan pegawai-pegawai masjid dengan jumlah yang sesuai mengikut kapasiti masjid dan penduduk setempat, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menjelaskan bahawa terdapat jumlah yang diperuntukkan. Terdapat tiga, dua dan malah terdapat lebih daripada tiga bagi masjid-masjid utama. Tambah

Yang Berhormat, mengenai status pembangunan masjid-masjid di Kampung Lamunin dan Kampung Ukong sudah dalam perancangan dan akan dilaksanakan.



Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



TUBUHKAN JAWATANKUASA KHAS BEBAS NILAI PELAKSANAAN INTEGRASI

Oleh : Mohammad Rainie Haji Durani

Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Pendidikan serta pihak-pihak lain yang berkepentingan hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Khas Bebas bagi menilai perkembangan pelaksanaan integrasi.

Perkara tersebut dicadangkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam semasa sesi perbincangan mengenai belanjawan KHEU pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang bersidang bagi hari ketujuh hari ini di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas Bebas yang keahliannya terdiri daripada ahli-ahli ugama atau pakar-pakar akademik dan wakil-wakil daripada



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Rosmawatty binti Haji Abdul Momin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Mac. - Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) bagi jangka waktu memproses permohonan zakat turut dibangkitkan semasa sesi perbincangan mengenai belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Semasa Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bersidang bagi hari ketujuh hari ini, Ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin menyentuh mengenai TPOR proses permohonan zakat adalah melebihi 90 hari bekerja iaitu satu jangka waktu yang agak panjang, kira-kira empat bulan.

persatuan-persatuan yang sudah terkenal seperti PGGMB dan PUJA dan wakil dari para ibu bapa yang tidak terikat dengan mana-mana daripada dua kementerian ini.

"Jawatankuasa ini diberikan tanggungjawab untuk menilai perkembangan pelaksanaan sistem integrasi ini dari aspek-aspek yang berbeza dan mencadangkan pbaikan-pbaikan yang difikirkan perlu untuk menjayakan pelaksanaannya," jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, laporan perkembangan dan penambahbaikan dicadangkan untuk dihadapkan kepada Jabatan Perdana Menteri selaku kementerian peneraju kepada perkembangan dan penambahbaikan sistem tersebut untuk memastikan kejayaannya.

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah menjelaskan bahawa objektif sistem integrasi ini memfokuskan penjagaan kesejahteraan pelajar dan peningkatan *efficiency* pembelajaran mengenai pengurangan beban kerja dan masa keberadaan pelajar di sekolah serta pengurangan waktu persekolahan. Di samping itu, peningkatan kesejahteraan hidup dan kesihatan mental pelajar juga menjadi keutamaan.

Dalam usaha untuk melaksanakan sistem tersebut jelas Yang Berhormat, penyaluran-penyelaran telah dibuat pada beberapa aspek dalam kurikulum pendidikan ugama antaranya pengurangan jumlah waktu pembelajaran, pengemaskinian tajuk-tajuk pelajaran, perubahan nama mata pelajaran dan komponen-komponen mata pelajaran diajarkan, peruntukan

waktu mengajar bagi setiap mata pelajaran waktu persekolahan dan seterusnya waktu bekerja guru-guru ugama.

Yang Berhormat turut menjelaskan bahawa sedikit perbezaan ketara yang terdapat pada kedua-dua sistem ini di mana dalam sistem integrasi ini, masa keberadaan pelajar di sekolah adalah sekurang-kurangnya 7 jam 45 minit iaitu dikira dari seawal pukul 7.15 pagi di mana kebiasaannya pelajar sudah sampai di sekolah kerana pembelajaran akan bermula pada 7.30 sehingga ke pukul 3.00 petang setelah selesai waktu pembelajaran dan masa untuk pulang ke rumah.

Manakala sebelum sistem integrasi ini dilaksanakan, pelajar mengikuti dua sistem persekolahan iaitu sekolah umum dari pukul 7.15 pagi sehingga 12.00 tengah hari dan sekolah ugama dari pukul 1.30 petang hingga 3.30 petang, menjadikan jumlah keberadaan pelajar di kedua-dua sekolah ini ialah 7 jam 15 minit. Ini tidak termasuk waktu rehat tengah hari pelajar selama 1 jam kerana pada waktu rehat itu pelajar akan balik atau keluar bersama ibu bapa ataupun penjaga untuk rehat makan dan berganti pakaian seragam sekolah ugama. Jelas Yang Berhormat, daripada penelitian mendapati bahawa masa keberadaan pelajar di sekolah tidak jauh berbeza antara kedua-dua sistem ini.

Yang Berhormat berharap agar pihak KHEU bersama dengan pihak Kementerian Pendidikan menilai inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan dapat menjayakan sistem integrasi ini tanpa membebaskan mana-mana pihak yang lain sama ada pelajar guru ibu bapa dan penjaga.

Yang Berhormat juga turut menyarankan agar proses

penyusunan bahan-bahan kurikulum seperti sukatan pelajaran dan buku-buku teks bagi sistem tersebut supaya ia disegerakan tanpa mengurangkan sedikit pun kualiti dan keberkesannya terhadap hasil pembelajaran ugama para pelajar.


Menyentuh mengenai perkara sembahyang pula, Yang Berhormat menyarankan agar amalan fardu diambil serius lebih-lebih lagi di peringkat umur yang muda. Oleh itu, perlunya pihak sekolah untuk mewajibkan setiap pelajar Islam yang tidak balik tengah hari untuk menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur di sekolah secara sukarela dan bukan dipaksa melalui inisiatif-inisiatif bercorak pendidikan yang memberikan kesedaran kepada pelajar mengenai kewajipan ini.

Menurut Yang Berhormat penyusunan jadual pengawasan yang ada bolehlah dilaksanakan oleh pihak sekolah dengan melibatkan semua guru untuk diberikan tanggungjawab mengawas pelajar secara bergilir dan tidak menahkannya kepada guru ugama semata-mata.

Sementara itu, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menyambut baik cadangan berkaitan pengintegrasian dan turut menjelaskan bahawa sebagai satu inisiatif baharu, kementerian hanya melihat dua perkara.

Jelas Yang Berhormat, apakah impak integrasi ini kepada mutu pembelajaran dan masa depan sekolah agama bila masih disebut lagi akan ada Darjah 4, 5 dan 6, di bawah daripada itu adalah diintegrasikan.

Jadi, dua perkara ini walaupun menjadi kebimbangan kepada



YANG BERHORMAT MENTERI HAL EHWAL UGAMA.

KHEU, tetapi kementerian melihat inisiatif ini boleh dicuba dan terus disokong sepenuhnya bersama dengan Kementerian Pendidikan. Dalam pelaksanaannya, memang dikehendaki kedua-dua kementerian untuk bersatu dan bersepadu dalam memikirkan hal-hal pelaksanaannya serta impak-impak persediaan dan pertukarannya bagi mencapai maksud.

"Ertinya jangan membebaskan kanak-kanak dari segi masa dan isi pelajaran. Jadi, semua ini telah difikirkan dan sekarang ini dari segi masa, memang ada kurang sedikit daripada sekolah agama dan itulah yang dikehendaki," jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat juga menjelaskan bahawa dari segi *preparation* pembelajaran, sudah cuba dengan segera dalam masa empat ke lima bulan yang secepatnya. Ia sudah dilakukan dari segi kokurikulum, *syllabus* dan perisiannya sudah diambil kira.

Teliti semula proses pengurusan zakat

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty turut dimaklumkan bahawa ada permohonan yang mengambil masa sehingga lebih enam bulan sebelum ia diluluskan.

Dalam persidangan tersebut, Yang Berhormat mencadangkan perkara-perkara berikut iaitu pertama, pihak kementerian meneliti semula semua proses pengurusan zakat yang diguna pakai ketika ini dari awal permohonan sehingga pengagihan zakat dilaksanakan. Ini adalah untuk mengurangkan TPOR yang sedia ada dan kedua, jenis-jenis bantuan hendaklah diteliti semula mengambil kira keperluan semasa. Oleh itu, satu garis panduan (*guidelines*) yang jelas mengenai ini hendaklah disediakan.

Ketiga, untuk memastikan kesaksamaan pembahagian jenis bantuan, maka dicadangkan juga supaya bantuan dihadkan kepada tiga jenis sahaja daripada lima jenis yang ada ketika ini. Mengambil kira peningkatan jumlah asnaf, adalah dicadangkan supaya setiap permohonan disiasat dengan teliti melalui pelbagai pendekatan, antaranya mengadakan lawatan dan temu duga. Ini bertujuan untuk mengesahkan status pemohon serta memastikan

kategori bantuan yang dapat diberikan bagi membolehkan mereka mengupayakan diri dan menaikkan taraf hidup serta seterusnya mengeluarkan diri dari kempungan kemiskinan.

Semasa memberikan maklum balas berkaitan perkara yang dibangkitkan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menjelaskan bahawa ada dua perkara yang berkaitan iaitu zakat asnaf dan pelaksanaan pengurusan.

Jelas Yang Berhormat, dari segi zakat, mengenai usaha-usaha untuk mengatasi kelambatan dan sebagainya, ialah dari segi pengurusan dan sebagainya. Hal ini termasuklah TPOR dan sebagainya dan termasuklah juga panduan-panduan untuk mengenal pasti apa yang boleh dikatakan asnaf, kemudian jenis-jenis bantuan yang dapat dilakukan. Walaupun pada masa ini, sebelum garis panduan itu ada, sudah ada pelaksanaannya.

"Misalannya pada masa dulu, semata-mata yang ditumpukan kepada keperluan asasi dan juga pendidikan anak. Kemudian dilihat kepada ada keperluan lagi, walaupun masanya masih bekerja dulu misalnya suami masih bekerja pendapatan tidak mencukupi,

maka ia 'ditampung' dengan asasinya. Kemudian pelajaran sekolah anak juga diambil kira," jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, tetapi sudah dikira setelah ia bersara misalnya, didapati kekurangannya semakin tinggi, maka diadakanlah tambahan BND100 atau BND200 tambahan di samping yang sedemikian itu. Jadi, perkara ini sentiasa dinamik difikirkan.

Mengenai TPOR jelas Yang Berhormat, bergantung juga kalau kita katakan kakitangan tidak mencukupi tetapi sebelum tertubuh jabatan ini ada sudah kakitangan-kakitangan yang diambil bukan secara dalam *established* tetapi diambil menggunakan peruntukan zakat iaitu bahagian Amil yang akan jadi pelawat, penemu duga, mendapatkan maklumat-maklumat daripada pemohon-pemohon, melaporkan dan apa sokongan-sokongannya dibawa ke jawatankuasa dan sebagainya.

Jelas Yang Berhormat lagi, perkara tersebut sudah sedang dijalankan tetapi sama ada cukup atau tidak, kementerian akan menilai sejauh mana ketidakcukupan, kecekapan dan dedikasi kakitangan tersebut.

Di samping itu, jelas

Yang Berhormat SKN boleh dikembangkan kalau kita sudah mempunyai keazaman untuk penyelesaian kes-kes permohonan lama dan baharu bagaimana dalam sistem itu sendiri boleh kita mempergunakan kecekapan dan kecekapan untuk mempercepatkan permohonan dan keputusan kepada sebarang permohonan dan setelah diputuskan untuk dibayar ataupun diserahkan agihannya bukan kepadanya tetapi kepada bank dan proses ini melibatkan juga orang yang berkenaan.

"Jika mereka memberikan maklumat yang sepenuhnya semasa memohon tetapi maklumat itu mesti di'verified' sama ada melalui sistem itu, maklumat juga apabila hendak menggunakan sistem ada orang tidak mampu dengan ada orang berharap kepada anaknya, cucunya," jelas Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama lagi, jika tidak efisien kerana perkara tersebut, ada jalan penyelesaiannya dengan mereka disuruh ke kaunter dan akan ditunjuk ajar. Nanti apabila sudah ada keputusan untuk menyokong, mereka akan diminta untuk membuka akaun kalau permohonan baharu.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



PERKONGSIAN MAKLUMAT TANAH WAKAF, TAMBANG HAJI



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Mac. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menjelaskan mengenai perancangan tanah-tanah wakaf, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) akan melihat bagaimana ia bergantung kepada tanah wakaf tersebut dan rancangan yang akan dibuat.

Kebanyakan tanah-tanah wakaf, ia bergantung kepada apa maksud pewakaf. Kalau digunakan untuk masjid atau surau, niatnya itu mesti dipenuhi. Kalau belum terpenuhi, KHEU akan mengusahakan mencari untuk memenuhinya. Namun tergantung kepada lokasi dan keluasannya.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menjelaskan perkara itu semasa menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

(MMN), Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann pada hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang bersidang pada petang ini di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menyentuh mengenai Tambang Haji pula, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menjelaskan, pegawai dan kakitangan awam yang memenuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengenai pengurniaan tambang bagi menunaikan fardu haji adalah masih berhak diberikan kurnia tambang menunaikan fardu haji berjumlah BND4,500 setiap seorang walaupun sudah pernah menunaikan fardu haji sebelumnya dengan perbelanjaan sendiri.

Bagi kakitangan awam yang sudah bersara tetapi belum berkesempatan memohon bantuan Tambang Haji semasa masih berkhidmat. Kurnia Tambang Haji penjelasannya, menunaikan fardu haji adalah diberikan kepada pegawai dan kakitangan awam yang telah berkhidmat dengan kerajaan

selama 12 tahun dan memenuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Surat Keliling JPM mengenai pengurniaan tambang menunaikan fardu haji sama ada masih berkhidmat dengan kerajaan atau yang sudah bersara.

Seterusnya bagi kakitangan awam yang meninggal dunia tetapi belum sempat menunaikan fardu haji. Berdasarkan Surat Keliling JPM, pegawai dan kakitangan kerajaan yang meninggal dunia dan telah berkhidmat dengan kerajaan selama 12 tahun, sama ada ia telah atau belum bersara dan sama ada ia telah atau belum memohon kurnia tambang ini semasa masih dalam perkhidmatan dengan kerajaan, maka isterinya kalau suami yang meninggal atau suaminya kalau isteri pegawai kerajaan meninggal boleh memohon kurnia tambang ini bagi dirinya sahaja dengan

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

menyertakan salinan Sijil Mati, Sijil Nikah dan sebagainya.

"Tetapi yang menarik di sini ialah ada keterangan yang kaola diminta membaca di sini, merujuk Surat Jabatan Mufti Kerajaan Bilangan 52/1.2/1E (6) bertarikh 22 Muharam 1436 bersamaan 15 November 2014 menjelaskan perkara-perkara berikut : 1. Pengurniaan tambang bagi menunaikan fardu haji itu bukanlah satu yang mutlak, ia perlu dipohon dan perlu juga mendapatkan kebenaran.

"Jadi, permohonan dan kebenaran mengikut peraturan-peraturan Surat Keliling tadi. Maka di sini tidaklah timbul kurnia tambang itu boleh dituntut oleh ahli waris si mati kerana ia bukan hak pegawai si mati sehingga boleh dituntut oleh waris sebagaimana



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann.

sistem pusaka," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, maknanya dari segi hukum kurnia tambang itu bukannya hak, ia adalah kurnia yang bersyarat, kalau memenuhi syarat ia diberikan, tetapi kalau dalam pemberian itu ia bukan bersifat namanya harta yang boleh diwariskan.

Adapun kurnia tambang seperti yang dijelaskan di atas adalah ia bukan menjadi hak si mati dan tidak akan menjadi harta pusaka yang boleh dikaitkan dengan keperluan haji bagi si mati, dengan kata lain jika harta pusaka si mati memang tidak mencukupi, maka tidaklah wajib dikerjakan fardu haji itu bagi pihak si mati.

"JADI, permohonan dan kebenaran mengikut peraturan-peraturan Surat Keliling tadi. Maka di sini tidaklah timbul kurnia tambang itu boleh dituntut oleh ahli waris si mati kerana ia bukan hak pegawai si mati sehingga boleh dituntut oleh waris sebagaimana sistem pusaka," tambah Yang Berhormat.

Penambahbaikan SKN bagi meningkatkan keberkesanannya

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Mac. - Sistem Kebajikan Negara (SKN) ini akan membuat pembaikan-pembaikan, pembaharuan dan penaiktarafan bagi tujuan meningkatkan keberkesanannya dari semasa ke semasa.

Sebagai agensi yang mengendalikan sistem ini, sentiasa mengambil pendekatan terbuka terhadap semua saranan bagi tujuan pembaikan. Sebagai contoh, sistem ini merupakan pengintegrasian bantuan-bantuan kebajikan ke dalam sistem ini secara berfasa, ertinya secara berperingkat-peringkat.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad bagi menjawab soalan yang diajukan oleh Ahli

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

"IA mempunyai satu ciri, iaitu power business intelligence. Maksud power business intelligence ini, ia akan membantu agensi-agensi yang terlibat dalam menghulurkan bantuan kepada penerima-penerima bantuan ini dalam mengenal pasti sudut mana penerima-penerima bantuan ini dapat dibantu, bagi tujuan keluar daripada kepompong kemiskinan ataupun golongan sasaran ini.

Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan mengenai bantuan kebajikan SKN di bawah tadbir urus Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa

Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN pada hari ketujuh yang berlangsung di Dewan Majlis, petang tadi.

"Ia mempunyai satu ciri, iaitu

power business intelligence. Maksud power business intelligence ini, ia akan membantu agensi-agensi yang terlibat dalam menghulurkan bantuan kepada penerima-penerima bantuan ini dalam mengenal pasti sudut mana penerima-penerima bantuan ini dapat dibantu, bagi tujuan keluar daripada kepompong kemiskinan ataupun golongan sasaran ini.

"Contohnya, kemahiran yang kurang, pembangunan kapasiti yang dapat dihulurkan umpamanya Program Latihan dan Kemahiran, Program Pekerjaan, Program Keusahawanan dan inisiatif-inisiatif lain melalui kerjasama dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan," jelas Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



SARANAN TERHADAP PELUPUSAN YANG LEBIH BERKESAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Mac. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman berkata, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah mengambil langkah-langkah antaranya mengadakan tempat, *kitani* tidak menyebutnya sebagai tempat pembuangan ataupun pembakaran, tetapi *kitani* menyebut pelupusan.

Mushaf ataupun buku-buku agama ini dilupuskan secara

“INI yang ada disebutkan tadi ada usaha daripada syarikat swasta menawarkan perkhidmatan ini dan syarikat ini telah dan digunakan pun akan digunakan untuk kegunaan seterusnya dan penting sebagaimana disarankan oleh Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman,” ujar Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

membakarnya dalam satu tempat, bukan dalam ‘daram’ besar tapi dibuat secara simen dan dibakar di dalamnya. Akan tetapi masih ada bekas-bekas yang belum terbakar habis.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama memberikan respons berkenaan terhadap perkara yang diutarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir pada hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20

MMN bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang bersidang pada petang ini di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

“Jadi diadakan pembakaran menggunakan *incineration machine* yang membakar sehingga menjadi abu. Tapi setelah digunakan beberapa lama ‘maintenance’ nya tidak terjaga maka terbengkalai dalam setahun dua ini.

“Ini yang ada disebutkan tadi ada usaha daripada syarikat swasta

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

menawarkan perkhidmatan ini dan syarikat ini telah dan digunakan pun akan digunakan untuk kegunaan seterusnya dan penting sebagaimana disarankan oleh Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman,” ujar Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Seterusnya, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman juga menimbulkan mengenai ada didapati mushaf-mushaf yang salah tanda tetapi Yang Berhormat menyebutnya mushaf-mushaf yang salah. Daripada maklumat tersebut, KHEU mengambil langkah menyiasat dengan maklumat.

Menurut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, pada masa sekarang ini telah berjalan dan mendapati ada 12 tempat kekurangan tanda ataupun tanda ke depan menjadi tanda lurus, *dhammah* ke depan menjadi *fathah*, ataupun *fathah* jadi *sukun* dan sebagainya.

Itu katanya, semuanya telah dibetulkan. Cuma dalam 12 tempat jadi tidak menjejaskan kehilangan ayat. Ada maklumat daripada yang lain juga, ada yang

mendapati ada pasukan yang bergerak di Jabatan Hal Ehwal Masjid bersama dengan Pusat Da’wah Islamiah (PDI).

Jadi, maklumat-maklumat sedemikian ini adalah tanda kesedaran *kitani* orang Islam mengenai penghormatan kepada mushaf. Mudah-mudahan kesedaran ini akan tumbuh selama-lamanya generasi demi generasi dan mendatangkan keberkatan kepada Negara Brunei Darussalam.



AHLI MMN, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Keperluan jurupandu pelancongan Islam bagi masjid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Mac. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman berkata bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menyokong usaha-usaha Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dalam pengembangan dari segi pelancongan Islam.

Secara umumnya kita mengikut aturan-aturan yang berjalan pada masa ini. Dari segi restoran, kalau restoran Islam ada SOP tertentu. Hotel-hotel sudah pun diketahui bahawa ia menyediakan tikar sembahyang untuk orang-orang Islam untuk menunaikan sembahyang. Kalau orang bukan Islam pun, ada keperluan lain yang boleh ia tertarik mengenai Islam itu.

Jadi, lawatan masjid supaya dipastikan mematuhi syariah, kalau memakai pakaian yang tidak serasi dengan keadaan memasuki masjid, sama ada lelaki atau perempuan, ada disediakan untuk menutup pakaiannya yang sedia ada dan mereka boleh berkeliling masuk ke dalam kawasan masjid dan kawasan-kawasan yang dibenarkan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyatakan perkara itu semasa menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Haji Awang Md. Salleh bin Haji Othman pada hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang bersidang sesi petang ini di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama seterusnya menjelaskan, kalau diadakan jurupandu adalah satu cadangan yang baik jika dapat dilaksanakan dan juga boleh memberikan peluang pekerjaan.

Jurupandu jika di masjid, memberikan pekerjaan dan jika tidak cukup jurupandu pelancong atau jurupandu syarikat-syarikat pelancongan yang memerlukan yang latar belakang Islam dapat memberikan peluang pekerjaan kepada lepasan-lepasan graduan agama seperti Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan adalah lebih baik. Tapi biarlah ia diserapkan ke dalam usaha-usaha KSSUP dan usaha-usaha yang dilakukan oleh

syarikat-syarikat.

Keperluan bahasa itu katanya, memang standard, keperluan berbahasa asing daripada bahasa Melayu memang sudah standard. Itu dilakukan oleh pihaknya dan tidak perlu diminta bagi KHEU untuk mengaturnya. Pihak tertentu memerlukan lantikan bagi orang yang fasih berbahasa Arab. Ini terlampau *high-handed* benar *kitani* dalam menguruskan orang ramai.

Dalam masa yang sama, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji. Abdul Manaf bin

Haji Metussin juga memberi penjelasan mengenai Jabatan Kemajuan Pelancongan ada mengunggayahkan latihan-latihan bagi jurupandu pelancongan bukan sahaja dari syarikat-syarikat pelancongan, jika sekiranya terdapat agensi pertubuhan atau pusat-pusat seperti masjid mengadakan jurupandu sendiri, pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan boleh menolong membantu dalam perkara ini.

Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Dengan adanya jurupandu nanti dapat



ANTARA yang hadir pada persidangan tersebut.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Mac. - Sejumlah BND285,899,356 disediakan bagi peruntukan yang disokong untuk Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bagi perbelanjaan Tahun Kewangan 2024/2025, iaitu pembayaran gaji sebanyak BND234,925,960; Perbelanjaan Berulang-ulang sebanyak BND34,156,000, perbelanjaan biasa adalah sebanyak BND269,81,960, dan perbelanjaan kemajuan yang disokong sebanyak BND16,817,396.

Berdasarkan pecahan peruntukan yang diberikan ini, pecahannya adalah meluluskan beberapa program perbelanjaan yang telah diselaraskan dengan Maqasid Syariah yang lima itu dan menjadikan sektor-sektor dalam perbelanjaan KHEU.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman mengongsikan perkara itu semasa membentangkan mukadimah pada hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat lagi, dalam promosi harta, iaitu

KHEU terima peruntukan sejumlah BND285,899,356

pemeliharaan harta; jumlah yang diperuntukkan BND25,500,000 dari peruntukan yang disebutkan tadi dan promosi atau pemeliharaan agama sebanyak BND29,400,000.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, bagi promosi nyawa dan keturunan ataupun dinamakan pemeliharaan zuriat adalah diperuntukkan sebanyak BND11 juta dan pemeliharaan promosi akal ataupun *intellectual* dalam terjemahannya disebut sedemikian juga adalah yang terbesar sebanyak BND202,900,000 merupakan kalau pecahan peratusnya 75.4 peratus daripada keseluruhan belanjawan.

Perbelanjaan sektor-sektor tersebut menurut Yang Berhormat, akan ditumpukan meliputi KHEU dalam hal promosi harta ialah bersama dengan Jabatan Urusan Haji; Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal; dan Majlis Ugama Islam.

Kemudian dalam promosi agama terang Yang Berhormat, KHEU adalah bersama dengan Jabatan Hal Ehwal Masjid, Pusat Da'wah Islamiah, Bahagian Syiar Ugama Islam; dan dalam promosi nyawa, KHEU adalah bersama dengan Jabatan Hal Ehwal Syariah (Khidmat Nasihat Keluarga), iaitu Bahagian Penguatkuasaan Agama, Bahagian Permakanaan dan Barang-Barang Halal.

Kemudian dalam promosi akal (*intellectual*) tambah Yang Berhormat, KHEU bersama dengan Jabatan Pengajian Islam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji

Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).

Menyentuh mengenai Rancangan Kemajuan Negara (RKN), Yang Berhormat sukacita menyatakan Perbelanjaan Kemajuan adalah sejumlah BND16.8 juta diperuntukkan bagi tahun kewangan yang akan datang ini dengan harga rancangan BND191 juta bagi beberapa projek utama mengukuhkan kemudahan akses pendidikan seperti menambah blok di beberapa buah sekolah agama di seluruh negara, menaik taraf *facilities* Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah, Pusat Tingkatan Enam dan pembangunan dua sekolah baharu bagi Kampung Kiulap dan Kampung Bolkiah.

Selain itu jelas Yang Berhormat, peruntukan telah disediakan sejumlah BND2.3 juta di mana harga rancangannya ialah BND23.9 juta untuk membina *facilities* tambahan di kampus KUPU SB yang sedia ada di Batu Satu, Jalan Tutong; dan sejumlah BND200 ribu harga rancangannya ialah dalam RKN Ke-12, iaitu BND20 juta juga disediakan untuk pembinaan kampus kekal perempuan ITQSHHB.

Manakala dibawah pengukuhan perkembangan syiar Islam ujar

Menyentuh mengenai Rancangan Kemajuan Negara (RKN), Yang Berhormat sukacita menyatakan Perbelanjaan Kemajuan adalah sejumlah BND16.8 juta diperuntukkan bagi tahun kewangan yang akan datang ini dengan harga rancangan BND191 juta bagi beberapa projek utama mengukuhkan kemudahan akses pendidikan seperti menambah blok di beberapa buah sekolah agama di seluruh negara, menaik taraf *facilities* Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah, Pusat Tingkatan Enam dan pembangunan dua sekolah baharu bagi Kampung Kiulap dan Kampung Bolkiah.

Yang Berhormat, pembinaan bangunan bagi Pusat Kegiatan Ugama Islam, Sekolah Ugama Kampung Senukui disediakan sejumlah BND295 ribu, harga rancangannya ialah BND1.47 juta, dan sejumlah 12 buah masjid dalam RKN dirancangan untuk dibina dengan peruntukan tahunan yang diberikan sejumlah BN9.86 juta yang mana harga rancangannya adalah sebanyak BND64.3 juta.

"Masjid-masjid tersebut boleh disebutkan di Daerah Brunei dan Muara, Tahun Kewangan 2024/2025 diperuntukkan sebanyak BND8.3 juta dalam RKN Ke-12 peruntukannya ialah BND40.1 juta, iaitu pembinaan masjid baharu Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mengkubau sebenarnya sudah siap, pembinaan masjid baharu RPN Kampung Meragang sedang dalam persiapan yang terakhir dan yang baharu lagi pembinaan masjid di RPN Kampung Rimba, pembinaan masjid baharu di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Mata-mata Katok 'B', pembinaan masjid baharu bagi Kampung Sinarubai dan Burung Lepas, pembinaan masjid baharu di RPN Kampung

Tanah Jambu dan pembinaan masjid baharu Kampung Lugu, di Brunei dan Muara.

"Sementara di Kuala Belait ialah peruntukan yang diberikan untuk Tahun Kewangan 2024-2025 sebanyak BND1.4 juta, harga rancangan BND14 juta.

"Pembinaan masjid baharu RPN Kampung Lumut, pembinaan masjid baharu di STKRJ Kampung Telisai, pembinaan masjid baharu di RPN Kampung Panaga sementara di Temburong ada dua rancangan pada tahun 2024-2025 diberikan peruntukan sebanyak BND22 ribu, RKN Ke-12 sebanyak BND8 juta, BND22 ribu ini maklumlah 'kitani' ada kerja-kerja awal, iaitu bagi rancangan pembinaan masjid baharu di Kampung Batu Apoi dan Kampung Selapon," ujar Yang Berhormat lagi.

KHEU juga menurut Yang Berhormat, diperuntukkan penambahan bersih sejumlah jawatan seperti berikut, sembilan jawatan bersih maksudnya setelah dikira-kira mana yang diserapkan dan mana yang diselaraskan, iaitu 36 penyerapan jawatan Gaji Hari dari Perkhidmatan Berulang-ulang, dua tambahan jawatan secara *trade-off* melalui Waran Perjawatan, lima penyelarasan jawatan Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik (SPTA), 394 penyelarasan jawatan Skim Perkhidmatan Perguruan Ugama (SPGU) dan peniadaan 23 jawatan *open vote*, peniadaan dua jawatan Gaji Hari jadi bersihnya adalah sebanyak sembilan jawatan tambahan yang disokong.

17,722 EKAR DISEDIAKAN, DIUSAHAKAN BAGI 'OFFSHORE AQUACULTURE'

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



Ahli MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Mac. - Menteri Sumber-Sumber Utama dan

Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin berkata, sebanyak 17,722 ekar disediakan dan diusahakan bagi *offshore aquaculture*, iaitu di kawasan-kawasan Victoria 4700 ekar, Nankivell 6613 ekar, Littledale 4264 ekar, Pelong A 2000 ekar dan Pelong B 120 ekar.

Ketika menjawab soalan yang diajukan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin mengenai kawasan-kawasan ternakan ikan yang sudah *digazette*, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengongsikan, setakat ini, dua syarikat terlibat

dalam *offshore aquaculture*, iaitu Syarikat Hiseaton; dan Syarikat Barramundi, yang mana kedua-duanya syarikat Foreign Direct Investment (FDI) telah mengusahakan di kawasan Pelong Rock pada masa ini.

Pada hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seterusnya menjelaskan, kawasan-kawasan berkenaan akan *dipromote* lebih aktif lagi bagi membolehkan lebih banyak FDI datang ke Brunei untuk mengusahakan kawasan-kawasan tersebut.

Menyentuh mengenai sekuriti

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan berkata, satu faktor penting adalah untuk memastikan bahawa kawasan-kawasan tersebut bebas daripada ancaman-ancaman yang melibatkan keselamatan.

Bagi membolehkan jaminan keselamatan menurut Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, rondaan bersepadu telah dibuat bersama agensi-agensi lain seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Tentera Laut Diraja Brunei, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan Jabatan Buruh.

Di samping itu juga jelas Yang Berhormat Menteri Sumber-



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Sumber Utama dan Pelancongan, di kawasan-kawasan berkenaan telah didirikan papan tanda dan dipasang lampu-lampu isyarat bertujuan untuk melarang orang ramai mendekati kawasan ternakan ikan tersebut.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



PENGEMASKINIAN KURIKULUM SELARAS DENGAN KEPERLUAN PEMBELAJARAN AGAMA



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Mac. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman berkata, beberapa inisiatif telah dilaksanakan dengan pengintegrasian mata pelajaran agama ke dalam sekolah pendidikan umum yang telah dilaksanakan pada 1 November

2023 yang lalu yang melibatkan peringkat pembelajaran Darjah Pra hingga Darjah 3 sekolah agama diselaraskan ke Tahun 2 hingga Tahun 5 sekolah umum.

Berucap demikian semasa membentangkan mukadimahnya pada hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Yang Berhormat menjelaskan, dalam integrasi tersebut, mata-mata pelajaran agama yang termasuk di dalam pengintegrasian itu pada masa ini adalah dikenali dengan Mata Pelajaran Pendidikan Islam.

Dengan pengintegrasian ini tambah Yang Berhormat, beberapa inisiatif telah dilaksanakan antaranya melibatkan aspek penelitian pengemaskinian kurikulum yang sedia ada disesuaikan dengan peruntukan waktu baharu mata pelajaran tersebut.

Dalam pada itu ujar Yang

Berhormat, pengemaskinian kurikulum ini juga akan diselaraskan dengan keperluan pembelajaran agama pada setiap peringkat bermula dari peringkat sekolah rendah (Sistem Integrasi) hingga ke peringkat sekolah agama dan peringkat menengah. Pengemaskinian tersebut turut melibatkan guru-guru dan tenaga-tenaga pakar dari institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini.

Yang Berhormat turut menegaskan mengenai proses pembinaan kurikulum, yang mana pada masa ini, mata pelajaran Pendidikan Islam menekankan aspek peranan nilai-nilai murni, unsur-unsur kebaikan dan kebajikan yang bertujuan untuk membekalkan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran mengikut keperluan dan peringkat umur murid.

Perkara ini jelas Yang Berhormat, turut disesuaikan dengan mengambil kira keperluan penghayatan hidup beragama dalam masyarakat yang bagi

kitani bukan sahaja ada orang Islam di sekolah-sekolah tetapi ada juga orang-orang yang bukan Islam.

Satu perkara yang nampak impaknya di sekolah-sekolah agama ialah dari segi bangunan, yang mana menurut Yang Berhormat, dalam impaknya itu, kelihatannya sekolah agama tinggal beberapa sahaja lagi bilangan penuntut dan bilangan guru.

Bilangan yang berintegrasi lebih tambah Yang Berhormat, adalah besar kalau mengikut perkiraan kasar, kira-kira 23 daripada 37 ribu murid sekolah agama diintegrasikan. Sementara selebihnya kira-kira dalam 24 ribu sahaja bakinya di sekolah agama, tentulah kelihatan bangunannya itu sedikit.

"Apa yang terjadi kepada bangunan itu? Maka penyelarasan yang dilaksanakan bagi sekolah-sekolah agama ialah penempatan murid Darjah 4, 5 dan 6 dengan sekolah agama khas.

"Bangunan sekolah agama khas

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

dimanfaatkan sepenuhnya dan dioptimumkan penggunaannya secara menyeluruh dengan penyelarasan dan mengambil kira kapasiti bangunan dan keramaian murid.

"Ini melibatkan tadahan Yang Berhormat Pengerusi.

"Sekolah itu ada murid Darjah 4, 5 dan 6 yang memerlukan tadahan di mana ia belajar dan jadi sekolah-sekolah itu masih digunakan walaupun kelihatan ada banyak sekolah, tetapi ia tidak *abandoned*, tergendala dan terbengkalai.

"Malah bangunan tersebut digunakan bagi pendekatan secara guna sama dengan beberapa sekolah umum dan kelas-kelas dewasa agama, kelas mengaji, persatuan warga emas dan juga kegunaan-kegunaan lain.

"Tapi, hal-hal seperti ini masih dalam proses untuk pembaikan dan pengemasan," ujar Yang Berhormat lagi.

Kutipan, pengagihan zakat dilaksanakan secara teratur, efisien

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Mac. - Dengan tertubuhnya Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal yang sudah lapan bulan umurnya adalah diharap zakat termasuk dalam kutipan dan pengagihannya dilaksanakan secara teratur dan efisien.

Pelaksanaan program dan inisiatif bagi memperkasa keupayaan asnaf zakat diungkayahkan secara terancang dan berkesan.

Pengurusan inisiatif mengembang majukan harta wakaf dan baitulmal yang menjadi kemaslahatan golongan-golongan sasaran bagi zakat yang diketahui ada isu-isu kelambatan dan sebagainya, diharapkan dengan penubuhan jabatan ini akan dapat mengatasi dan mencari kaedah-kaedah untuk mempercepatkan atau bagaimana untuk menyantuni keperluan-keperluan orang yang menghendaki, pemohon-pemohon yang masih tertunggak dan sebagainya.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman berkata demikian semasa membentangkan mukadimahya pada hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim

Permesyuaratan Ke-20, MMN, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Di samping itu menurut Yang Berhormat, Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal juga mengambil inisiatif untuk meningkatkan kutipan dan bahagian wakaf akan teratur dengan adanya peraturan dan undang-undangnya yang sekarang ini dalam pembacaan peringkat akhir.

Kalau sudah diluluskan jelas Yang Berhormat, maka wakaf akan lebih teratur pelaksanaannya, pengaturannya dan juga akan dapat kita rasakan

kesannya kepada sosioekonomi umat Islam di negara ini kerana wakaf mendatangkan sumbangan kepada fiskal, misalnya ada wakaf untuk masjid, jadi ia mengurangkan perbelanjaan kerajaan membina masjid, seperti sekarang ini, ada Tabung Dana Pembinaan Masjid.

Jadi tambah Yang Berhormat, pelaksanaannya begitu berkesan untuk mengurangkan tanggungan fiskal kerajaan, dan begitu juga dalam hal-hal wakaf yang lain, oleh orang yang berwakaf misalnya wakaf kereta jenazah, wakaf harta, bilik jenazah di masjid-masjid yang belum mempunyai kemudahan-kemudahan sedemikian.

Kalau kereta dan bilik itu kata Yang Berhormat, dianggarkan BND30 ke BND60 ribu, sudah dapat dijamin peruntukan kerajaan. Maka itulah yang sangat diharapkan.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan bahawa pada masa ini, sejumlah 13,428 pemohon telah diterima melalui Sistem Kebajikan Negara (SKN) sepanjang tahun 2022 hingga 2023.

Manakala, pengagihan dari kumpulan zakat bagi golongan fakir miskin, mualaf, Al-Gharimin serta amil terang Yang Berhormat, menunjukkan penambahan daripada BND20.9 juta pada

tahun 2021 kepada BND24.2 juta bagi tahun 2022 serta BND25 juta bagi tahun 2023.

"Jadi, hal-hal sedemikian ini sangat menarik untuk kaola *elaborate* dalam jawapan kaola kalau ada soalan-soalan yang berbangkit di sana terutama sekali kalau ada soalan-soalan yang berhubung dengan bagaimana mengemaskan dalam mengatasi kelambatan-kelambatan dan sebagainya.

"Bukan sahaja untuk meningkatkan pendapatan tetapi untuk menyelesaikan isu-isu kelambatan dalam kalangan masyarakat secara umumnya," ujar Yang Berhormat lagi.

PELAKSANAAN program dan inisiatif bagi memperkasa keupayaan asnaf zakat diungkayahkan secara terancang dan berkesan.

Pengurusan inisiatif mengembang majukan harta wakaf dan baitulmal yang menjadi kemaslahatan golongan-golongan sasaran bagi zakat yang diketahui ada isu-isu kelambatan dan sebagainya, diharapkan dengan penubuhan jabatan ini akan dapat mengatasi dan mencari kaedah-kaedah untuk mempercepatkan atau bagaimana untuk menyantuni keperluan-keperluan orang yang menghendaki, pemohon-pemohon yang masih tertunggak dan sebagainya.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



352 GRADUAN PENDIDIKAN UGAMA ISLAM AKTIF Mencari PEKERJAAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Mac. - Mengikut data yang dipetik dari sekretariat Manpower Planning and Employment Council, setakat bulan Januari 2024 sebanyak 40.7 peratus, iaitu 352

graduan daripada jumlah 864 graduan yang mempunyai kelulusan pembelajaran yang berhubung kait Pendidikan Agama Islam aktif mencari pekerjaan, di mana 344 orang (39.8 peratus) terdiri daripada graduan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Manakala, daripada Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) cuma lapan orang kerana bilangan di sana setiap keluaran tidak sampai ratusan, cuma berbelasan ataupun berpuluh sahaja.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman mengongsikan perkara tersebut pada hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, MMN,

yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

"Maka yang lapan orang itu sudah cukup untuk memenuhi sejumlah daripada 2,588 peluang pekerjaan yang ditawarkan dalam pelbagai sektor.

"Jadi kaola harap mukadimah ini cukup menyatakan kenyataan yang sebenar-benarnya dan dalam masa yang sama juga, kita menghadapi isu kekurangannya peluang pekerjaan bagi lepasan-lepasan pengajian tinggi.

"Ada yang kena *mismatching* dan sebagainya.

"Itu merupakan isu lain dan jadi isu ini adalah isu nasional yang kita boleh selesaikan di peringkat nasional dengan beberapa alternatif yang dapat dibincangkan di dalam dewan ini," ujar Yang Berhormat lagi.

Terdapat input yang

munasabah jelas Yang Berhormat, akan menjadi bahan bagi kita menangani perkara tersebut, tetapi satu perkara yang mesti diingat bahawa pendidikan ini diutamakan terutama sekali dalam Wawasan Brunei 2035, iaitu untuk melahirkan Rakyat yang Berpendidikan Tinggi, Berkemahiran dan Berjaya.

Maknanya rakyat kita ini tegas Yang Berhormat, selama mana kerajaan mampu untuk mendukung pembelajaran mereka, maka kita tidak akan menyekat untuk sejauh mana mereka belajar, hanya tinggal lagi bagaimana menjuruskan mereka kepada bidang-bidang yang sangat kita perlukan.

Yang Berhormat seterusnya menegaskan, hanya bidang keagamaan itu jangan difikirkan tidak perlu, keperluannya itu kerana kita melihat ia hanya

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

untuk berkhidmat di bidang Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), tapi sebenarnya kalau dilihat kelulusan mereka itu boleh dalam syarat-syarat perjawatan pun boleh mereka dapat masuk ke dalam Perkhidmatan Awam biasa dan ini sudah terbukti daripada lepasan ITQSHHB masuk ke dalam *mainstream* perkhidmatan sebagai pegawai BAS misalannya.

"Ada yang sudah berjawatan District Officer dan sebagainya atau dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, dan hal-hal yang sebegini adalah menggalakkan, yang penting kita melihat dan huraikan isu ini secara rasional di peringkat yang lebih bertanggungjawab nanti untuk dinaikkan ke atas," ujar Yang Berhormat lagi.



Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Mac. - Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dalam menjawab pertanyaan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin mengenai strategi sasaran *ambitious* yang akan digunakan untuk mencapai sasarannya seperti yang telah dinyatakan dalam Peruntukan Tahun Kewangan 2024/2025.

Menurut Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, *ambitious target* KSSUP memang ada inisiatifnya dan kelmarin juga ada dinyatakan juga mengenai *technology driven*.

"Untuk meningkatkan produktiviti-*produktiviti* pertanian

dan perikanan, *we cannot rely on traditional farming and we cannot rely on traditional fishing*.

"Jadi, aktiviti ini akan dibuat seperti *vertical farming* dan di bawah RKN pada masa ini ditumpukan penyediaan *basic infrastructure* air dan elektrik," kata Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini".

Dengan adanya *basic infrastructure* ini, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menambah, akan membolehkan peladang-peladang untuk membina *greenhouse* dan *vertical farming*.

"Dan juga, *allocate* kawasan-kawasan untuk *technology-based* itu.

"Di samping itu, menggalakkan orang-orang muda yang mempunyai pemikiran yang dinamik dan inovatif yang boleh menerajui lagi ladang ini.

"Itulah antara usaha untuk meningkatkan lagi produktiviti dan pengeluaran," jelas Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Selain *primary production* sekarang ini, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menjelaskan pengeluaran sekunder ada jenis hiliran (*downstream*) yang menjadi satu tonggak untuk meningkatkan keluaran negara.

Kami menyedari tambah Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, bahawa nilai penghasilan utama tidaklah setinggi dengan jenis hiliran ini.

Pada masa ini, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan berkata seperti yang dinyatakan kelmarin terdapat enam ke tujuh buah syarikat telah berjaya menembusi pasaran ke luar melalui *downstream*.

Tambahan lagi kata Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, kementerian dengan kerjasama bahagian perdagangan dan MFA telah pun menembusi *market access* antaranya ke Singapura, Sarawak, Sabah, China dan Australia.

"Dengan adanya peluang-peluang pasaran di sana akan meningkatkan lagi *production kitani* tanpa ada had.

"*Kitani* boleh bergantung pada domestik hanya sahaja domestik itu *limited*.

"Dengan adanya peluang-

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

peluang *overseas* ini akan membolehkan lagi pengusaha-pengusaha *kitani* terus berusaha dan berkembang maju dan *we promote export driven*.

"Itulah usaha-usaha *kitani* untuk meningkatkan pengeluaran dan juga hasil daripada pertanian dan perikanan ini," jelas Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan lagi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seterusnya menambah di bawah Kod/Akaun 1210-003 ialah Rancangan Pembangunan Industri Ternakan bagi Menjana Pengeluaran sebanyak BND106.8juta pada tahun 2015 ke BND300 juta pada tahun 2020 dan ia sebenarnya RKN Ke-11 yang akan dibawa ke hadapan.

"Pada masa ini, kita telah mencapai sasaran itu pada tahun 2020, yang mana *kitani* pada tahun 2021 telah berjaya menghasilkan BND362.52 juta lebih, iaitu lebih tinggi daripada sasarannya.

"Sebenarnya, ada sudah sasaran baharu yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat, jadi sasaran lama sudah dicapai.

"Berkenaan laporan statistik

harga, sebenarnya harga yang di *collect* itu bukannya anggaran, bukan *assumption* dan bukan *estimation*, ini ialah hasil daripada *feedback* peladang-peladang.

"Harganya ialah harga *farm gate*, ertinya *slightly lower than retail price*. How reliable it is? Kalau sekiranya dilihat dari segi peraturan syarikat (*company act*), kalau syarikat itu sudah 'Sendirian Berhad', ertinya *they are obliged to have audited financial statement every year*," terang Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Jadi kata Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, itulah *information* kalau yang 'Sendirian Berhad' itu, *that is the information that we get*. Sudah diaudit. Tidak lagi perlu pihak kaola audit dan lain halnya bagi *sole proprietorship*, itu tidak dapat dielakkan, tidak ada *requirement* untuk mendapatkan laporan kewangan.

"Itu *kitani* nilai daripada rekod-rekod *bisdiorang* untuk jualan *bisdiorang*, at *farm gate* dan bukannya *retail price*," jelas Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan lagi.



Bersedialah! Bulan Ramadan menjelang lagi

Ramadan Al-Mubarak. Pada bulan inilah kita umat Islam diwajibkan berpuasa. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 183 :

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu supaya kamu bertakwa".

Sesungguhnya kedatangan bulan Ramadan merupakan rahmat bagi setiap orang yang beriman. Inilah bulan yang semua pintu syurga dibuka seluas-luasnya, semua pintu neraka ditutup serapat-rapatnya dan syaitan dibelenggu. Dicapada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Apabila menjelang Ramadan, nescaya dibuka pintu syurga, ditutup pintu-pintu neraka dan dibelenggu syaitan-syaitan". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Menjelang kedatangan bulan Ramadan Al-Mubarak ini, sama-samalah kita mempersiapkan diri dari segi rohani, antaranya :

Pertama : Mempertingkatkan amal ibadah seperti memperbanyakkan Puasa Sunat, memperbanyak sembahyang sunat, membaca Al-Quran, berzikir, beriktikaf, Qiamullail dan seumpamanya.

Kedua : Mendalami ilmu agama khususnya dalam perkara ibadah puasa seperti hukum-hukum puasa dan adab-adabnya.

Ketiga : Mengqada Puasa Wajib.

Bagi sesiapa yang masih belum mengqada Puasa Ramadan pada tahun lepas, maka eloklah mengambil kesempatan mengqadanya pada bulan Syaaban ini agar tidak terkena membayar fidyah. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 184 :

Tafsirnya : "Iaitu beberapa hari yang tertentu. Maka sesiapa antara kamu yang sakit atau dalam musafir (bolehlah dia berbuka, jika dia berbuka) maka wajiblah dia berpuasa sebanyak (hari yang dia berbuka) itu pada hari-hari yang lain. Dan wajib ke atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin. Tetapi sesiapa yang dengan sukarela memberikan (bayaran fidyah) lebih daripada yang ditentukan itu maka itu adalah suatu kebaikan baginya dan (walaupun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu (daripada membayar fidyah), jika kamu mengetahui".

Selain dari persediaan-persediaan rohani tersebut, terdapat juga perkara rohani yang perlu kita jaga dalam melakukan ibadah puas iaitu penjagaan kesihatan. Ini kerana, dengan tubuh badan yang sihat akan memudahkan kita menjalankan ibadah puasa dan ibadah-ibadah yang lain seperti Sembahyang Sunat Tarawih, Qiamullail, membaca Al-Quran, beriktikaf dan sebagainya.

Antara aspek kesihatan yang perlu dititikberatkan semasa di bulan Ramadan adalah :

Pertama : Memilih dan menyediakan

makanan daripada sumber yang halal dan bersih.

Kedua : Mengamalkan makanan yang seimbang dan bersederhana.

Ketiga : Berpuasa juga merupakan satu latihan yang amat berfaedah untuk mengatasi tabiat merokok dan perokok-perokok boleh mengambil kesempatan di bulan Ramadan ini untuk berazam berhenti merokok.

Bersempena bulan Ramadan yang bakal menjelang ini, marilah kita sama-sama membuat persediaan dan persiapan dengan sebaik-baiknya. Isilah ruang dan masa yang ada di bulan Ramadan itu nanti dengan melakukan ibadah dan perkara-perkara yang berkebaikan.

Ini kerana pada tahun yang akan datang, kita belum pasti sama ada akan dipertemukan lagi untuk menikmati bulan Ramadan Al-Mubarak ini atau sebaliknya. Semoga dengan tibanya Ramadan pada tahun ini, kita akan dapat melaksanakan amal ibadah dengan sempurna dan mendapat ganjaran dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Sesiapa yang mengerjakan amalan yang soleh sama ada laki-laki atau perempuan, sedang dia orang yang beriman, maka sesungguhnya Kami sudah tentu akan menghidupkannya dengan kehidupan yang baik dan Kami sudah tentu akan mengurniakan mereka dengan ganjaran yang lebih daripada apa yang mereka telah kerjakan". (Surah An-Nahl, ayat 97)

BERTAKWALAH kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat. Alhamdulillah, hanya tinggal beberapa hari saja lagi umat Islam di seluruh dunia akan menyambut kedatangan bulan

Penambahbaikan, peralihan portal e-Invoice dalam TAFIS

Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 Mac. - Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) memaklumkan bahawa mulai 1 April 2024, portal e-Invoice di dalam sistem Treasury Accounting and Financial Information System (TAFIS) akan diganti dengan Government Vendor Portal di dalam TAFIS baharu (TAFIS 2.0).

Government Vendor Portal ini adalah portal layan sendiri (self-

service portal) yang memerlukan pembekal-pembekal (vendors) mendaftar secara online untuk menjadi pembekal-pembekal pihak kerajaan dan seterusnya membolehkan pembekal-pembekal (vendors) menyertai sebarang proses sebut harga ataupun tawaran yang dikeluarkan oleh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan.

Oleh yang demikian, semua pembekal-pembekal kerajaan

adalah dinasihatkan untuk memastikan maklumat e-mel di dalam portal e-Invoice pembekal adalah lengkap dan betul bagi membolehkan Jabatan Perbendaharaan mengongsikan maklumat-maklumat mengenai TAFIS 2.0 terutama sekali tarikh bagi pembekal-pembekal untuk menghadiri Vendor Clinic iaitu taklimat untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai tatacara-tatacara dan keperluan Government Vendor Portal dalam sistem TAFIS 2.0 nanti.

BERSEDIALAH! BULAN RAMADHAN MENJELANG LAGI

*Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam
pada 27 Sya'ban 1445H bersamaan 8 Mac 2024M*

Menjelang kedatangan bulan Ramadhan al-Mubarak ini, sama-samalah kita mempersiapkan diri

- ▶ Dari segi rohani
- ▶ Penjagaan kesihatan

SYABAN
↓
RAMADHAN



Dari segi rohani

- ▶ Mempertingkatkan amal ibadah
- ▶ Mendalami ilmu agama khususnya dalam perkara ibadah puasa
 - ▶ Mengqadha puasa wajib

Penjagaan Kesihatan

Tubuh badan yang sihat akan memudahkan kita menjalani ibadah puasa dan ibadah-ibadah yang lain



Antara aspek kesihatan yang perlu dititik beratkan semasa di bulan Ramadhan

- 1 Memilih dan menyediakan makanan daripada sumber yang halal dan bersih
- 2 Mengamalkan makanan yang seimbang dan bersederhana



- 3 Berpuasa juga merupakan satu latihan yang amat berfaedah untuk mengatasi tabiat merokok



372 AMIL DILANTIK SELURUH NEGARA



Oleh : Aimi Sani
Foto : Alishahrin Haji Mumin

MENTIRI, Rabu, 6 Mac. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) memaklumkan bahawa seramai 372 orang berserta beberapa institusi perbankan dan telekomunikasi selaku penyedia perkhidmatan (service provider) bagi pembayaran Zakat Fitrah dalam talian (*online*) dilantik menjadi amil bagi mengutip zakat mengikut kawasan yang ditentukan mulai 1 Ramadan 1445 nanti.

Daripada jumlah tersebut, seramai 214 amil bagi Daerah Brunei dan Muara; di Daerah Belait seramai 21 orang amil bagi 16 kawasan; di Daerah Tutong seramai 60 amil bagi 30 kawasan dan bagi di Daerah Temburong pula seramai 24 amil bagi 13 kawasan. Manakala seramai 53 amil-amil MUIB telah dilantik untuk mengutip zakat di keempat-empat daerah.

Demikian itu juga, beberapa institusi perbankan Islam terdiri daripada Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan beberapa syarikat telekomunikasi yang terdiri daripada Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST) dan Imagine Sdn. Bhd. selaku penyedia perkhidmatan pembayaran Zakat Fitrah dalam talian dilantik menjadi amil MUIB kepada pelanggan masing-masing.

Lantikan syarikat-syarikat berkenaan adalah bagi tempoh selama satu bulan bagi Tahun 1445 Hijrah bersamaan Tahun 2024 Masihi yang bermula 1 Ramadan hingga 30 Ramadan atau 30 Ramadan 1445 Hijrah, tertakluk kepada hasil penglihatan anak bulan Syawal 1445 Hijrah.

Sehubungan itu, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Tauliah Amil kepada Amil-amil yang Dilantik Seluruh Negara bagi Tahun 1445-1446 Hijrah bersamaan 2024-2025 Masihi yang diadakan secara serentak di keempat-empat daerah, hari ini.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, majlis diadakan di Masjid Hassanah Bolkiah, Rancangan Perumahan Negara Kampung Mentiri. Hadir selaku tetamu kehormat majlis seterusnya menyampaikan Sijil Tauliah Amil ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Naib Yang Dipertua MUIB.

Terdahulu, Pemangku Pengarah Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan bahawa selepas Majlis Penyerahan Tauliah berlangsung, akan diadakan sesi taklimat mengenai tatacara merekodkan dan melaporkan penyata hasil kutipan Zakat Fitrah dengan menggunakan program yang disediakan.

Kaedah ini menurut beliau, akan dapat membantu mempermudah dan mempercepatkan lagi tugas-tugas para amil dalam menyediakan laporan kutipan hasil Zakat Fitrah di samping dapat mengurangkan kesilapan perkiraan jumlah hasil kutipan zakat. Hasil Kutipan Zakat Fitrah dan Harta pada Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi akan digunakan bagi perbelanjaan dan pengagihan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi ini.

Manakala mengikut data yang sedia ada, penerima-penerima

YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyampaikan Sijil Tauliah Amil kepada penerima (kiri dan kanan).

agihan zakat yang telah disokong untuk menerima agihan wang zakat pada tahun 2023 sahaja adalah berjumlah seramai 909 ketua keluarga dan 1,411 tanggungan dan jumlah keseluruhannya adalah seramai 2,320 orang.

Amil-amil yang dilantik adalah terdiri daripada Pegawai-pegawai Masjid, Imam-imam, Bilal-bilal, pegawai-pegawai beruniform daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Pegawai Bomba dan Penyelamat serta kakitangan kerajaan yang bersesuaian.

Tempat-tempat pengutipan dan pembayaran zakat dilakukan di masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadat, tempat bertugas amil-amil dan di Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, Daerah Brunei dan Muara serta cawangan-cawangan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal di Pejabat-Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Selain itu juga, orang ramai akan dapat membayar Zakat Fitrah secara dalam talian melalui platform perbankan di BIBD dan Perbadanan TAIB dan juga melalui aplikasi syarikat telekomunikasi DST dan Imagine Sdn. Bhd. di sepanjang bulan Ramadan 1445 Hijrah nanti.

Sementara itu, majlis yang sama juga dilaksanakan di Masjid Pekan Seria, Kuala Belait. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan Sijil Tauliah kepada amil-amil ialah Dato Seri Setia Awang Haji Tasim bin Haji Akim yang juga selaku Ahli MUIB. Manakala di Daerah Tutong pula, majlis diadakan di Masjid Ar-Rahim, Kampung



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.

Bukit Panggal dan Sijil Tauliah disampaikan oleh Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof juga selaku Ahli MUIB. Seterusnya di Daerah Temburong, Sijil Tauliah disampaikan oleh Ahli MUIB, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang dan majlis diadakan di Masjid Kampung Puni.

Dengan lantikan-lantikan ini, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal berharap ia akan dapat memudahkan orang ramai khasnya para *muzakki* (pembayar zakat) di negara ini dalam menunaikan kewajipan mengeluarkan Zakat Fitrah dan Harta di setiap kawasan dan platform yang telah ditentukan.


Waktu persekolahan bulan Ramadan

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BERAKAS, Rabu, 6 Mac. - Kementerian Pendidikan dengan ini memaklumkan bahawa waktu-waktu persekolahan semasa bulan Ramadan bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah, maktab-maktab serta pusat-pusat tingkatan enam di seluruh negara bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi adalah seperti berikut iaitu waktu persekolahan bagi sekolah-sekolah rendah sesi pagi bermula pukul 7.45 pagi hingga 11.55 pagi.

Manakala waktu-waktu persekolahan bagi sekolah-sekolah menengah, maktab-maktab dan pusat-pusat tingkatan enam sesi pagi bermula pukul 7.45 pagi hingga 11.50 pagi manakala sesi petang bermula pukul 12.00 tengah hari hingga 4.00 petang (bagi sekolah-sekolah yang mempunyai dua sesi).

Pelajar-pelajar prasekolah pula akan diberikan kelonggaran waktu pengajaran dan pembelajaran mengikut budi bicara sekolah masing-masing.



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

TIPS MEMUAT NAIK

PENTING:
Pastikan menggunakan pelayar seperti
Google Chrome / Mozilla Firefox / Safari

#1
Format fail yang betul


PDF:
Kad Pengenalan, Lesen Memandu, Sijil, Transkrip & Lain-lain Dokumen

JPG / PNG: Gambar Berukuran Passport (Gambar Profil)

#3
Dokumen yang diimbas hendaklah dalam versi asal / berwarna

#2
Saiz fail tidak melebihi 3MB

#4
Nama fail tidak mengandungi sebarang simbol dan jarak (space)



KUNJUNGAN RASMI JALINKAN HUBUNGAN STRATEGIK, ERATKAN SILATURAHIM



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa bergambar ramai bersama Ketua-ketua Pendakwa Syar'ie / Pengarah Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri-Negeri di Seluruh Malaysia dan Pendakwa-Pendakwa Syar'ie.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Mac. - Seramai 33 orang pegawai terdiri daripada Ketua-ketua Pendakwa Syar'ie / Pengarah Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri-Negeri di Seluruh Malaysia dan Pendakwa-Pendakwa Syar'ie telah mengadakan kunjungan rasmi ke Negara Brunei Darussalam

(NBD) pada Rabu, 25 Syaaban 1445 bersamaan 6 Mac 2024. Turut serta dalam rombongan tersebut ialah para pegawai dari Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak dan Jabatan Agama Islam Sarawak.

Antara atur cara pada sebelah pagi, diadakan sesi perjumpaan

bertempat di Balai Khazanah Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Perjumpaan pada sebelah pagi itu juga dihadiri oleh Pemangku Ketua Pendakwa Syar'ie, Dayang Hajah Hadiyati binti Haji Abdul Hadi; Pengarah Hal Ehwal Syariah, Awang Haji Suhaimi bin Haji Gemok; Pemangku Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama, Awang Farizan bin Haji Judin serta para pegawai kanan dan pegawai-pegawai dari Bahagian Pendakwaan Syar'ie, dan Bahagian Penguatkuasaan Ugama, Jabatan Hal Ehwal Syariah, KHEU.

Manakala dari Jabatan

Kehakiman Negara kehadiran diketuai oleh Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Pengiran Mohammaddin bin Pengiran Haji Aliakbar.

Selesai sesi perjumpaan, rombongan dibawa untuk menikmati majlis makan tengah hari di salah sebuah restoran di ibu negara yang dihadiri sama oleh Timbalan Menteri

Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Kewangan dan Pentadbiran) KHEU, Awang Misle bin Haji Abd Karim; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Pada majlis tersebut, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama menyempurnakan penyampaian cenderahati kepada ketua rombongan, Ketua Pendakwa Syar'ie, Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan, Abd Razak bin Mat Nayan, dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kuching, Sarawak, Yang Arif Mahiden bin Sah.

Selain menjadi wadah perbincangan mengenai isu-isu perundangan semasa khasnya berkaitan penyiasatan, pendakwaan, dan perbicaraan di kedua-dua buah negara, perjumpaan tersebut juga dihasrat akan dapat meningkatkan dan menjalinkan hubungan strategik serta mengeratkan silaturahim di antara NBD dan Malaysia.



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyampaikan cenderahati kepada ketua rombongan.

Teroka peluang kerjasama, kongsi pengetahuan ilmu perniagaan

■ Siaran Akhbar : Darussalam Enterprise

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Mac. - Darussalam Enterprise (DARE) telah menganjurkan acara Enterprise Growth Connect 2024 yang berlangsung di Tarindak D'Seni, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid juga selaku Timbalan Pengerusi Bersama Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) dan DARE.

Enterprise Growth Connect (EGC) ialah forum dan rangkaian yang menghimpunkan usahawan, pemilik perniagaan dan pemimpin industri untuk mencari peluang kerjasama yang berpotensi dan berkongsi pengetahuan,

sambil memberi inspirasi kepada pertumbuhan perniagaan melalui sokongan komuniti.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif BEDB dan DARE, Daniel Leong di mana beliau menjelaskan bahawa tema pada tahun ini adalah 'Thrive Through Transformation : Entrepreneurial Adaptability.'

Menurut Daniel Leong, dalam dunia yang sentiasa berkembang, di mana perubahan adalah satu-satunya yang berterusan, kebolehan untuk menyesuaikan diri bukan sekadar kemahiran tetapi minda penting untuk berjaya.

"Acara Enterprise Growth Connect melangkaui meraikan

pencapaian syarikat di bawah inisiatif pertumbuhan DARE; ia adalah platform untuk inspirasi, kerjasama dan pertukaran pengetahuan.

"Kami menghargai kisah kejayaan sebagai lampu panduan bagi mereka yang sedang dalam perjalanan pertumbuhan mereka, memupuk peluang rangkaian dan kerjasama," ujar beliau.

Pada dasarnya, jelasnya lagi, acara ini adalah pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi, meraikan pencapaian, menginspirasi usaha masa depan dan mengukuhkan fabrik saling berkaitan komuniti perniagaan kami.

Program-program ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan di Negara Brunei Darussalam melalui sokongan

Sentiasa Mengekalkan Jarak Selamat

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

Always Wear a seatbelt
No mobile phones while driving
Speeding is dangerous
Do not drive under influence
Wear helmet and proper attire while riding
Always watch out for other road users
Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn

yang disasarkan dan peluang untuk pertumbuhan dan pembangunan.

Di samping itu, inisiatif dan program lain, termasuk Rangkaian Mentor bagi usahawan tempatan, menawarkan lebih banyak jalan untuk kemajuan. Semua inisiatif ini adalah sebahagian daripada komitmen DARE untuk menyokong dan memperkasakan usahawan tempatan kami dalam perjalanan mereka menuju kejayaan.

Acara diteruskan dengan penyampaian daripada dua penceramah undangan daripada Pengasas Bersama dan SouperChef of The Soup Spoon, Anna Lim dan Ketua Perkongsian

Global di ParagonCorp (Wardah Beauty) dari Indonesia, Guzelya Marisova.

Juga diadakan pada acara tersebut ialah perbincangan panel yang diketuai oleh pemilik dan pengurusan perniagaan yang terkenal, memberikan pandangan tentang inisiatif utama yang memupuk pertumbuhan perniagaan, termasuk pemenang Anugerah Perniagaan Proudly Brunei baru-baru ini iaitu Dayang Poh Yee Tsang dari Taurean Bakeshop dan Haji Ibrahim Khalili dari SPHI Food. Acara diakhiri dengan sesi soal jawab.

MAJLIS KHATAM AL-QURAN SEMPENA HARI KEBANGSAAN KE-40



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei semasa hadir pada Majlis Khatam Al-Quran di Surau Al-Hikmah, Penanjong Garison, Tutong bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 Tahun.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Ihsan Kementerian Pertahanan

TUTONG, Jumaat, 8 Mac. - Bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 Tahun, Kementerian Pertahanan pagi tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran di Surau Al-Hikmah, Penanjong Garison, Tutong, di sini.

Hadir ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-40, seramai 40 peserta yang diraikan telah

menghabiskan bacaan 30 Juzuk. Majlis tersebut juga disertai oleh 10 buah surau di dalam perkhemahan tentera yang mana setiap surau mengkhatamkan sebanyak empat kali dan menjadikannya 40 kali khatam secara keseluruhan.

Majlis Khatam dimulai dengan bacaan Takhtim disusuli dengan Tahliil dan bacaan Doa Khatam

Al-Quran yang dibacakan oleh Imam Surau Al-Hikmah, Awang Afiq Abdul Halim bin Haji Daniel Alexander Iskandar Zulkarnain dan Dikir Marhaban serta diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Majlis tersebut bertujuan untuk menzahirkan rasa penuh kesyukuran dan memohon doa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala untuk keamanan dan kemakmuran

Negara Brunei Darussalam serta mengagungkan kesucian Al-Quran Al-Karim dan menyemai semangat mencintai dan menghayati Al-Quran Al-Karim di setiap lapisan pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan, di samping menyemarakkan lagi Sambutan Hari Kebangsaan Ke-40.

Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin; serta seluruh peringkat kepimpinan dan warga Kementerian Pertahanan.

Turut dijemput bagi menyemarakkan majlis ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd Hassan bin Pengiran Haji Ali Hassan serta jemputan daripada agensi-agensi luar.

Kementerian Pertahanan agihkan kurma kurnia peribadi Kebawah DYMM

TUTONG, Jumaat, 8 Mac. - Kementerian Pertahanan pagi tadi mengadakan Majlis Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan hadir bagi menyempurnakan Majlis Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Bulan Ramadan 1445 Hijrah yang berlangsung di Dewan Makan Nikmat, Penanjong Garison (atas dan bawah).



Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Bulan Ramadan 1445 Hijrah yang berlangsung di Dewan Makan Nikmat, Penanjong Garison, di sini.

Hadir bagi menyempurnakan majlis tersebut ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; dan Setiausaha Tetap

Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan pengagihan kurma kepada Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera, Pengarah-pengarah dan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa khusus sempena penyerahan kurma yang telah dibacakan oleh Pengarah Jabatanarah Agama

ABDB (JAMA'AT), Komander Haji Ainolizam bin Haji Ibrahim, TLDB.

Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi ini melambangkan tanda kasih sayang dan sifat keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada rakyat baginda dalam melaksanakan ibadah puasa di bulan Ramadan yang bakal menjelang tiba.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Majukan Pengusaha Tempatan'. Tarikh Tutup : 13 Mac 2024
2. 'Waspada Dosa, Pahala Di Hujung Jari'. Tarikh Tutup : 20 Mac 2024
3. 'Lakukan Perubahan Tangani Obesiti'. Tarikh Tutup : 27 Mac 2024

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75**
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

KKBS AGIHKAN KURMA PERIBADI



SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan) KKBS menyampaikan Penyerahan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada pegawai dan kakitangan serta jabatan-jabatan di bawahnya (kiri dan kanan).



Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Mac. - Majlis Penyampaian Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena dengan bulan Ramadan 1445H / 2024M kepada pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya telah diadakan hari ini di Dewan Citra Budaya, KKBS.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan

majlis ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Pegawai i-Ready, Pusat Pembangunan Belia, Awang Abdul Muazzam Azri bin Zulkifli. Seterusnya Majlis Penyampaian Penyerahan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam sebanyak 6,614 kotak kecil kurma kepada pegawai dan kakitangan serta jabatan-jabatan di bawahnya termasuk untuk ahli-ahli keluarga masing-masing. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Awang Abdul Muazzam Azri. Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, ketua-ketua bahagian serta pegawai dan kakitangan KKBS.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia
Sila muat turun

PenggunaBijak

Simposium ketengahkan pertumbuhan dalam Al-Quran, hadis



TUNGKU LINK, Khamis, 7 Mac. - Bersempena dengan Ulang Tahun Penubuhannya Ke-6 pada tahun ini, Pusat Penyelidikan Botani, Universiti Brunei Darussalam (UBD BRC) mengadakan Simposium mengenai Tumbuhan dalam

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ihsan UBD

Al-Quran dan Hadis selama sehari bertempat di Bilik Senat, Dewan Canselor, UBD, hari ini. Hadir melancarkan simposium tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad. Hadir sama ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle dan pegawai-pegawai kanan. Simposium tersebut merupakan anjuran Institut Penyelidikan Biodiversiti dan Alam Sekitar (IBER) UBD dan dengan kerjasama Pusat Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddien, UBD (SOASCIS). Terdahulu dalam ucapan aluan yang disampaikan oleh Pengarah IBER, Dr. Hussein bin Haji Taha menekankan bahawa UBD BRC memainkan peranan penting dalam usaha mempromosikan pemuliharaan, penyelidikan, pendidikan dan jangkauan kepada masyarakat yang lebih luas selaras dengan

visi dan visinya serta menyumbang ke arah sasaran mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Menurut lagi, salah satu objektif simposium tersebut adalah untuk mendalami kefahaman tumbuhan yang disebut dalam Al-Quran dan hadis dalam aspek botani dan saintifik serta menengahkan konsep alam dalam Islam. Majlis diteruskan dengan pelancaran simposium diikuti dengan pelancaran Zon Al-Hadeeqah Al-Mubaarakah di UBD BRC. Zon ini dikhususkan untuk mempamerkan tumbuhan terpilih yang telah disebut dalam ayat-ayat Al-Quran dan juga diriwayatkan dalam hadis dengan maklumat tersedia mengenai kegunaan dan kepentingannya untuk pengunjung taman tersebut. Bahagian ini juga akan berfungsi sebagai tapak 'ex-situ' untuk pemuliharaan tumbuhan ini untuk tujuan penyelidikan dan pendidikan. Pada ketika ini, penyelidik di IBER



Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan semasa melancarkan simposium berkenaan dan kemudiannya menanam pokok bidara (secara saintifiknya Ziziphus) (kiri dan atas).

sedang mengusahakan projek kerjasama berimpak tinggi dengan institusi antarabangsa yang berkaitan dengan loji ini. Sesi Plenari juga dibentangkan sebagai sebahagian daripada majlis pelancaran tersebut. Kemudian, Majlis Penanaman Pokok telah diadakan di Zon Al-Hadeeqah Al-Mubaarakah.

Tetamu kehormat kemudiannya menanam Pokok Bidara (secara saintifiknya Ziziphus), iaitu salah satu tumbuhan yang disebut dalam Al-Quran dan hadis. Ia juga terkenal dengan nilai *ethnomedicinal* dan simposium disusuli dengan pembentangan seminar oleh penceramah dari IBER dan SOASCIS.

سوروهنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

100%

BARU

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja

PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi
Kad Pengenal / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan
(Sijil berhenti Sekolah)

PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan
menandakan "100%" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mula dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja

PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran

PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif

BIBD ANJUR HOME SHOWCASE : FESTIVE EDITION

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

KIULAP, Khamis, 7 Mac. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) petang tadi melancarkan Pameran Rumah : Edisi Perayaan (Home Showcase : Festive Edition) di BIBD Cawangan Kiulap, Kompleks Setia Kenangan.

BIBD Home Showcase : Festive Edition diadakan bermula hari ini hingga 10 Mac untuk membantu pelanggan BIBD bersiap sedia untuk musim perayaan yang akan datang dengan tumpuan pada pembiayaan rumah, kesedaran keselamatan siber dan promosi perbankan eksklusif.

Antara tujuan pameran diadakan adalah untuk BIBD melaksanakan sebahagian daripada komitmennya terhadap pembangunan komuniti, memupuk budaya pemilikan rumah dan menyokong perniagaan tempatan.


Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya melancarkan acara berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak.

BIBD Home Showcase : Festive Edition adalah sejajar dengan komitmen BIBD yang lebih besar untuk menyokong inisiatif kerajaan ke arah meningkatkan kebolehcapaian dan kemampuan

pemilikan rumah untuk masyarakat. Festive Edition ini adalah bertujuan untuk memperkasakan generasi akan datang dan bakal pemilik rumah dengan penyelesaian pembiayaan rumah yang komprehensif.

Pengunjung akan berpeluang untuk terokai pelbagai jenis hartanah *ready-to-move-in* yang ditawarkan oleh BOVEA-certified realtors dan nikmati faedah menarik seperti pengecualian yuran 100 peratus dan baucar perabot bernilai sehingga BND1,000 berdasarkan a *first-come, first-served basis*.

Dengan menekankan kepentingan perbankan dalam talian yang selamat, pameran tersebut juga akan menampilkan satu perbincangan panel interaktif tentang keselamatan siber, menawarkan tip-tip penting untuk perlindungan daripada penipuan



SETIAUSAHA Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan semasa hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan Pameran Rumah : Edisi Perayaan (Home Showcase : Festive Edition) di BIBD Cawangan Kiulap, Kompleks Setia Kenangan (atas, bawah kiri dan bawah kanan).

dalam talian.

BIBD komited untuk memperkayakan pengalaman perbankan pelanggannya sambil menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara. BIBD Home Showcase : Festive Edition ialah bukti komitmen, menawarkan platform untuk pemerikasaan kewangan, penglibatan masyarakat dan persiapan perayaan.

Turut hadir, Pengarah Urusan

dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri dan pengurusan dan kakitangan BIBD. Maklumat lanjut mengenai mana-mana perkhidmatan BIBD, produk dan promosi, bolehlah mengikuti akaun Instagram BIBD di *BIBDBRUNEI*; laman Facebook di *www.facebook.com/bibdbrunei* atau mengunjungi cawangan BIBD yang terdekat atau menghubungi pusat pelanggannya menerusi talian +673 2238181.



Pengagihan kurma kurnia peribadi



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa Majlis Penyerahan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Bulan Ramadan 1445H/2024M.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 Mac. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) petang tadi mengadakan Majlis Penyerahan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Bulan Ramadan 1445H/2024M.

Majlis penyerahan berkenaan disempurnakan oleh Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiatiy binti Haji Abdul Wahab kepada ketua-ketua jabatan/bahagian untuk diserahkan pengagihannya kepada setiap pegawai dan kakitangan masing-masing di bawah KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis mengambil tempat di Bilik VIP, Bangunan KSSUP.



Waktu perkhidmatan Kaunter TAP Ramadan

■ Siaran Akhbar dan Infografik : Tabung Amanah Pekerja

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Mac. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) ingin memaklumkan orang ramai bahawa waktu perkhidmatan TAP sepanjang bulan Ramadan bagi tahun 2024 di kesemua cawangan iaitu bagi Perkhidmatan Kaunter dan Pusat Panggilan TAP akan beroperasi dari Isnin hingga Khamis, bermula

dari pukul 8.00 pagi hingga pukul 1.30 petang. Manakala Jumaat dan Sabtu (Ibu Pejabat TAP sahaja) bermula dari pukul 8.00 pagi hingga pukul 11.00 pagi.

Menurut Siaran Akhbar TAP, urusan pendaftaran, pembayaran caruman, permohonan pengeluaran juga boleh dibuat secara dalam talian melalui laman sesawang TAP

di *www.tap.com.bn* bagi majikan dan ahli yang telah mendaftar sebagai pengguna portal e-Amanah.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan TAP menerusi talian +673 272 2929 semasa waktu bekerja. Bagi mengetahui perkembangan terkini, ikuti laman media sosial TAP melalui Facebook atau @TAP_Brunei melalui Instagram.

HARI	Kaunter Perkhidmatan dan Pusat Panggilan TAP
Isnin hingga Khamis	8.00 pagi hingga 1.30 petang
Jumaat	8.00 pagi hingga 11.00 pagi
Sabtu (Cawangan Ibu Pejabat PGGMB sahaja)	

HAYATI PERISTIWA ISRAK, MIKRAJ DALAM MENCARI KEBERKAHAN HIDUP



PEMANGKU Setiausaha Tetap, MTIC semasa hadir pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

BERAKAS, Rabu, 6 Mac. - 2024 Masihi. Majlis yang diadakan di Dewan Amar Pahlawan, MTIC berkenaan dikelolakan oleh Jabatan Pengangkutan Darat. Hadir pada majlis berkenaan, Pemangku Setiausaha Tetap,

MTIC, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Imam Masjid Sufri Bolkiah Perpindahan Berakas, Awang Haji Mohd. Zahid bin Haji Mohd. Zain.

Majlis seterusnya diserikan dengan Ceramah Khas sempena Israk dan Mikraj bagi tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang bertajuk 'Keberkatan dan Pengajaran Dalam Kehidupan' yang disampaikan oleh Pegawai Pelajaran Bahagian Kaunseling di Kementerian Pendidikan, Awang Haji Sammali bin Haji Adam.

Ceramah berkenaan antara lain mengetengahkan peristiwa Israk dan Mikraj yang mengajar manusia mencari kehidupan yang lebih diberkati.

Menurut Awang Haji Sammali, bila mendapat keberkahan hidup, sudah pasti akan banyak kebaikan-kebaikan yang tidak diduga dan manfaat yang dirasakan sama ada oleh diri sendiri mahupun orang lain.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Keberkahan itu tambahnya, merangkumi rezeki yang diperoleh, kesihatan tubuh badan, dan hubungan sosial dengan orang di sekeliling.

Oleh itu katanya, wajar umat Islam untuk mengambil pengajaran daripada peristiwa berkenaan ini agar keperibadian kita menjurus untuk meningkatkan lagi iman dan takwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Selain daripada menyemarakkan peristiwa bersejarah Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, majlis berkenaan juga bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan para pegawai dan kakitangan MTIC dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) MTIC, ketua-ketua jabatan, ketua eksekutif, serta para pegawai dan kakitangan MTIC



PEGAWAI Pelajaran Bahagian Kaunseling di Kementerian Pendidikan, Awang Haji Sammali bin Haji Adam menyampaikan Ceramah Khas bertajuk 'Keberkatan dan Pengajaran Dalam Kehidupan'.

dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.

SR Haji Mohd. Salleh johan Pertandingan Multiplication Genius



PASUKAN Sekolah Rendah Haji Mohd. Salleh, Sungai Hanching muncul johan bagi Pertandingan Multiplication Genius Peringkat Akhir bagi Tahun 2024 (atas). Sementara gambar kanan, sekitar pertandingan tersebut.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

KATOK, Khamis, 7 Mac. - Pasukan Sekolah Rendah (SR) Haji Mohd. Salleh, Sungai Hanching muncul johan bagi Pertandingan Multiplication Genius Peringkat Akhir bagi Tahun 2024 yang diadakan di Auditorium 1, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok, hari ini. Sementara itu, Pasukan SR Sengkurong dari Kluster 4 pula mendapat tempat kedua dan Pasukan SR Rimba III dari Kluster 3 berada tempat ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat seterusnya menyampaikan hadiah kepada para peserta ialah Pengarah Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan, Dr. Hajah Sallimah binti Haji Mohammad Salleh.

Seramai 24 pelajar Tahun 3 dari enam buah sekolah rendah kerajaan yang mewakili enam kluster bertanding pada peringkat akhir. Sekolah-sekolah yang berjaya mara ke peringkat akhir ialah SR Junjongan dari Kluster 1; SR Haji Mohd. Salleh, Sungai Hanching dari Kluster 2; SR Rimba III dari Kluster 3; SR Sengkurong

dari Kluster 4 SR Perpindahan Kampung Bukit Beruang II dari Kluster 5 dan SR Pengiran Setia Negara Pengiran Mohd. Yusof dari Kluster 6.

Pertandingan Multiplication Genius anjuran Bahagian Program dan Akademik, Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan ini diadakan sebagai kesinambungan Program Bijak Sifir yang telah dilaksanakan di sekolah-sekolah bagi membantu pelajar untuk menguasai sifir dan kemahiran yang terdapat dalam mata pelajaran Matematik.

Pertandingan bermula pada bulan Februari tahun ini mengikut peringkat iaitu di peringkat sekolah dan peringkat kluster. Antara objektif pertandingan ini adalah bagi memupuk semangat dan minat belajar para pelajar terhadap mata pelajaran Matematik, menguasai kemahiran mengingat sifir, memberi kesedaran akan kepentingan penguasaan Matematik dalam kehidupan dan memupuk sikap setia kawan dan semangat berpasukan.

Turut hadir, pengarah sekolah-sekolah, ketua-ketua bahagian dan unit dari Jabatan Sekolah-sekolah, guru-guru dan para pelajar yang mengambil bahagian.





سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

- 1 **Teliti Skim Iklan** sebelum memohon.
- 2 Profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** skim iklan akan **ditolak**.
- 3 **Lengkapkan Profil PSCR 2.0** (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
- 4 **Lengkapkan Kelulusan** (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
- 5 **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap** *Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan
- 6 **Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"**
- 7 **Lengkapkan Maklumat** (kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)

+673 7371961

PSC.BN

query@spa.gov.bn



Bagi Talian Whatsapp
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam



Bagi media sosial
PSC.BN

>> Muka 30

Kebankrapan No.
BCY / CP / 111 / 2003

Standard Chartered Bank
(Formerly Known As SCF (B) Berhad)
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Haji Aidel Bin Haji Zain
@ Haji Rozaini
(00-251588)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Pembatalan Perintah Penerimaan Dan

Notis Pelepasan Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :-

a. Bahawa Perintah Penerimaan dijatuhkan pada 25 Mac 2004 dan Perintah Penghukuman dijatuhkan pada 3 September 2005 yang di buat terhadap Penghutang telah dibatalkan dan dilepaskan pada 20 Januari 2024

Nama Penghutang:

Haji Aidel Bin Haji Zain @ Haji Rozaini
No. 25, Simpang 763, Kg. Masin, Jln. Limau Manis, BH2723
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
27 Februari 2024

Kes No
BCY / CP / 216 / 2021

BIBD At-Tamwil Berhad
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Pg Mohamad Yusreheen Bin Pg Mohd Ishak
(00-300573)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat

terhadap Penghutang berikut pada 19 Februari 2022 telah dibatalkan pada 27 Januari 2024.

Nama Penghutang :
Pg Mohamad Yusreheen Bin Pg Mohd Ishak

Alamat Penghutang :
No. 88, Kampung Mulaut, Jalan Sengkurong, Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
27 Februari 2024

Fatin Fikriyah Binti Haji Rosli
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar

Kes No.
BCY / CP / 217 / 2023

Baiduri finance Berhad
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Sabri Bin Haji Ismail
(00-256902)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 14 Disember 2023.

Nama dan alamat terakhir diketahui:
Sabri Bin Haji Ismail
No. 18, Spg 427, Kg. Bebatik Kilanas, Jalan Limau Manis BH2723, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
30 November 2023

b.) Semua siputang-siputang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
20 Februari 2024

Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 14 Disember 2023.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8), Mahkamah Besar pada 26 Mac 2024, jam 10.00 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 26 Mac 2024, jam 10.00 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
20 Februari 2024

Kes No.
BCY / CP / 49 / 2016

Baiduri Bank Sendirian Berhad
- Pemiutang Penghakiman /



Di Dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan

Syarikat (Penggulungan)
No. BCY / ICWP / 2 / 2023

Dalam Perkara Akta Perintah Insolvensi (penggulungan) Aturan 2018

Dan

Dalam Perkara National Bank Of Brunei Berhad

Notis Insolvensi (Penggulungan)

Nama Syarikat :
National Bank Of Brunei Berhad

Alamat Pejabat Berdaftar :

No : 102-102,
Jalan Kianggeh,
Bandar Seri Begawan BF1920
Brunei Darussalam.

Tarikh Perintah Penggulungan:
13 Julai 2023

Tarikh dan Tempat Perjumpaan:
Pejabat Pegawai Rasmi, Mahkamah Besar, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh:
19 Februari 2024

Notis Perjumpaan Pertama Pemiutang

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 13 Julai 2023.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 6 April 2024, jam 9.45Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 28 Mac 2024, jam 9.15 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
19 Februari 2024

>> Muka 32

Pemetisyen

Pg Shahfree Bin Pg Damit
(00-0118695)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 23 November 2023.

Nama dan alamat Bankrap:

Pg Shahfree Bin Pg Damit
No. 22, Spg 10, Jln Puragam, Panaga Seria, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Permohonan :
1 Disember 2023

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
29 Februari 2024

Kes No

BCY / CP / 82 / 2017

Baiduri Finance Berhad
(Previously filed by HSBC Finance (B) Bhd)

- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Hj Baharuddin Bin Hj Abd Ghani
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 17 Jun 2017 telah dibatalkan pada 15 Februari 2024.

Nama Penghutang :

Hj Baharuddin Bin Hj Abd Ghani

Alamat Penghutang :

No. 68, Jln Hj Halus, Kg. Bunut, KM8, Jln Tutong, BF1320
Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
28 Februari 2024

Muhammad Syafiq Bin Awang Haji Zakaria
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar

PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

>> Muka 31

Kes No.
BCY / CP / 536 / 2017

Bank Islam Brunei Darussalam Berhad
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Dayangku Mardiana Binti Pengiran Omar (00-283585)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 11 Mei 2024.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
Dayangku Mardiana Binti Pengiran Omar, No: 8, Lorong Seri Paduka 3, Kg. Mata-Mata, Gadong, BE1918, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
24 Januari 2018

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
21 Februari 2024

Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 13 Januari 2024.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 28 Mac 2024, jam 9.15 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 28 Mac 2024, jam 9.15 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan

awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
21 Februari 2024

Kes No.
BCY / CP / 274 / 2023

Bank Islam Brunei Darussalam Berhad
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Mohammad Nor Bin Jokni (01-052846)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 15 Februari 2024.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

Mohammad Nor Bin Jokni
No. 31C, Simpang:1185-73-213, Perpindahan Bukit Beruang, Tutong, TC3345
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
29 November 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
20 Februari 2024

Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 15 Februari 2024.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 9 Mei 2024, jam 9.00Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 9 Mei 2024, jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
20 Februari 2024

Muhd Muzakkir bin Haji Zakaria Timbalan Pegawai Penerima Rasmi B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar

Kes No
BCY / CP / 278 / 2012

Baiduri Bank Sendirian Berhad (Previously known as Baiduri Bank Sendirian)
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Armah Binti Haji Mohammad Salleh (00-118036)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 2 September 2010 telah **dibatalkan pada 17 Februari 2024.**

Nama Penghutang :

Armah Binti Haji Mohammad Salleh

Alamat Penghutang :

No. 48, Simpang 1011-6, Kampung Pengkalan Batu BH2723, Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
20 Februari 2024

Kes No
BCY / CP / 593 / 2012

Baiduri Bank Sendirian Berhad (Previously known as Baiduri Bank Sendirian)
(Previously Filed By The HSBC Limited)

- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Hjh Norizan Binti Haji Moxsin (00-073715)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 27 Jun 2013 telah **dibatalkan pada 17 Februari 2024.**

Nama Penghutang :

Hjh Norizan Binti Haji Moxsin

Alamat Penghutang :

No. 17, Simpang 40, Jalan 31, Kampung Perpindahan Lambak Kanan BC2315, Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
20 Februari 2024

Kes No
BCY / CP / 67 / 2011

Baiduri Bank Sendirian Berhad (Previously Filed By The HSBC Limited)
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Japerin Bin Haji Hassan (00-116436)

- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 13 Ogos 2011 telah **dibatalkan pada 22 Februari 2024.**

Nama Penghutang :

Japerin Bin Haji Hassan

Alamat Penghutang :

No. 11, Block 'B', Berek Ukur, Kampung Keriam, Tutong TB1141, Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
27 Februari 2024

Kes No
BCY / CP / 59 / 2008

Standard Chartered Bank
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Fatimah Binti Abdul Rahman (00-073677)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 28 Jun 2008 telah **dibatalkan pada 17 Februari 2024.**

Nama Penghutang :

Fatimah Binti Abdul Rahman

Alamat Penghutang :

No. 5, Simpang 5, Jalan 60-51, Kampung Perpindahan Rimba, Gadong BE3119
Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
20 Februari 2024

Pg Siti Nursu'aidah Binti Pg Jufri @ Pg Tajuddin Timbalan Pegawai Penerima Rasmi B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar

Kes No
BCY / CP / 8 / 2017

BIBD At-Tamwil Berhad
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Mohammad Abdul Waie Azri Bin Yacob (01-051446)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan
Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan

telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 13 Mei 2017.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

Mohammad Abdul Waie Azri Bin Yacob
No. 6, Spg 255-41-14, Kg. Sungai Tilog, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
5 April 2017

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
17 Februari 2024

Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 13 Mei 2017.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 27 Mei 2024, jam 10.00 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 27 Mei 2024, jam 10.00 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh :
17 Februari 2024

Hajah Normazdina Binti Hj Md. Maskub Timbalan Pegawai Penerima Rasmi B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar

PUISI

Tabung Kemanusiaan

Tabung kemanusiaan,
Menolong sesama yang dalam kesengsaraan
Terutama Palestin yang dalam kesusahan
Kerana serangan Israel yang tiada kerelaan
Menghancurkan semua bangunan
Tanpa mengira belas kasihan.

Kerana,
Serangan demi serangan dilakukan
Anak-anak banyak turut terkorban
Di samping ibu bapa juga tiada ketinggalan
Setelah bangunan jadi sasaran.

Tabung kemanusiaan,
Membantu rakyat Palestin dalam kesusahan
Supaya dapat meringankan segala beban
Akibat serangan Israel tiada peri kemanusiaan.

Namun,
Semua orang hanya memerhati korban
Tanpa berani memberhentikan serangan
Walau sedikit tiada halangan
Sedangkan rakyat Palestin dan Gaza terus bergelimpangan.

Setelah Tabung ditubuhkan,
Tempat menghulur segala bantuan
Termasuk perubatan dan segala makanan
Sambil membantu meringankan beban.

Dari itu,
Jangan lalai dan ketinggalan
Mendermalah ala kadar yang dimampukan
Supaya rakyat Palestin dapat merasakan
Sambil berdoa minta keringanan
Supaya rakyat Palestin terhindar dari serangan

Adi Asma,
Beribi Gadong.

PENYAMPAIAN SIJIL BAGI PESERTA, HAKIM MUSABAQAH



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Khamis, 7 Mac. - Seremilima peserta Kategori 'E' iaitu tiga peserta lelaki dan dua peserta perempuan memperdengarkan bacaan mereka pada hari kedua Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah yang berlangsung di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, di sini.

Acara yang berlangsung selama dua hari iaitu pada Rabu, 6 Mac 2024 dan hari ini berakhir dengan Majlis Penyampaian Sijil kepada para peserta dan hakim-hakim

Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Majlis turut dihadiri oleh para pengarah jabatan dan bahagian serta pegawai kanan KHEU dan juga para jemputan termasuk dari agensi kerajaan dan institusi pengajian berkenaan yang turut serta dalam Majlis Musabaqah Menghafaz Al-Quran.

Majlis dimulakan dengan bacaan

Surah Al-Fatihah oleh Pegawai Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Muhammad Azim bin Awang Haji Ali diteruskan dengan Musabaqah bagi Kategori 'E'. Majlis kemudiannya diikuti dengan penyampaian cenderamata kepada para peserta dan hakim-hakim musabaqah yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Pengumuman keputusan Musabaqah Peringkat Akhir akan dijadualkan berlangsung semasa Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara pada 27 Mac 2024 bersamaan dengan 17 Ramadan 1445 Hijrah (tertakluk kepada hasil penglihatan awal bulan Ramadan) bertempat di ICC.

Waktu operasi BDCB sepanjang Ramadan

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Mac. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan bahawa sempena menyambut kedatangan bulan Ramadan 1445 Hijrah, BDCB akan ditutup pada Isnin, 11 Mac atau Selasa, 12 Mac 2024 bersamaan dengan 1 Ramadan 1445 Hijrah dan akan beroperasi semula pada Selasa, 12 Mac 2024 atau Rabu, 13 Mac 2024.

Ini, termasuk Galeri Mata Wang dan Gift Shop BDCB; Mesin Deposit Syiling BDCB; Kaunter Perkhidmatan Pelanggan Biro Kredit; Isu Pengguna Kewangan, dan Baki Wang Yang Tidak Dituntut serta Sistem Pembayaran Real Time Gross Settlement (RTGS) dan Automated Clearing House (ACH).

Dalam Siaran Akhbarnya, BDCB juga ingin memaklumkan kepada orang ramai akan waktu operasi sepanjang bulan Ramadan 1445H. Waktu bekerja ialah pada Isnin hingga Khamis, bermula pukul 8.00 pagi hingga pukul 3.00 petang. Sementara pada Jumaat, bermula pukul 8.00 pagi hingga pukul 12.00 tengah hari.

Gift Shop BDCB, waktu operasi pada Isnin hingga Khamis, bermula pukul 8.30 pagi hingga pukul 12.00 tengah hari. Sementara pada Jumaat, ditutup. Sementara itu, Galeri Mata Wang BDCB, waktu operasi pada Isnin hingga Khamis, bermula pukul 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari. Sementara pada Jumaat, bermula pukul 8.30 pagi hingga 10.30 pagi.

Manakala Mesin Deposit Duit Syiling BDCB beroperasi pada Isnin hingga Khamis, bermula pukul 8.30 pagi hingga 2.00 petang. Sementara pada Jumaat, bermula pukul 8.30 pagi hingga 10.00 pagi.

Bagi Kaunter Perkhidmatan Pelanggan Biro Kredit (melalui perjanjian sahaja dengan membuat panggilan menerusi talian +673 2233369) waktu operasi pada Isnin hingga Khamis, bermula pukul 8.30 pagi hingga 2.00 petang. Sementara pada Jumaat, bermula pukul 8.30 pagi hingga 10.30 pagi.

Bagi Kaunter Perkhidmatan Aduan Pengguna Kewangan (melalui perjanjian sahaja dengan membuat panggilan menerusi talian +673 8380007), waktu operasi pada Isnin hingga Khamis, bermula

pukul 8.30 pagi hingga 2.00 petang. Sementara pada Jumaat, bermula pukul 8.30 pagi hingga 10.30 pagi.

Bagi Kaunter Perkhidmatan Baki Wang Yang Tidak Dituntut (melalui perjanjian sahaja dengan membuat panggilan ke Pengawalseliaan 1 menerusi talian +673 2380975), waktu operasi pada Isnin hingga Khamis, bermula pukul 8.30 pagi hingga 2.00 petang. Sementara pada Jumaat, bermula pukul 8.30 pagi hingga 10.30 pagi.

Waktu operasi bagi Sistem RTGS ialah pada Isnin hingga Khamis, bermula pukul 9.00 pagi hingga 2.00 petang. Sementara pada Jumaat, bermula pukul 9.00 pagi hingga 11.00 pagi. Manakala waktu operasi bagi Sistem ACH ialah pada Isnin hingga Khamis, bermula pukul 8.30 pagi hingga 1.40 petang. Sementara pada Jumaat, bermula pukul 8.25 pagi hingga 10.50 pagi.

Sehubungan itu, BDCB ingin memohon maaf atas sebarang kesulitan yang dialami dan ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa kepada semua Muslimin dan Muslimat di mana sahaja berada.

KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser no. 1 di kalangan lelaki dan no. 2 di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Lelaki Wanita

Kanser Kolorektal adalah penyebab bagi 22% kanser lelaki dan 12% kanser wanita

Faktor Risiko:

- ✗ Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita.
- ✗ Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal.
- ✗ Pernah menghidap kanser kolorektal.
- ✗ Berat badan yang berlebihan.
- ✗ Merokok.
- ✗ Tidak aktif.
- ✗ Diet yang rendah serat dan tinggi lemak.
- ✗ Meminum minuman keras yang berlebihan.

Langkah Pencegahan:

- Tidak merokok.
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran.
- Elakkan meminum minuman keras.
- Meningkatkan aktiviti fizikal.
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal.

Tanda-tanda kanser kolorektal:

- ✗ Perubahan dalam pergerakan usus.
- ✗ Darah dalam najis.
- ✗ Sakit perut yang berpanjangan.
- ✗ Kembang perut.
- ✗ Kurang selera makan.

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari www.ppkk.gov.bn

PROGRAM NEGARAKU KEBANGGAANKU TUTUP TIRAI

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 Mac. - Program Negaraku Kebanggaanku bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 berakhir dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah dan Cenderahati yang diadakan di Dewan Auditorium Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pengetua Pusat Sejarah Brunei (PSB), Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Pada majlis tersebut, Dr. Haji Muhammad Hadi menyampaikan hadiah dan cenderahati kepada para peserta program yang terdiri daripada pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi kerajaan dan swasta, pelajar IBTE, persatuan-

persatuan belia dan juga orang ramai.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh wakil Badan Pelajar Pengurusan Pembangunan Islam. Majlis juga diserikan dengan tayangan video kompilasi sepanjang dua hari Program Negaraku Kebanggaanku anjuran Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI), UNISSA dengan kerjasama PSB.

Turut hadir, Dekan FPPI, UNISSA, Profesor Madya Dr. Anis Malik Thoha; Pemangku Timbalan Pengetua I dan II, PSB, Awang Mohammad Faisal bin Haji Mat Salleh dan Awang Muhammad Syahmi bin Halimshah serta pegawai-pegawai kanan UNISSA dan PSB.

Program Negaraku



Kebanggaanku adalah program yang kali kedua diadakan di mana ia dijalankan selama dua hari dan dihasratkan untuk akan terus berjalan setiap tahun dalam memastikan belia-belia kita mempunyai sikap semangat kebangsaan dan juga sebagai wadah untuk menggalang solidaritas dan kerjasama dalam membangun masa depan yang lebih cerah bagi generasi mendatang.

PENGETUA Pusat Sejarah Brunei (PSB), Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah dan Cenderahati (atas). Manakala gambar kiri dan kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.



Platform dinamik bagi belia berkongsi pandangan, pengalaman

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin



SEKITAR Forum Bersama Belia yang diadakan di Auditorium UNISSA bersempena Program Negaraku Kebanggaanku (atas, kiri dan bawah kiri).

GADONG, Rabu, 6 Mac. - Bersempena Program Negaraku Kebanggaanku, Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bersama Pusat Sejarah Brunei (PSB) hari ini menganjurkan Forum Bersama Belia yang diadakan di Auditorium UNISSA.

Forum berkenaan bertujuan untuk memupuk semangat kesukarelawanan dalam kalangan belia, menjadi satu titik tumpuan utama dalam memperingati Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang Ke-40.

Dengan tema 'Memupuk Semangat Kesukarelawanan Dalam Kalangan Belia', forum berkenaan dijangka menjadi satu platform yang

dinamik bagi belia untuk berkongsi pandangan, pengalaman, dan idea dalam usaha menyumbang kepada pembangunan masyarakat serta negara.

Moderator bagi forum berkenaan ialah Awang Abdul Qayyum bin Haji Isa dengan ahli-ahli panel terdiri daripada para belia yang bergiat aktif dalam kerja kesukarelawanan, iaitu Awang Mohammad Ashmeer bin Imtiaz Ahmad; Awang Joshua Balyan; dan Dayang Nurhudiya Fakhriah binti Damit.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pengetua PSB, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Turut hadir, Dekan FPPI, Profesor Madya Dr. Anis Malik Thoha; Timbalan FPPI, Awang

Muhammed Sahrin bin Haji Masri; Pemangku Timbalan Pengetua I PSB, Mohammad Faisal bin Haji Mat Salleh; Pemangku Timbalan Pengetua II, PSB, Awang Muhammad Syahmi bin Halimshah, serta para pegawai utama UNISSA dan PSB.

Antara inti pati forum berkenaan ialah mengenai pengertian yang sebenar kesukarelawanan, pengalaman awal menceburi bidang kesukarelawanan dan juga strategi serta pendekatan yang efektif untuk menarik minat belia mengambil bahagian dalam kesukarelawanan.

Majlis diakhiri dengan penyampaian sijil dan cenderamata kepada ahli panel forum dan moderator yang disampaikan oleh Pengetua PSB.



MASJID PeKA TERIMA WAKAF VAN JENAZAH

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Ihsan Masjid Pehin Khatib Abdullah, Kampung Kulapis



PEMANGKU Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Asminan bin Awang Haji Chuchu semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyerahan Wakaf Van Jenazah di Masjid Pehin Khatib Abdullah (PeKA), Kampung Kulapis (atas, atas kiri dan kiri).

KULAPIS, Jumaat, 8 Mac. - Fardu kifayah adalah salah satu keutamaan dan menjadi salah satu perkhidmatan yang sangat berkepentingan di Masjid Pehin Khatib Abdullah (PeKA), Kampung Kulapis justeru usaha untuk mempertingkatkan khidmat dan kelangsungannya adalah perkara yang perlu dan dibuat secara

berterusan. Dengan adanya kemudahan pengangkutan jenazah yang serba baharu dan selesa akan melancarkan lagi keperluan dan kelancaran urusan fardu kifayah khususnya di Masjid PeKA, Kampung Kulapis untuk para penduduk kampung dan kampung berdekatan. Perkara itu antara yang ditegaskan oleh Ketua Imam Masjid PeKA, Abdul Najib Syazwan bin Shahrani ketika ditemui pada Majlis Penyerahan Wakaf Van Jenazah di masjid berkenaan, di sini. Hadir selaku tetamu kehormat

majlis dan seterusnya merasmikan van berkenaan, Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Asminan bin Awang Haji Chuchu. Terlebih dahulu, majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah diikuti dengan bacaan Surah Al-Kahfi beramai-ramai dipimpin oleh Penolong Ketua Imam, Masjid PeKA, Awang Haji Md. Burhanuddin bin Haji Damit. Sebelum laungan Selawat sebanyak tiga kali dan acara menabur bunga rampai, tetamu

kehormat majlis menerima kunci kenderaan daripada pewakaf yang terdiri daripada ahli keluarga masing-masing diwakili oleh keluarga pewakaf, Dayang Hajah Safiah binti Haji Mahmud mewakili keluarganya dan bagi pihak keluarga besar Allahyarham Haji Awang Mahmud bin Pehin Jawatan Dalam Awang Ismail. Tetamu kehormat juga turut berpeluang melihat dan meninjau dengan lebih dekat van jenazah yang bakal berkhidmat bagi jemaah Masjid PeKA serta penduduk kampung Kulapis dan kampung-kampung berdekatan.

Kongsi projek penyelidikan, pemuliharaan BRC



TUNGGU LINK, Rabu, 6 Mac. - Pusat Penyelidikan Botani Universiti Brunei Darussalam (UBD) meneruskan lagi aktiviti pada sebelah petang dengan mengadakan satu Siri Seminar IBER (Institut Penyelidikan Biodiversiti dan Alam Sekitar) Khas

bertempat di Bilik Senat, UBD. Seminar berkenaan dihadiri oleh para jemputan serta kakitangan dan mahasiswa serta mahasiswi UBD. Seminar disampaikan oleh Pegawai Perhutanan Kanan dan Ketua Pusat Heart of Borneo, Awang Zaeidi bin Haji Berudi, dari Jabatan Perhutanan, yang antara lain menekankan tentang nilai hutan Brunei daripada perspektif alam sekitar, sosial dan ekonomi. Dengan memberi tumpuan kepada Pusat Penyelidikan Botani (BRC) UBD, Profesor Madya Dr. Rahayu Sukri dari IBER UBD juga mengetengahkan koleksi hidup BRC UBD di samping, berkongsi pelbagai projek penyelidikan, program pendidikan dan inisiatif pemuliharaan pusat kepada para hadirin yang hadir. Acara berkenaan adalah

bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Ke-6 Pusat Penyelidikan Botani UBD. Dalam pada itu, Pusat Penyelidikan Botani UBD akan meneruskan lagi aktiviti penyelidikan botani di Negara Brunei Darussalam. Pusat berkenaan mewakili komitmen UBD yang tidak berbelah bahagi terhadap penyelidikan biodiversiti dan menjadi bukti perjalanan UBD ke arah kemampanan.

PEGAWAI Perhutanan Kanan dan Ketua Pusat Heart of Borneo, Awang Zaeidi bin Haji Berudi semasa menyampaikan seminar (atas kiri). Antara yang hadir pada seminar tersebut (kanan).

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PENTING SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU



IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- × Permohonan tidak akan diproses.
- × Maklumat yang dihidapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja



DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- × Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- × Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- × Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- × Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

- ⚠ Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapi permohonan bagi jawatan yang dipohon.
- ✓ Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapi permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.



PERKUKUH SEMANGAT PATRIOTIK, SOLIDARITI



JABATAN Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' bagi Sekolah Menengah Awang Semaun.

dengan tayangan klip video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara'.

Selain itu, para penuntut juga berpeluang menyertai kuiz kenegaraan dan menerima hadiah-hadiah sumbangan Jabatan Penerangan yang disampaikan oleh Pengetua Sekolah berkenaan.

Program sedemikian merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara, di samping itu ia juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Alishahrin Haji Mumin

LUMAPAS, Khamis, 7 Mac. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik pagi tadi mengadakan

Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' bagi Sekolah Menengah Awang Semaun.

Taklimat yang diadakan di Perpustakaan sekolah berkenaan dihadiri oleh seramai 94 penuntut

Tahun 7.

Turut hadir, Pengetua Sekolah, Awang Haji Mohd Fadhillah bin Haji Ismail, dan para tenaga pengajar sekolah tersebut.

Taklimat yang disampaikan oleh Ketua Seksyen Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan,

Dayang Mufidah binti Abdul Hakim antara lain mengongsikan mengenai raja, tatacara menaik kibarkan bendera negara dan sejarah lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'.

Atur cara juga turut diisikan



Kek Tapak Kuda mini jadi buruan ramai

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Ihsan Erra Zaferrah, @erracookies_bn



KEK Tapak Kuda mini mengisi ruangan trend kali ini. Bentuk dan saiznya yang kecil molek diubah suai dengan pelbagai perisa serta warna telah menjadi tarikan para penggemar kek. Sejak ia tular di media sosial, Kek Tapak Kuda yang dikatakan berasal dari Negara Brunei Darussalam (NBD) ini menjadi bualan dan rebutan bukan saja di NBD malah di negara jiran seperti Malaysia dan Indonesia. Kek Tapak Kuda antara kek yang popular dan menjadi hidangan pilihan orang-orang NBD semasa menyambut Hari Raya Aidilfitri. Kini, Kek Tapak Kuda bukan hanya dihidangkan semasa hari raya sahaja tetapi juga untuk kudapan minum petang pada hari-hari biasa.

Kek Tapak Kuda berbentuk bulat dan panjang menyerupai Kek Baulu Gulung. Ia mempunyai tekstur yang lembut di bahagian luarnya, manakala di dalamnya mengandungi inti pelbagai jenis seperti krim berperisa *nutella crunchy*, *pistachio*, *biscoff*, strawberi dan yang sedang tular pada masa ini adalah perisa *matcha crunchy*. Apabila kek ini dipotong, coraknya kelihatan seperti tapak kuda dan mungkin sebab ini jugalah

ianya diberi nama Kek Tapak Kuda. Bahan-bahan untuk membuat Kek Tapak Kuda juga sangat mudah. Hanya memerlukan telur, gula, tepung, *baking powder*, mentega, *essence vanilla* dan ovalet. Buka sahaja laman sosial, pasti ramai yang berkongsi resepi tentang Kek Tapak Kuda. Jadi, mudah bagi orang ramai untuk mencuba membuatnya sendiri.

Kek Tapak Kuda ini sebenarnya sudah lama wujud cuma sebelumnya ia hanya dibuat dengan perisa *nutella* atau coklat sahaja. Sejak ia tular dan mendapat permintaan tinggi dari pelanggan, terdapat inovasi telah dibuat pada perisa dan bentuk. Perisa dipelbagaikan dan saiz juga dibuat menjadi kecil, sederhana dan besar. Kini, sedang tular di media sosial adalah Kek Tapak Kuda bersaiz mini.

Menemui seorang pengusaha tapak kuda mini, Dayang Erra Zaferrah berkata

terhasilnya ilham menjual Kek Tapak Kuda ini terinspirasi dari melihat media sosial yang banyak menjual Kek Tapak Kuda bersaiz kecil dengan pelbagai perisa.

"Bentuknya yang comel ini berukuran kira-kira empat inci boleh dijadikan buah tangan seperti majlis pertunangan, atau *doorgift* untuk majlis keramaian hari jadi, doa selamat dan sebagainya. Alhamdulillah, Kek Tapak Kuda mini ini mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang ramai. Harganya yang mampu milik dan saiznya yang kecil menarik orang ramai untuk membelinya," ujar Dayang Erra Zaferrah.

Bagi setiap satu *roll* Kek Tapak Kuda mini dijual dengan kadar harga BND2 hingga BND4. Dayang Erra Zaferrah juga menawarkan Kek Tapak Kuda mini dalam bentuk pek. Satu pek mempunyai tiga biji *roll* tergantung kepada permintaan dari pelanggan. Kek Tapak Kuda mini ini juga sesuai untuk mereka yang ingin memakan

kek dalam porsi sedikit. Ini sekali gus dapat mengelakkan dari pembaziran dengan membeli Kek Tapak Kuda yang bersaiz besar tetapi tidak habis dimakan.

Menurut Dayang Erra Zaferrah *tips* pembuatan Kek Tapak Kuda mini adalah dengan mengikut sukatan adunan yang betul dan tidak mengubah bahan-bahan dalam adunan untuk mengekalkan rasa Kek Tapak Kuda tersebut. Setiap orang mempunyai cara pembuatan berbeza-beza dan resepi juga berlainan. Sekarang, kebanyakan penjual mengolah rasa Kek Tapak Kuda ini dengan pelbagai perisa yang baharu.

Lazimnya, Kek Tapak Kuda ini dijual dengan ukuran lapan inci. Seiring berjalannya waktu, idea membuat kek dengan ukuran empat inci telah pun dijual di pasaran. Ia lebih mudah untuk dimakan dengan tidak perlu memotongnya lagi. Menjelang bulan Ramadan dan Syawal ini, penjual tapak kuda sudah mula menyibukkan diri untuk membuat tempahan dari pelanggan dan Kek Tapak Kuda mini juga salah satu kek yang akan menjadi hidangan yang dinantikan.

MANFAAT TIDUR YANG MENCUKUPI :

MENINGKATKAN SISTEM IMUNITI TUBUH

MEMPERBAIKI KESIHATAN MENTAL

MENJAGA KESIHATAN JANTUNG

MENINGKATKAN DAYA INGATAN

Kepentingan tidur mencukupi untuk kesihatan

Oleh : Norliah Md. Zain

Infografik : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita

TIDUR merupakan rutin harian yang perlu dijaga oleh setiap individu. Walaupun ia lumrah dilakukan sehari-hari, namun tidak semua orang dapat memahami manfaat tidur yang mencukupi untuk kesihatan fizikal dan mental.

Tidur merupakan aktiviti yang mampu memberikan pengaruh terhadap kesihatan fizikal dan mental seseorang secara menyeluruh. Ini kerana aktiviti ini boleh mempengaruhi produktiviti, kreativiti, kestabilan emosi, berat badan, fungsi kekebalan tubuh (imun), hingga kesihatan organ dalaman seperti jantung dan otak.

Tempoh tidur yang mencukupi adalah berbeza dan secara amnya orang dewasa memerlukan tidur sekitar lapan jam, manakala anak damit pula sekitar 14 jam sehari.

Terdapat berbagai manfaat yang boleh diperoleh jika kita mempunyai waktu tidur yang mencukupi. Antaranya ialah :

1. Meningkatkan sistem imuniti tubuh.

Sistem imun penting untuk melawan infeksi dan penyakit. Jika kurang tidur, kita mungkin tidak memiliki sitokin (sejenis protein yang dikeluarkan saat tidur) yang cukup untuk melindungi tubuh dari penyakit.

2. Menjaga kesihatan jantung.

Tidur yang mencukupi memberi manfaat menurunkan berbagai risiko penyakit kardiovaskular, termasuk tekanan darah tinggi (hipertensi) dan serangan jantung.

3. Memperbaiki kesihatan mental dan hati.

Salah satu fungsi tidur ialah menjaga kesihatan mental kerana rehat yang cukup boleh memperbaiki hati malah membuat kita lebih segar dan bahagia.

Waktu tidur yang cukup juga meningkatkan tenaga di mana kita lebih bersemangat untuk kembali melakukan aktiviti ketika bangun

pada keesokan paginya.

4. Meningkatkan daya ingatan.

Dikatakan juga waktu tidur yang mencukupi boleh menguatkan daya ingatan. Tidur setelah belajar dapat membantu meningkatkan memori atau ingatan terhadap informasi baharu. Sebaliknya, kita akan lebih mudah lupa terhadap hal-hal yang pernah dipelajari jika waktu tidur tidak mencukupi.

Atasi masalah tidur

Ada orang mengeluh kerana sukar mendapatkan waktu rehat yang cukup. Antaranya disebabkan sibuk bekerja, bermain gajet, merasa gelisah, atau bahkan stres.

Ada beberapa cara yang boleh dilakukan sebagai usaha untuk mendapatkan tidur yang optimum :

- Biasakan tidur dan bangun pada waktu yang ditetapkan setiap hari.
- Hindari perkara-perkara yang boleh mengganggu tidur seperti elakkan minum minuman kafein beberapa jam sebelum tidur.
- Elakkan tidur berpanjangan pada waktu siang.
- Memastikan suasana tidur yang nyaman, misalnya dengan menyesuaikan suhu pendingin hawa dan mematikan lampu.
- Lakukan senaman ringan secara teratur, minima 30 minit setiap hari.
- Urus stres dengan cara yang sihat.

Insomnia

Insomnia adalah kesukaran untuk tidur atau tiada berkeupayaan untuk mendapat tidur yang lena dan mencukupi. Sekiranya ia berlaku secara berpanjangan, ianya boleh menjejaskan keadaan mental dan fizikal

kitani.

Antara punca insomnia yang dikenal pasti ialah :

- Tekanan dalam hidup.
- Masalah emosi seperti kemurungan, uri, gelisah dan tekanan stres.
- Kesan dari pengambilan ubat-ubatan yang boleh mengganggu tidur.
- Pertukaran dan perbezaan waktu ketika berada di luar negara.
- Masalah kesihatan seperti menghidap penyakit.
- Merasa sakit atau ketidakselesaan di waktu malam.
- Gaya hidup yang tidak sihat.

Sekiranya *biskita* menghidap insomnia atau gangguan tidur, hendaklah segera berjumpa dengan doktor untuk konsultasi. Ini penting untuk menjaga kesihatan tubuh.

Sementara itu, disebabkan tuntutan pekerjaan, ada sesetengah individu yang dituntut untuk melaksanakan tugas pada waktu malam. Seseorang yang terlibat kerja pada syif malam mudah menghidap gangguan tidur. Oleh itu adalah perlu bagi mereka beradaptasi agar mereka juga mendapat tidur yang baik.

Apa yang dikhuatiri ialah mengalami insomnia dan mengantuk ketika waktu mereka bekerja. Ini setentunya memberi kesan kepada pola aktiviti, malah gangguan tidur juga meningkatkan risiko kemalangan di tempat kerja, gangguan emosi, sukar fokus, serta peningkatan tekanan darah dan obesiti.

Bagi mereka yang bekerja pada waktu malam, mereka adalah disaran untuk memperbaiki jam tidur setelah selesai bekerja. Kurangkan cahaya ketika berehat kerana ia merupakan persiapan penting ketika *biskita* memulakan waktu rehat. Jumlah cahaya yang minima akan membantu otak dan tubuh untuk terlelap. Pasanglah langsir yang tebal dan berwarna gelap agar cahaya matahari tidak tembus masuk ke bilik tidur pada siang hari. Cipta suasana bilik yang

nyaman dan suhu bilik yang bersesuaian.

Jangan bermain telefon bimbit, komputer riba, atau menonton televisyen sebelum tidur. Kesan daripada *blue light* dari skrin gajet ini boleh membuat *biskita* tidak dapat tidur.

Microsleep

Rasa mengantuk disebabkan kurang tidur boleh mengakibatkan *microsleep*. *Microsleep* ialah tertidur untuk beberapa saat yang tidak kita sedari. Ia boleh terjadi pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Walaupun ia berlaku sekejap sahaja, namun keadaan ini berbahaya jika terjadi semasa memandu atau mengendalikan mesin yang perlu kepada konsentrasi.

Kesimpulan

Tidur nyenyak merupakan keinginan semua orang. Selain makanan yang sihat dan bersenam, keperluan tidur yang mencukupi juga mempunyai manfaat yang sangat penting bagi tubuh badan dan kesihatan. Namun sesetengah orang suka mengabaikan waktu tidur demi melakukan aktiviti lain.

Waktu tidur yang mencukupi amat diperlukan agar kita dapat manfaatnya secara maksima. Tidur yang kurang atau berlebihan dapat memberikan kesan yang negatif.

Saat tidur, otak akan mempersiapkan tubuh untuk hari esok. Kurangnya waktu rehat akan membuat *biskita* sukar bekerja, belajar, dan berkomunikasi dengan orang lain.

Dengan pelbagai masalah yang diakibatkan oleh kurang tidur, otak juga keletihan dan sukar menghalau stres, merasa cemas bahkan boleh meningkatkan risiko masalah kesihatan seperti kenaikan berat badan, diabetes hingga penyakit jantung.

Oleh itu, manfaatkanlah waktu rehat *biskita* secara maksima. Dengan cara itu barulah *biskita* merasa produktif melakukan aktiviti sehari-hari.

ANTARA CARA MENDAPATKAN TIDUR YANG OPTIMUM :

•BIASAKAN TIDUR DAN BANGUN PADA WAKTU YANG DITETAPKAN SETIAP HARI

•HINDARI PERKARA-PERKARA YANG BOLEH MENGGANGGU TIDUR SEPERTI ELAKKAN MINUM MINUMAN KAFEIN BEBERAPA JAM SEBELUM TIDUR

•ELAKKAN TIDUR BERPANJANGAN PADA WAKTU SIANG

•MEMASTIKAN SUASANA TIDUR YANG NYAMAN, MISALNYA DENGAN MENYESUAIKAN SUHU PENDINGIN HAWA DAN MEMATIKAN LAMPU

•LAKUKAN SENAMAN RINGAN SECARA TERATUR, MINIMA 30 MINIT SETIAP HARI

•URUS STRES DENGAN CARA YANG SIHAT

SEGERA BERJUMPA DENGAN DOKTOR UNTUK KONSULTASI JIKA MENGALAMI MASALAH INSOMNIA

KURANG TIDUR BOLEH MENGAKIBATKAN MICROSLEEP



NEW YORK, 8 Mac. - Setiausaha Agung PBB Antonio Guterres pada Khamis menyeru untuk gencatan

KETUA PBB GESA GENCATAN SENJATA SEBELUM RAMADAN DI SUDAN

senjata dalam konflik antara tentera dan kumpulan separa tentera di Sudan menjelang bulan suci Ramadan.

"Pemberhentian permusuhan

ini sepatutnya membawa kepada penamat sepenuhnya dalam pertempuran di seluruh negara dan membuka jalan yang jelas menuju kepada keamanan yang berterusan

bagi rakyat Sudan.

"Nilai-nilai murni Ramadan mesti diutamakan," kata Guterres kepada Majlis Keselamatan PBB, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Badan PBB itu dijangka mengundi mengenai draf resolusi pada Jumaat selain menyeru untuk gencatan senjata. - ©BERNAMA

"10 tahun berlalu, orang ramai masih salahkan saya kehilangan MH370," kata Azharuddin

KUALA LUMPUR, 7 Mac. - "Sepuluh tahun berlalu, orang ramai masih mempersoalkan dan menyalahkan saya berhubung kehilangan MH370," kata bekas Pengerusi Lembaga Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) Datuk Seri Azharuddin Abdul Rahman.

Membincangkan kehilangan pesawat Malaysia Airlines penerbangan MH370 itu yang terus membingungkan dunia, beliau menjawab tuduhan menyembunyikan maklumat mengenai kehilangan pesawat tersebut.

Pesawat itu hilang tanpa jejak sebaik berlepas pada awal pagi, 8 Mac 2014, menuju Beijing, mencetuskan misteri global yang masih belum dapat dijawab hingga ke hari ini.

Walaupun terdapat pelbagai andaian dan teori oleh pakar penerbangan, sehingga kini persoalan mengenai mengapa pesawat itu berpatah balik ke Semenanjung Malaysia, masih belum terjawab.

Beliau menyifatkan kehilangan 239 penumpang dan anak kapal dalam tragedi MH370, sebagai kes paling mencabar yang pernah dikendalikannya dan misteri penerbangan terbesar setakat ini.

Bagi keluarga yang kehilangan insan tersayang, kes itu yang masih belum ada penyelesaian sukar untuk difahami, menimbulkan beban bagi keluarga mangsa dan Azharuddin.

Beliau menyifatkan memori duka itu tetap membelenggunya selaku individu penting yang mengetahui dan menguruskan pencarian

pesawat dalam tempoh yang sangat sukar.

CAAM sebelum ini, dikenali sebagai Jabatan Penerbangan Awam (DCA), menyelia operasi Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur dan Azharuddin mengetuai DCA ketika insiden tragis itu berlaku.

Azharuddin berkata masyarakat masih ingin tahu dan sering bertanya kepadanya mengenai misi pencarian yang dijalankan.

Bagaimanapun, sesetengah keluarga masih tidak percaya kepada (CAAM) selepas sedekad, katanya dalam nada sedih.

"Setiap kali saya menghadiri majlis perkahwinan atau aktiviti surau, orang ramai akan bertanya kepada saya apa yang sebenarnya berlaku," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Orang ramai masih mempersoalkan, tiada kepastian

"Berdasarkan cara pesawat itu berpatah balik, terbang ke Pulau Pinang, Langkawi dan Sumatera, kemudian kembali semula, ia sudah pasti dikendalikan oleh juruterbang yang tahu apa yang dilakukannya dan individu yang pernah menerbangkan pesawat Boeing 777 kerana juruterbang mengikut jejak atau laluan penerbangan syarikat penerbangan komersial.

"Tetapi siapakah juruterbang itu, tiada siapa tahu. Adakah beliau Kapten Zaharie Ahmad Shah? Atau adakah individu lain? Sekiranya Zaharie, di manakah pembantu juruterbang?," jelasnya.

Beliau juga berkata pesawat MH370 tidak mempunyai perlindungan seperti peralatan yang menghalang individu

yang tidak berkenaan daripada mengawal pesawat itu.

Pesawat Malaysia Airlines yang membawa 239 penumpang dan kru meninggalkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 12.41 pagi dan sepatutnya mendarat di Beijing pada hari yang sama, hilang dari skrin radar kira-kira dua jam selepas berlepas.

Dokumentari Netflix berdasarkan andaian

Berikutan itu, Netflix telah menyiarkan siri tiga episod bertajuk, MH370: The Plane that Disappeared yang ditayangkan pada Mac tahun lepas, menampilkan tiga teori termasuk konspirasi sensasi.

Menurut Azharuddin teori yang dibentangkan berdasarkan andaian dan tidak boleh diterima.

"Saya sangat tidak berpuas hati dengan hasil siri itu sehingga saya menulis surat kepada mereka (penerbit) berhubung ketidakpuasan saya.

"Pada mulanya mereka memaklumkan penekanan siri itu adalah berhubung tema kesedihan dan mengadakan temu bual selama lapan jam dengan saya," katanya.

Dokumentari British itu meneroka tiga teori konspirasi yang cuba membongkar misteri menyelubungi kehilangan pesawat malang itu.

Adakah kita dapat menemukan MH370?

Susulan kehilangannya, operasi pencarian besar-besaran melibatkan beberapa negara telah dijalankan di selatan Lautan Hindi namun pesawat mahupun serpihannya tidak ditemukan.

Malaysia dan sebahagian syarikat

antarabangsa telah menjalankan operasi pencarian yang meluas membabitkan 120,000 meter persegi lokasi pencarian melalui udara, permukaan laut dan dasar laut dalam usaha mengesan pesawat yang hilang itu.

Pada 4 Mac 2024, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menyatakan kesediaan Malaysia untuk membuka semula siasatan kehilangan pesawat MH370 sekiranya terdapat bukti baharu dan kukuh.

Sementara itu Menteri Pengangkutan Anthony Loke memberi jaminan bahawa kementerianya komited untuk mendapatkan kelulusan Kabinet bagi memeterai kontrak baharu dengan Ocean Infinity untuk

meneruskan pencarian pesawat Malaysia Airlines penerbangan MH370 itu.

Beliau berkata sebaik selesai cadangan Ocean Infinity, Malaysia akan menghubungi kerajaan Australia untuk mendapatkan kerjasama negara itu, memudahkan untuk memulakan pencarian segera.

Ahli keluarga kepada mangsa MH370 masih berharap untuk penyelesaian dan walaupun ketidakpastian masih menyelubungi, mari kita terus optimis bahawa percubaan baharu ini akhirnya akan memberikan keadilan dan jawapan bagi 239 nyawa yang terkorban dan waris mereka yang masih bersedih. - ©BERNAMA

Pilihan raya awal Presiden Senegal pada 24 Mac

DAKAR, 7 Mac. - Presiden Senegal Macky Sall menetapkan 24 Mac sebagai tarikh baharu pusingan pertama pilihan raya presiden, menurut kenyataan akhbar Majlis Menteri-menteri pada petang Rabu, lapor Xinhua.

Pengumuman itu dibuat selepas Majlis Perlembagaan memutuskan bahawa sebarang tarikh selepas 2 April bertentangan dengan Perlembagaan kerana penggal presiden semasa tidak boleh melebihi tarikh itu.

Pada mesyuarat Majlis Menteri itu juga Sall mengumumkan pembubaran kerajaan dan melantik Sidiki Kaba sebagai perdana menteri baharu, menggantikan Amadou Ba. - ©BERNAMA

Moscow, Beijing rancang bangun loji tenaga nuklear di bulan

ISTANBUL, 6 Mac. - Ketua perbadanan angkasa lepas Rusia, Roscosmos, pada Selasa berkata Rusia dan China merancang membangunkan loji kuasa nuklear di bulan antara 2033 dan 2035.

"Kami serius mempertimbangkan projek itu antara tahun 2033 dan 2035 untuk menghantar dan memasang loji janakuasa di permukaan bulan bersama-sama rakan kami di China," lapor Agensi Anadolu (AA) memetik Yury Borisov sebagai berkata pada Festival Belia Sedunia di Sirius.

Borisov berkata misi itu perlu dijalankan secara automatik menggunakan kaedah robotik, dengan penyelesaian teknologi yang diperlukan untuk tujuan itu kini hampir siap.

Roscosmos dan Pentadbiran Angkasa China telah menandatangani Memorandum Persefahaman dan Kerjasama pada Mac 2021 untuk mewujudkan Stesen Lunar Saintifik Antarabangsa. - ©BERNAMA

Facebook, Instagram, Threads alami masalah teknikal

SAN FRANCISCO, 6 Mac. - Platform media sosial milik Meta iaitu Facebook, Instagram dan Threads mengalami gangguan pada pagi Selasa, lapor Xinhua.

Menerusi hantaran di X, Pengarah komunikasi Meta Andy Stone mengesahkan gangguan kira-kira 10 pagi waktu tempatan itu. "Kami sedar orang ramai menghadapi kesukaran untuk mengakses perkhidmatan kami. Kami sedang menangani isu ini sekarang," katanya.

Tidak lama selepas 12 tengah hari waktu tempatan, kesemua aplikasi itu berfungsi semula. Meta berkata gangguan itu bersifat "teknikal". - ©BERNAMA

Presiden Xi mahu usaha bangunkan kuasa produktif kualiti baharu

BEIJING, 6 Mac. - Presiden China Xi Jinping mahu usaha untuk mengembangkan kuasa produktif kualiti baharu berdasarkan keadaan setempat diperkasakan. Beliau menekankan perkara itu ketika menyertai sesi perbincangan delegasi provinsi Jiangsu sempena sidang kedua Kongres Rakyat Kebangsaan (NPC) ke-14, pada petang Selasa.

Beliau berkata pihak yang berkaitan perlu mengutamakan pembangunan berkualiti tinggi di samping membangunkan kuasa produktif kualiti baharu. "Dalam menghadapi revolusi sains dan teknologi serta pembaharuan perindustrian pusingan baharu, kita mesti mengambil peluang

dan mempergiat inovasi, membangunkan perindustrian baharu. Pada masa sama, kita perlu merancang industri berorientasikan masa depan, menambah baik sistem perindustrian moden," kata Xi.

Beliau menegaskan bahawa mengembangkan kuasa produktif kualiti baharu bukanlah bermakna mengabaikan atau membuang industri tradisional. Xi berkata provinsi Jiangsu mempunyai syarat baik dan keupayaan untuk mengembangkan kuasa produktif kualiti baharu.

Beliau mengingatkan kerajaan tempatan agar menumpukan kepada pembinaan sistem perindustrian moden dengan sektor pembuatan maju sebagai

tulang belakang, mempergiat inovasi sains dan teknologi, menyelaraskan penaiktarafan perindustrian tradisional dan mengembangkan industri baharu. Di samping itu, Xi juga mahu provinsi Jiangsu meningkatkan integrasi antara inovasi sains dan teknologi dengan inovasi perindustrian dan mengukuhkan industri tradisional.

Beliau juga mahu usaha mempercepat pembinaan kluster perindustrian strategik baharu yang mempunyai daya saing di peringkat global dilaksanakan bagi membolehkan Jiangsu muncul sebagai kawasan penting pembangunan kuasa produktif kualiti baharu. - ©BERNAMA

Pickleball sukan baharu yang menyeronokkan

SUKAN Pickleball merupakan sukan yang kurang dikenali di negara ini namun ia semakin popular sejak beberapa tahun kebelakangan.

Sukan yang boleh dianggap mudah ini diharap akan dapat meluaskan lagi jangkauannya menerusi lebih banyak sokongan dan pengiktirafan dari berbagai pihak.

Pickleball adalah sukan yang menggabungkan unsur badminton, tenis dan pingpong dan menjadi satu permainan mesra keluarga. Ia satu permainan atau sukan yang senang dipelajari.

PENGENALAN

Sukan ini mula diperkenalkan di negara ini oleh Dayang Layla Abdullah pada 22 Mei 2023 dengan mengajak sepupunya bermain di LLRC (Liang Lumut Recreation Club) Lumut.

Permainan Pickleball ini boleh dipelajari dalam masa yang singkat jika seseorang itu seorang pemain tenis, badminton atau pingpong.

Sejak saat itu Dayang Layla Abdullah mula menganjurkan dua acara Demonstrasi dan Percubaan Pickleball untuk orang awam secara percuma di LLRC Lumut pada 3 Jun 2023 dan di Kompleks Sukan UBD pada 11 Jun 2023.

CARA BERMAIN

Pickleball secara umumnya boleh dimainkan di dalam atau di luar bangunan dan ia boleh dimainkan oleh sesiapa sahaja tanpa mengira umur, jantina termasuk kanak-kanak sama ada secara perseorangan (*singles*) atau beregu (*doubles*).

Begitu juga warga emas digalakkan bermain Pickleball ini kerana ia sebuah permainan atau sukan yang bukan agresif.

DI MANA PUSAT SUKAN INI

Masa ini belum lagi ada gelanggang khusus untuk Pickleball. Tetapi mereka (pemain) boleh menggunakan gelanggang badminton dengan menurunkan jaring setinggi jaring tenis iaitu 3 kaki dari lantai.

Dalam hubungan ini Dayang Layla Abdullah berharap untuk mendapatkan penaja untuk tampil membantu Pickleball Brunei untuk mempunyai gelanggang khusus.

PERALATAN SUKAN

Peralatan yang diperlukan untuk bermain Pickleball terdiri dari *paddle* (dayung), bola Pickleball dan jaring Pickleball. Pakaian yang disyorkan untuk dipakai adalah pakaian sukan dan kasut gelanggang yang bersesuaian.

Sementara Ukuran gelanggang Pickleball ialah 44 kaki x 20 kaki, sama ukuran dengan



Oleh : Abu Bakar Haji Abd Rahman
Foto : Ihsan Pickleball Brunei

gelanggang badminton.

TEMPOH MASA / PERATURAN

Satu perlawanan Pickleball boleh dimainkan dua daripada tiga perlawanan terbaik dan setiap perlawanan boleh mengambil masa 15 hingga 25 minit dengan mata kiraan sehingga 11,15 atau 21, sementara pemain akan menjadi pemenang dengan kelebihan dua mata iaitu 'Win by 2 points'. Kiraan mata hanya di diperoleh pasukan yang membuat servis dan kesalahan oleh pasukan penerima akan mengakibatkan satu mata untuk pasukan yang membuat servis.

Untuk memutuskan pasukan mana yang servis dulu boleh dibuat dengan kaedah membalikkan muka duit syiling atau kaedah kertas, batu dan gunting.

Untuk memulakan permainan pickleball ini satu pasukan akan melakukan servis. Servis perlu dibuat secara menyerong merentasi gelanggang dan mesti mendarat di dalam kawasan gelanggang servis pasukan penerima. Servis dalam pickleball mesti dilakukan di bawah tangan.

Kedua-dua servis dan pulangan servis mesti melantun. Ini dipanggil peraturan dua lantunan

(*two-bounce rule*). Selepas bola melantun sekali di gelanggang setiap pasukan, kedua-dua pasukan boleh menggunakan volley iaitu memukul bola sebelum ia melantun atau bermain dengan lantunan iaitu *ground stroke*.

Non-Volley Zone yang juga dikenali sebagai *kitchen* ialah kawasan gelanggang dalam jarak 7 kaki di kedua-dua belah jaring. Volley tidak dibenarkan di dalam kawasan Non-Volley Zone.

SAMBUTAN ORANG RAMAI

Sehingga kini sambutan orang ramai sangat memuakan sehingga setakat ini Dayang Layla Abdullah telah melatih lebih kurang 12 kumpulan pemain di pelbagai *venue* di Daerah Brunei dan Muara, Belait selain melatih secara individu.

Makluman Sukan ini juga pernah mendapat liputan dari beberapa pihak seperti Radio Televisyen Brunei dan media cetak tempatan yang secara langsung membantu menjangkau lebih ramai masyarakat Brunei untuk minat bermain.

SIAPA DIHUBUNGI

Bagi mereka atau siapa yang berminat untuk mencuba atau bergiat dalam sukan Pickleball, sila hubungi Dayang Layla Abdullah melalui WhatsApp di talian +673 7296094 / +673 7217318 atau dengan mengikuti Pickleball Brunei Facebook, Instagram, TikTok dan Twitter.

USAHA MENGEMBANGKAN

Dayang Layla Abdullah berharap orang ramai akan menyertai sukan Pickleball ini kerana ia sangat senang dimainkan, santai dan mudah.

Untuk mengenalkan dan mengembangkan sukan ini Dayang Layla Abdullah telah mula bergerak ke sekolah-sekolah di negara ini untuk menemui para pelajar dan akan meneruskan penganjuran acara Pickleball awam untuk memperkenalkan permainan tersebut ke masyarakat Brunei Darussalam di ke empat daerah.

"Matlamat saya adalah untuk menjana sebanyak mungkin kesedaran dan minat untuk menjadikan Pickleball popular di Brunei. Semoga suatu hari nanti Brunei akan mempunyai pasukan untuk dihantar bertanding di



kejohanan serantau mahupun di kejohanan antara bangsa," ungkap beliau.

KEJOHANAN

Menceritakan penglibatannya dalam sukan ini Dayang Layla Abdullah pernah jemput oleh Pickleball Scotland Association untuk menyertai kejohanan di Glasgow Scotland United Kingdom pada 23 Mac 2024 selain Pickleball Brunei juga telah dijemput untuk menyertai Sarawak Invitational Inter-Team Pickleball Challenge 2024 pada 3 hingga 5 Mei 2024 selain beberapa jemputan yang akan datang.

Untuk rancangan ke hadapan beliau juga telah merancang untuk mengadakan beberapa kejohanan termasuk kejohanan peringkat umur (*junior*) remaja dan warga emas selain perlawanan antara daerah dan rentas sempadan.


Dalam pada itu beliau juga berhasrat untuk mendapatkan sijil jurulatih Pickleball yang bertauliah di mana pada masa ini beliau adalah jurulatih IPTPA Level 1. Pada masa yang sama beliau juga

telah dijemput untuk menduduki IPTPA (International Pickleball Teaching Professional Association) Level 2 yang akan beliau duduki dalam masa terdekat

PENAJA

"Pada masa ini saya *self-funding* (membiayai sendiri) dalam usaha untuk memperkenalkan dan mempromosikan Pickleball sebagai sukan baharu di Brunei Darussalam. *Self-funding* meliputi pembiayaan kursus-kursus yang saya ikuti, sewa tempat untuk acara awam yang saya anjurkan untuk memperkenalkan permainan Pickleball ini ke masyarakat Brunei Darussalam, belian alat-alat perkakas Pickleball yang saya pinjamkan untuk kegunaan secara percuma di acara atau sesi sukan Pickleball serta sesi *coaching* secara percuma," ujar beliau.

Saya juga telah menyumbangkan lapan buah *paddle* dan bola kepada sebuah sekolah rendah di Lumut dalam usaha saya memperkenalkan Pickleball sebagai salah satu kurikulum Pendidikan Jasmani mereka.





ePaper Pelita Brunei



EKSPEDISI KAYAK BELIA : PELUANG PAMER SEMANGAT PATRIOTIK

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ak. Mohd Aminol Adi Azraie
Pg.Haji Nikman

PENGARAH Pembangunan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Zainab binti Haji Morshidi hadir melepaskan para pekayuh Ekspedisi Kayak Belia HK#40 berkenaan.

TUTONG, Jumaat, 8 Mac. - Dalam sama-sama meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024, Pusat Pembangunan Belia (PPB), Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD), Jabatan Belia dan Sukan; dan Persatuan CARE menganjurkan Ekspedisi Kayak Belia HK#40 selama tiga hari merangkumi enam perhentian dan dua perhentian bermalam.

Ekspedisi yang disertai lebih kurang 80 peserta berkenaan berkayuh sejauh kira-kira 90 kilometer yang bermula dari Pantai Sungai Liang, Pantai Seri Kenangan, Pantai Penanjong, Pantai Jerudong, Pantai Berakas, Pantai Meragang dan berakhir di Pantai Tanjung Batu, Muara.

Hadir melepaskan para pekayuh Ekspedisi Kayak Belia HK#40 berkenaan, Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Zainab binti Haji Morshidi.

Majlis ketibaan pasukan ekspedisi berkenaan akan disambut oleh Setiausaha Tetap (Kebeliaan) KKBS, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin pada 10 Mac 2024 nanti.

Di samping itu, ekspedisi berkenaan dilaksanakan adalah untuk memberi peluang kepada para belia di negara untuk mempamerkan semangat patriotik dan kecintaan kepada negara melalui penglibatan dalam aktiviti-aktiviti positif, meningkatkan semangat setia kawan; serta boleh meningkatkan tahap kecerdasan dan kesihatan bagi para belia yang terlibat.

Ekspedisi berkenaan dibukakan kepada golongan belia dari PPB, institusi-institusi pengajian tinggi, persatuan-persatuan sukan dan orang ramai yang berminat dalam sukan kayak.

Ekspedisi menjelajahi pesisir pantai dari Daerah Belait hingga ke Pantai Tanjung Batu Muara berkenaan adalah kali pertama dilaksanakan dan diharap dengan adanya aktiviti sebegini ia dapat mengukuhkan lagi semangat cinta kepada negara yang sudah 40 tahun mencapai kemerdekaan.



Atlet para negara ambil bahagian dalam Kejohanan Menembak Paralimpik Dunia di India

NEW DELHI, 8 Mac. - Atlet menembak para negara Muhammad Khaidir Kassim mengambil bahagian dalam Kejohanan Menembak Paralimpik Dunia di sini, acara penting untuk melayakkan diri ke Sukan Paralimpik Paris 2024.

Atlet berusia 30 tahun itu akan mengambil bahagian dalam kategori R3 dan R6.

Pencapaian peribadi terbaiknya ialah semasa Pertandingan Menembak Antarabangsa Hannover (ISCH) pada tahun 2018 apabila meraih gangsa dalam kategori R3 individu dan pingat emas dalam acara berpasukan R3.

"Pertandingan di India ini juga berperanan sebagai pra-kelayakan untuk Paralimpik Paris pada Ogos. Ia merupakan peluang terakhir untuk mendapatkan MQS (skor kelayakan minimum) yang diperlukan untuk layak," kata Bendahari Persatuan Menembak Para Malaysia, Ilias Yaakop kepada Bernama.

Kejohanan Menembak Paralimpik Dunia selama 10 hari itu berakhir pada 15 Mac. - ©BERNAMA

Qabil Irfan berlumba di ESBK Kategori Moto4 musim 2024

KUALA LUMPUR, 8 Mac. - Pelumba cilik negara, Qabil Irfan Azlan bakal berlumba dalam Kejuaraan Spanish Superbike (ESBK) bagi Kategori Moto4 bersama pasukan Sepanyol, VHC Frando Racing untuk musim penuh 2024.

Menurut kenyataan dikeluarkan ZK Racing, Juara Siri Dunia MiniGP 2023 itu akan berlepas ke Sepanyol Ahad ini untuk mengikuti ujian pramusim pada 16 dan 17 Mac ini di Litar Jerez dan akan kekal di sana bagi mengharungi perlumbaan pembukaan musim pada 6 dan 7 April ini.

"Kejuaraan ESBK akan diadakan sepanjang 7 pusingan. Kategori Moto4 ini merangkumi pelumba berusia 12 hingga 14 tahun dan akan bersaing di litar-litar di

Sepanyol dan Portugal," menurut ZK Racing hari ini.

Selepas perlumbaan di Litar Jerez, Qabil dijadual meneruskan tunggangannya di Litar Valencia, Sepanyol (1 dan 2 Jun); Litar Estoril, Portugal (6 dan 7 Julai); Litar Catalunya, Sepanyol (27 dan 28 Julai); Litar Estoril, Portugal (31 Ogos dan 1 September); Litar Navarra, Sepanyol (26 dan 27 Oktober) dan kembali ke Litar Jerez bagi menutup kempen 2024 pada 2 dan 3 November ini.

Pelumba berusia 12 tahun yang bernaung di bawah program pembangunan ZK Racing sejak 2020 dijangka turut serta pada Kejuaraan FIM MiniGP Siri Malaysia dalam kategori 190cc tahun ini. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

INSURANS perubatan telah dilaksanakan secara undang-undang di negara ini dengan membuat pindaan di bawah Bab 113A, Perintah Pekerjaan (Pindaan) (Bil.2), 2015.

Perintah ini telah diwartakan pada 21 Disember 2015. Antara objektif pelaksanaan insurans perubatan adalah seperti berikut:-

1. Sebagai perlindungan sosial kepada pekerja-pekerja di Negara Brunei Darussalam dengan menjaga hal ehwal kesihatan dan kebajikan pekerja.
2. Membantu para majikan melunaskan kos rawatan perubatan pekerja asing

Sumber : labour.gov.bn

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SIFAT MALU, PERHIASAN MUKMIN SEJATI